

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 55

Khamis

25 Oktober 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Penyalahgunaan Kuasa Dalam Perlantikan Hakim-hakim Negara	
- <i>Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh)</i>	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2008	(Halaman 23)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2008	(Halaman 23)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25 Oktober 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Gangguan sistem siar raya dalam Dewan]

[Mesyuarat dtempohkan selama 30 minit]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 10.30 pagi]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Ledang.

1. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah kesan kenyataan Pengarah Bomba bahawa sebahagian besar bajet hotel di negara ini terutamanya di Kuala Lumpur boleh menjadi perangkap maut apabila berlaku kebakaran seperti laporan berita pada 9 Julai 2007.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, hotel-hotel bajet sentiasa menjadi pilihan sesetengah pelancong asing yang melawat Malaysia, terutamanya golongan dengan izin, *backpackers* yang lebih menitikberatkan aspek kos daripada keselesaan. Namun begitu, kerajaan menyedari bahawa aspek keselamatan di dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan yang melibatkan pelancong asing di Malaysia tidak boleh dikompromi. Peningkatan ciri-ciri keselamatan di premis-premis perniagaan terutamanya hotel bajet sentiasa digalakkan bagi kemudahan pelancong asing yang menginap di hotel-hotel tersebut.

Buat masa ini Kementerian Pelancongan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mencari jalan penyelesaian yang sebaiknya, berhubung dengan isu aspek-aspek keselamatan di hotel-hotel bajet bagi memastikan aspek keselamatan pelancong asing tidak dijejaskan. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan asal saya Tuan Yang di-Pertua, menjurus kepada kenyataan dan terima kasih di atas jawapan yang berkaitan dengan perlunya bajet hotel ini dipertingkatkan tahap keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kenyataan daripada beberapa pihak yang kepada saya boleh menjejaskan industri pelancongan. Kadang-kadang sesuatu isu itu kecil tetapi dibesarkan. Soal jenayah, soal alam sekitar dan sebagainya. Jadi soalan saya ialah, bagaimana kesan terhadap pernyataan-pernyataan tersebut yang memberi impak kepada kemasukan pelancongan, dan bagaimana pihak kementerian membuat atau melakukan *image control*, dengan izin di dalam menangani masalah tersebut untuk turut menggalakkan pelancong datang ke negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Ledang. Memang soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat itu keluar sedikit daripada soalan asal.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang saya setuju bahawa isu-isu yang negatif akan membawa kesan yang tidak baik untuk industri pelancongan. Isu seperti dahulu banjir di Johor, keselamatan, bom-bom berlaku di Selatan Thailand, laporan yang negatif terhadap negara kita dan dari luar. Memang kita tahulah isu yang ini kita akan mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya mesti memberi sedikit maklumat lagi untuk bajet hotel yang ada pada masa ini di negara kita. Jumlah bajet hotel yang ada sehingga Mei 2006, jumlahnya 1,086 buah bajet hotel dan jumlah bilik ialah 28,000 dan memang kita sentiasa kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kita tidak kompromi isu keselamatan. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Barat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sudah bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Dia yang bangun dahulu tadi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tapi saya pun bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tak mahu lawan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa ini sama-sama parti pun mahu gaduh ke? *[Ketawa]*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Jerai hendak selesai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini suara yang tidak sama.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu. Apakah kriteria yang digunakan untuk memberi sesuatu atau bajet hotel memandangkan ada banyak yang mengatakan bajet hotel, tetapi sebenarnya bukan bajet hotel, *like* untuk *immoral activities* itu yang.. *[Disampuk]* jadi macam mana kementerian hendak kawal selia mengenai hal ini, dan kos yang dikenakan oleh bajet hotel ini nampaknya ia sangat beza. Walaupun kerajaan kerap kali mengatakan ada kriteria yang tertentu untuk mengenalkan,

bahawa bajet hotel hanya boleh mengenakan bilik sewa dengan kos yang tertentu. Jadi dalam hal ini, apakah kriteria-kriteria yang sedia ada dan macam mana, berapa efektifkah perkara ini? Adakah kita kawal selia dan berapakah hotel yang diperlukan pada tahun 2007 hingga *visit Malaysia* yang akan berakhir pada 31 Ogos tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Faham?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat seperti saya katakan tadi, jumlah bajet hotel di negara kita pada masa ini ialah 1,086 dan kita telah buat kawal selia dan kita telah hantar pegawai untuk melawat bajet hotel ini. Buat masa ini kita telah memberi pengiktirafan *what we call recognize* hanya 418 buah dan yang lainnya kita akan terus membuat *checking*.

Untuk maklumat Yang Berhormat, untuk mereka menjalankan *business*, itu adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita memang tahu buat masa ini kos-kos memang ada berbeza untuk bajet hotel ini. Yang ini kita pun tidak boleh kontrol sebab sebagai *free economy* dan terpulang kepada pengusaha. Kalau hendak kontrol kita mesti cari Kementerian *Domestic Trade*. Sekian.

2. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah proaktif bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sukan serantau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik adalah penganjuran kejohanan antarabangsa, pengurusan sukan dan pengaruh kepimpinan kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa berusaha ke arah menjadikan negara kita ini diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang aktif dan maju dalam bidang sukan. Penglibatan pemimpin-pemimpin sukan negara di dalam Persekutuan atau pertubuhan sukan antarabangsa turut membolehkan mereka memberi impak dan imej, bahawa negara kita adalah sebuah negara yang aktif dalam bidang sukan. Pencapaian negara dari segi prestasi atlet di peringkat antarabangsa turut tidak mengecewakan. Kita telah berjaya meletakkan beberapa jenis sukan di tahap terbaik dunia seperti sukan badminton, skuasy, wusyu, bina badan, *tenpin bowling*, boling padang, sepak takraw, pencak silat dan berbasikal *track*. Negara dikenali sebagai sebuah negara yang terkuat dalam bidang skuasy, badminton, *tenpin bowling* dan boling padang.

Walau bagaimanapun kita masih lagi menghadapi masalah dari segi prestasi atlet negara yang tidak konsisten hingga menyebabkan ada kalanya bidang sukan sering kali dianggap telah menggagalkan negara. Ini sedikit sebanyak memberi kesan dalam usaha kita untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan sukan.

Negara kita juga terkenal dengan kualiti penganjuran kejohanan antarabangsa, di mana kita telah berjaya meyakinkan masyarakat antarabangsa tentang kemampuan kita melalui beberapa kejohanan tahunan seperti *Formula One* yang merupakan kejohanan sukan bermotor utama dunia, *Le Tour de Langkawi* yang menjadi tumpuan pelumba-pelumba profesional dunia. Beberapa kejohanan dunia seperti wusyu, badminton, skuasy dan sebagainya membuktikan kepercayaan antarabangsa terhadap kita.

■ 1040

Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan negara-negara Asia yang lain Maka sudah tentu kita tidak dapat menandingi China, Korea, Jepun dan Thailand dari segi jumlah dan kekerapan penganjuran kejohanan antarabangsa Malaysia tetap menjadi destinasi pilihan antarabangsa.

Tuan Yang di Pertua dari aspek pengurusan sukan pula Malaysia mendapat kepercayaan antarabangsa dengan wujudnya pusat latihan dan ibu pejabat Persatuan Sukan Antarabangsa seperti berikut International Badminton Federation atau sekarang dikenali sebagai Badminton World Federation yang beribu pejabat di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Asian Football Confederation yang beribu pejabat di Bukit Jalil dan Pusat Latihan Prestasi Tinggi Olahraga IAAF yang ditempatkan di Bukit Jalil.

Kualiti pengurusan sukan kita juga boleh di lihat dari pemilihan pelantikan pegawai-pegawai sukan negara yang menjawat jawatan-jawatan penting di peringkat antarabangsa seperti dalam sukan badminton, snuker dan biliard, wusyu, bola keranjang, bola sepak, hoki, pencak silat, karate-do dan beberapa sukan yang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Panjang Tuan Yang di-Pertua, tapi saya hendak tanya jugalah. Sama ada Kementerian Belia dan Sukan mempunyai satu dasar, dasar khas untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan serantau, kalau ada apa inti patinya? Kalau tidak ada, bila hendak buat? Sebab Tuan Yang di-Pertua, dasar ini penting untuk mengelakkan pembaziran. Ok, kita bagi contoh kalau di Terengganu hari ini orang dah tahu Monsoon Cup, jangan lah pula ada negeri yang lain buat yang sama sebab kita ada dasar dan panduan.

Cuba kita tengok di Hong Kong bila sebut *rugby seven-aside* orang sudah tahu *that's* Hong Kong. Kita hari ini hanya tahu hoki Sultan Azlan Shah orang tahu dari Malaysia untuk menarik pelancongan saya bersetuju Formula 1, ok buat untuk menarik pelancong. Tapi untuk pusat kecemerlangan sukan serantau hoki sudah ada yang lain orang hendak tahu di Malaysia ini apa dia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekarang semua tahu Formula 1, Monsoon Cup tapi supaya mengelakkan pembaziran dengan adanya dasar ini Tuan

Yang di-Pertua dapat sebagai satu panduan untuk menyemarakkan lagi kecemerlangan sukan kita...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat dulu FAM *President* apa jadi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Oh saya ingat tikus mana tadi! Dahlah Ipoh Barat tadi bertelagah dengan Bukit Mertajam jangan tegur orang lain, lihat diri sendiri dulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa? Jawab soalanlah apa sudah jadi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan saya menjawab, saya bertanya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cakap dengan benar apa sudah jadi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha kenapa *football* tak *famous* juga?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya baru bertanya, bukan menjawab!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Turun lagi mengapa?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah cukup Yang Berhormat biar...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi supaya orang tahu apa yang akan berlaku di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Jangan dok asyik tengok DAP, dia tu melampau dah tidak ada satu yang relevan parti politik dalam negara kita ini. Sila jawab Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tak payahlah pembangkang membuat bising. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan memang tepat Kementerian Belia dan Sukan ada dasar mengenai sukan negara dan dasar Kementerian Belia dan Sukan seperti lapan sukan teras di bawah Kementerian Sukan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang ada betul dan kita tidak ada sebarang pelan untuk membazir kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Monsoon Cup, Formula 1, Le Tour de Langkawi adalah sukan-sukan yang terkenal di arena antarabangsa. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat akan dibawa kalau terdapat, buat masa ini memang tidak ada sukan-sukan yang berkelahi tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat akan dibawa kepada perhatian menteri supaya kelak kita tidak akan mengadakan dua sukan yang akan membawa padah kepada sukan negara. Terima Kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Yang di-Pertua kita akui bahawa Malaysia mampu menganjurkan sukan-sukan yang hebat-hebat seperti yang disebutkan tadi Formula 1, Monsoon Cup dan sebagainya – Grand Prix yang baru-baru ini. Namun begitu penglibatan warganegara Malaysia tidak begitu membanggakan. Kita banyak sebagai penonton sahaja dan mungkin juga kita tidak begitu kuat ataupun rapuh apa yang kita bina itu masih rapuh di mana kelemahan kita ialah kita kemudahan-kemudahan sukan di peringkat yang asas di

daerah kawasan Parlimen. Jadi dalam hal ini saya ingin mendapat jawapan setakat ini sudah berapa banyak kah kompleks sukan-sukan komuniti dibina di peringkat daerah ataupun di Parlimen? Kerana inilah yang menjadi asas dan kalau kita kukuh asasnya di peringkat daerah ataupun di peringkat komuniti maka akan kuatlah di peringkat kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang di-Pertua, walaupun soalan Yang Berhormat ini keluar dari soalan asas tetapi buat masa ini kompleks sukan komuniti sebanyak 30 buah sedang dibina ataupun dalam proses pembinaan. Ini bukan sahaja oleh sebab tiada ada prasarana di daerah yang menyebabkan kemerosotan sukan. Kementerian Belia dan Sukan memang bertanggungjawab dalam peningkatan mutu sukan negara. Sukalah mengatakan bahawa kita sentiasa terbuka dalam menerima kritikan tetapi dari segi akar umbi kita dalam '*cap of committee*' kita sedang meneliti supaya dari akar umbi, dari persekolahan sukan akan menjadi satu aktiviti yang akan menerima dengan izin *the right formula* supaya sukan di akar umbi ini digiatkan.

Mengenai prasarana-prasarana kita memang ada prasarana tetapi dari segi mental pemikiran belia-belia sekarang memang kita ada masalah untuk mereka mengikuti sukan-sukan. Saya ingin menyatakan di sini mudah-mudahan pada tahun-tahun akan datang dengan '*cap of committee*' yang melibatkan enam kementerian di mana Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan merangka pelan supaya sukan di akar umbi ini digiatkan. Sekian Terima kasih.

[Soalan No. 3- Y.B. Datuk Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) tidak hadir]

4. Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kementerian menyedari bahawa peniaga-peniaga kecil dan sederhana sedang mengalami kemerosotan perniagaan walaupun ekonomi kita menunjukkan perkembangan yang menggalakkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Padang Serai. Tuan Yang di Pertua, dalam persekitaran ekonomi negara yang semakin menggalakkan pada umumnya para peniaga kecil dan sederhana sebenarnya telah turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang menyeluruh. Usahawan kecil dan sederhana dalam sektor pembuatan telah mencatatkan pertumbuhan positif dari segi keluaran kecuali bagi subsektor jentera dan peralatan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2007.

Pertumbuhan tertinggi telah dialami oleh subsektor kimia dan produk kimia sebanyak 18.1%, di ikuti oleh produk makanan dan minuman 13%. Subsektor lain yang juga telah merekodkan pertumbuhan seperti getah dan produk plastik, logam dan produk logam, produk kayu dan perabot, elektrikal dan elektronik, peralatan pengangkutan, tekstil dan pakaian. Dengan kadar pertumbuhan antara 0.9% hingga 6. %. Bagi sektor perdagangan runcit yang banyak melibatkan usahawan kecil dan sederhana merangkumi pasar mini, kedai runcit, gerai, penjaja, pengedar dan koperasi pengguna juga menunjukkan prestasi yang menggalakkan.

Pada tahun 2006 contohnya Tuan Yang di Pertua nilai jualan serbaneka bertambah

sebanyak 34.4% di ikuti pasar mini 17.6%, manakala perniagaan *convenience store* sebanyak 4.6%.

Tuan Yang di Pertua, perkembangan perniagaan kecil dan sederhana yang dapat dilihat dari segi peningkatan pemberian pembiayaan oleh sektor kewangan. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2007, institusi perbankan telah meluluskan pinjaman sebanyak RM31 bilion kepada 63,000 akaun perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS yang mengalami pertumbuhan 4.7% berbanding dengan RM21 bilion kepada 44,000 akaun PKS bagi tempoh yang sama pada tahun 2006.

■ 1050

Pada masa yang sama, pinjaman tidak berbayar PKS terus menurun kepada 9.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul PKS. Menurut Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada tahun 2005, pendaftaran syarikat telah mencapai pertumbuhan 5.4%, manakala Pendaftaran Perniagaan tumbuh lebih pantas pada kadar 6.7%. Pertumbuhan ini membuktikan bidang perniagaan terus mampu menarik minat lebih ramai usahawan untuk menceburi diri dalam kegiatan ekonomi yang persekitaran perniagaan kini jauh lebih berbeza berbanding dengan sedekad yang lalu berikutan persaingan yang lebih sengit.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya berdasarkan perangkaan yang saya sebutkan tadi, adalah jelas perniagaan kecil, sederhana dijangka akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan positif ekonomi negara, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan. Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang telah diberikan, kita lihat, saya tidak mahu meragu-ragukan jawapan yang telah diberikan, tetapi mungkin ada satu masalah ataupun kesilapan di mana-mana, yang dilaporkan oleh pihak Kementerian Kewangan berlainan dengan realiti yang sebenarnya yang dialami di bawah. Jadi mungkin saya rasa kaedah yang digunakan. Apa yang dilaporkan agak akademik, tetapi realiti yang sebenarnya yang dirasakan oleh orang ramai adalah perkara yang berlainan. Kalau Yang Berhormat ada hantar pegawai pergi ke bawah untuk mendengar rintihan yang diberikan, kita dapati bahawa masalah yang sebenarnya ialah memang ada perasaan bahawa peniaga kecil itu mengalami masalah kerosakan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, baik..

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Jadi soalan saya adakah pihak kementerian mempunyai satu kaedah di mana *feedback*, maklum balas yang didapati itu adalah betul-betul realistik dan boleh kita mencari cara untuk mengatasinya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Adakah kementerian sedar kelembapan yang dialami oleh peniaga-peniaga kecil? Itu soalnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Memanglah kawasan saya pun di luar bandar juga macam Bagan Serailah. Memang saya dengar laporan begitu..

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Padang Serai, Padang Serai. Memang saya rasa ia sejiran dengan Pulau Pinanglah. Memang saya dengar pun begitu juga, tetapi kalau mengikut perangkaan yang ada, yang diambil oleh DOS atau *Department of Statistic*, dia punya *survey* itu menyeluruh. Jadi maknanya dia menyeluruh bandar dan di luar bandar. Dia punya *survey* itu menyeluruh.

Jadi maknanya yang ini *overall*, tetapi memanglah ada perbezaan antara bandar dan luar bandar. Mungkin saya tidak tahu tentang ini. Mungkin oleh sebab sekarang ini fenomena *hypermarket*, *supermarket*, *departmental store* dan sebagainya di mana saya difahamkan barangan yang dibeli oleh orang di dalam bandar lebih murah dari di luar bandar. Jadi ini disabitkan dengan kos pengangkutan. Jadi maknanya di luar bandar jadi mahal sikit. Contohnya, barangan yang dijual di kawasan Balik Pulau berbanding dengan di bandar lebih murah sedikit di dalam bandar dari di luar bandar. Ini berlaku akibat daripada kos disabitkan oleh pengangkutan. Jadi pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita di semua peringkat adalah lebih baik daripada yang dahulu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun yakin, statistik akan datang ini akan menunjukkan penurunan terhadap perniagaan runcit di seluruh negara kerana kehadiran *supermarket*, *hypermarket* yang lebih ketara pada ketika ini. Di bandar, di bandar kecil, di bandar sederhana besar, kehadiran *hypermarket* dan *supermarket* terutamanya Giant akan memberi kesan terhadap peniaga runcit. Adakah kementerian sedar perkara ini dan adakah kementerian merasakan bahawa kehadiran, pewujudan *hypermarket* dan *supermarket* yang kelak akan mengganggu peniaga kecil di semua peringkat? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memanglah fenomena sekarang ini *hypermarket*, *supermarket*, *superstore* dan sebagainya memang banyak terdapat di merata-rata tempat. Pertumbuhan ini sebenarnya dikawal di bawah satu *committee* yang disebut sebagai *Committee on Domestic Trade* yang dipengerusikan oleh kementerian, *Domestic Trade* yang dianggotai oleh ramai, sebelas kementerian yang lain. Mereka meneliti, ada garis panduannya Tuan Yang di-Pertua tentang *hypermarket*. Berapakah penduduknya, 350,000 ke atas, berapa jauh dari perumahan dan sebagainya, ada dia punya *guideline*, panduan yang disebut. Jadi ia memang dikawal dan *supermarket* ini pula ada termasuk juga *condition* yang disebut dalamnya iaitu mesti menjual sekurang-kurangnya 30% daripada barangan tempatan dan sebagainya. Ini ada *guideline* nya.

Bermakna dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak sewenang-wenangnya boleh menubuhkan mana-mana *supermarket*. Ia adalah di bawah kawalan tentang berbagai-bagai bentuk di bawah kawalan. Jadi saya tidak yakin, saranan ataupun disebut bahawa akan berlaku perubahan dari segi perniagaan di luar bandar mungkin tidak akan berlaku seperti yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada kawalannya.

5. **Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sama ada terdapat sebarang perancangan membina Perhentian Rehat dan Rawat di sepanjang Lebuhraya Bukit Putus (Seremban-Kuala Pilah) yang sedang dalam pembinaan sekarang. Jika tidak, bagaimana ianya boleh diusahakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Kerja Raya sedang mempertimbangkan cadangan JKR Negeri Sembilan untuk membina kawasan Perhentian Rehat dan Rawat iaitu R&R, di Lebuhraya Bukit Putus di kawasan *chain age* 6,600 sehingga ke 6,700. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya telah pun menyediakan kertas cadangan untuk mengiktiraf sebanyak 70 kawasan Perhentian Rehat dan Rawat sedia ada di Semenanjung Malaysia sebagai R&R Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Kementerian Kerja Raya juga sedang dalam peringkat menjalankan satu kajian lanjutan untuk menyediakan pelan induk Perhentian Rehat dan Rawat bagi mengenal pasti kawasan Perhentian Rehat dan Rawat baru yang berpotensi untuk dibina di sepanjang laluan utama Jalan Persekutuan.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengucapkan terima kasihlah di atas jawapan ini. Kepada saya satu jawapan yang biasalah sebab saya melihat Jalan Bukit Putus ini, dari segi sejarahnya memang telah lama diperjuangkan dan sekarang ini telah mula pembinaannya yang merangkumi jarak jauh lebih kurang 6.9 kilometer.

Jadi apa yang hasratkan, saya hendak jadikan Jalan Bukit Putus ini bukan sahaja kemudahan untuk orang ramai, berjalan daripada Kuala Pilah dan Seremban dan sebagainya itu, tetapi dijadikan tempat pelancongan, tempat pengguna jalan raya berehat dan sebagainya. Jadi, ada baiknya kalau boleh, kalau dibuat satu perkara yang luar biasalah. Ianya dibuat dan pada waktu yang sama jalan ini sedang didirikan, sedang dibina, dibuat pula R&R, supaya siap sahaja jalan, R&R pun siap. Supaya kemudahan-kemudahan ini akan dapat terus digunakan oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Jadi saya harap, soal pertimbangan tadi biarlah cepat, sebab saya tengok saya bangkitkan perkara ini dua, tiga bulan dahulu pun pertimbangan. Hari ini pun masih lagi dipertimbangkan. Jadi saya harap akan dapat diberi perhatian khususlah kerana ini ada sejarah yang tertentu berkenaan dengan jalan ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah ini pada asasnya saya terimalah dengan saranan yang dimaksudkan,

tetapi masalah utama Jalan Bukit Putus ini di antara Seremban dengan Kuala Pilah ini bukan masalah baru Yang Berhormat. Masalah yang sudah berlanjutan dan sekarang ini pun peringkat kita dalam proses menyelesaikan dan meluruskan jajaran jalan.

Jadi atas keprihatinan Yang Berhormat mewakili kawasan tersebut hendak tambah nilai dengan mewujudkan kawasan R&R ini adalah satu permintaan yang munasabah. Apabila kementerian menjawab bahawa kita mengkaji, kita bukan mengkaji secara main-main, Yang Berhormat. Kita kaji betul-betul kerana dalam kajian yang dijalankan, pertama dia melibatkan perkara yang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *technical parameter*. *Technical parameter* ini bukan satu perkara yang boleh diada-adakan.

Jikalau di kawasan tersebut memang ada potensi untuk dimajukan sebagai satu pusat pelancongan yang akan menyebabkan jajaran yang baru dapat diwujudkan dan penyelesaian pengguna untuk pergi ke tempat Yang Berhormat itu dan dijadikan sebagai pusat hiburan dan rekreasi dan jikalau R&R itu akan dapat menepati kehendak, dengan izin, *technical parameter*, maka perkara itu akan dilaksanakan dengan kadar yang paling segera. Sekian, terima kasih.

■1100

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ini mengenai Bukit Putus?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: R&R.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Pendang mana ada R&R?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ini hendak bantu kawasan lain. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Sepang, kalau kita jalan daripada Baling ke Pangkalan Hulu satu lebuh raya baru yang berada pada peringkat paras laut yang tinggi, jalan itu banyak belok-belok dan saya rasa tidak ada satu pun R&R di situ, dan kemungkinan berlaku kecemasan ataupun apa-apa kemalangan mudah berlaku di tempat-tempat tersebut. Jadi saya harap kementerian perlu memberi perhatian kepada jalan tersebut. Kalau sekiranya kementerian tidak dapat mengadakan dengan masa terdekat, apakah kebenaran diberikan kepada penduduk tempatan untuk berniaga ataupun memberi servis di kawasan-kawasan terbabit? Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Pendang, untuk maklumat Yang Berhormat jawapan yang telah pun saya kemukakan di Dewan yang mulia ini selain daripada perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mengenai Bukit Putus ini. Pihak kementerian juga sedang menjalankan kajian ke atas 70 lokasi yang melibatkan jalan Persekutuan kerana pada masa kini jalan yang melibatkan lebuh raya telah pun tersedia ada dia punya tempat R&R, tetapi dalam waktu yang sama jalan-jalan Persekutuan yang melibatkan pengguna lalu lintas yang dengan izin *high capacity* ini, kita sedang mengenal pasti 70 lokasi untuk kita wujudkan R&R. Jadi untuk jawapan spesifik, jalan Yang Berhormat maksudkan itu saya akan dapatkan maklumat terkini dan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

6. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, adakah harga pasaran diesel kita wajar atau terlalu tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain terutamanya dengan negara barat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, harga pasaran diesel di Malaysia amatlah wajar berbanding dengan negara-negara lain bukan hanya di rantau ini malahan di peringkat dunia. Perbandingan harga bahan berkenaan di antara negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

Negara	Harga Diesel (RM/Seliter)
Amerika Syarikat	2.64
United Kingdom	6.81
Perancis	4.89
Singapura	2.80
Indonesia	2.33
Thailand	2.50
Malaysia	1.58

Amat wajar dan kita harus bersyukur dengan harga yang sedia ada.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sebenarnya berapa banyak subsidi yang diberikan oleh kerajaan kita, supaya diesel ini dijual dengan harga RM1.58 seliter itu dan kalau subsidi ini berterusan, selama manakah negara kita mampu membuat sedemikian oleh sebab harga bahan mentah iaitu *crude oil* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah sekarang ini USD92 setong. Berapa lama kita mampu buat sebegini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Arau. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk tahun yang lalu jumlah dan peratusan penjualan diesel mengikut sektor, kita telah membelanjakan kalau dari segi nilai kewangan dia ialah sebanyak RM3.818 bilion. Kalau mengikut sektor bagi sektor perikanan sahaja kita telah membelanjakan dalam jumlah liter 1.164 juta liter, manakala untuk pengangkutan 5,467 juta liter. Ini tidak termasuk bot penumpang dan juga pengangkutan darat. Kita dapati kalau pada keseluruhan cuma diesel kita anggarkan ialah sebanyak RM3.8 bilion Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua: Dijadikan liter berapa?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kalau liter dalam lingkungan saya ingat...

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Lebih kurang dalam lebih daripada 9,541 liter untuk diesel sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Subsidi satu liter berapa?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Satu liter RM1.58.

Tuan Yang di-Pertua: Subsidi nya?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Subsidi yang kita bagi sekarang ini sebenarnya kalau kita hitung dalam lingkungan, subsidi keseluruhan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dalam satu liter, dijadikan satu liter?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Perangkaan kalau berdasarkan dengan RM1.58 harga yang sepatutnya dalam lingkungan di pasaran, dalam RM2 lebih. Saya ingat kalau tidak silap satu *tax foregone* dengan izin, yang satu subsidi yang sepatut kita bagi dalam lingkungan 70 sen hingga 80 sen kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua dan satu jumlah yang amat besar sekali.

Yang kedua persoalan yang dibangkitkan oleh Arau tadi selama mana yang kita akan mampu dan kita tahu bahawa keadaan ini tidak akan kita boleh bertahan seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi. Dalam keadaan *global warming* yang berlaku saya ingat dalam musim waktu sejuk ini pun dan mendatang *winter* dengan izin, akan datang, sudah pasti penggunaan minyak di paras dunia akan juga meningkat. Harga yang sudah pun sehingga sampai ke lingkungan USD90 setong ini satu harga yang terlalu tinggi Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau mengikut fundamental sebenarnya harga diesel sepatutnya, harga minyak di paras dunia turun berdasarkan perhitungan kosnya. Pengendaliannya, pengeluarannya, saya ingat dalam lingkungan lebih kurang USD20 hingga USD30 sebarel. Maknanya lebih daripada USD50 itu, dibesarkan dengan *speculation* iaitu anggapan pasaran sebenarnya tidaklah harga yang begitu realistik.

Yang membimbangkan kita keupayaan negara kita seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kita jangka keupayaan negara kita untuk memproses bahan-bahan pembakar api ini seperti diesel ialah dalam lingkungan sembilan hingga sepuluh tahun sahaja kita akan berupaya mengeluarkan kerana keupayaan kita menyedutnya daripada bumi mungkin sama ada di Sabah, sama ada Bintulu di Sarawak, sama ada di Terengganu dan amat terbatas sekali bagi kita. Waktu itu nanti kita akan terpaksa mengimport kerana pemrosesan mungkin bahan *raw material* ini tidak akan mencukupi bagi negara kita dan kita akan terpaksa mengimport daripada negara luar.

Dalam jangka masa itulah, seperti yang saya katakan dan saya difahamkan oleh pihak Petronas dalam lingkungan sembilan hingga sepuluh tahun keadaan negara kita boleh bertahan untuk menampung keperluan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri saya merasa bimbang dan runsiung dan risau bermaknanya dalam masa 10 tahun ke hadapan rakyat akan terpaksa membayar kos harga pembakar yang begitu mahal. Jadi apakah tindakan kerajaan untuk mencari alternatif. Macam kita sekarang ini sudah bercakap tentang biodiesel dan apakah cadangan, apakah kerajaan mungkin juga kita adakan stesen nuklear kita untuk menjadikan kegunaan bahan nuklear itu untuk menjadi bahan bakar seperti yang dilakukan oleh Iran hari ini, bukan untuk kita menggunakan sebagai senjata untuk membunuh tetapi menggunakan untuk menjadi bahan bakar...

Tuan Yang di-Pertua: Menjana kuasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Walaupun Iran sebuah negara yang mengeluarkan minyak Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia sudah bersiap sedia untuk menghadapi risiko kekurangan minyak di masa akan datang dan mengadakan sistem nuklear daripada hari ini. Ataupun adakah lain-lain alternatif yang boleh kita lakukan, minyak jarak kah, minyak apa lagi Arau? Yang boleh kita guna untuk menggantikan diesel ataupun bahan pembakar pada hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat bagi Arau soalan yang amat baik sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jerai Yang Berhormat, Jerai, aniaya saya.

■1110

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Jerai, saya ingat Arau. Saya setuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Jerai iaitu berhubung kait dengan apa langkah-langkah yang diambil, yang telah diambil dan yang sedang diambil oleh kerajaan untuk cuba mengatasi. Memang kita akui ini adalah merupakan salah satu kebimbangan kita iaitu bagaimana kalau kita sudah ketandusan bekalan minyak ini dan kita perlu persediaan. Maka dengan itu kalau kita melihat di peringkat awal lagi kerajaan telah mengambil beberapa langkah, contohnya macam Bakun. Malangnya pembangkang menidakkan langkah itu, kerana kita tahu bahawa walaupun perbelanjaan Bakun itu mungkin menelan belanja RM4 bilion, RM5 bilion atau RM7 bilion tapi puak-puak itu kata pembaziran. Kita tahu pada hari ini kalau kita lakukan lebih awal, keadaan itu kemungkinan sebagai satu sumber alternatif yang amat besar sekali untuk membolehkan negara kita untuk tidak bergantung kepada bahan pembakar api seperti petroleum.

Di negara maju yang sekarang ini pesat pembangunan seperti China sudah pun membina *dam generator power* yang begitu besar yang menelan belanja USD10 bilion sehingga USD20 bilion, semata-mata untuk itu merupakan satu jangka masa yang panjang. Bagi kita yang terdekat ini kita telah mengambil langkah-langkah seperti apa yang disebutkan biofuel yang diasaskan dengan penggunaan bahan yang dikeluarkan di negara kita kelapa sawit.

Maka dengan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil langkah yang positif untuk memastikan bahawa ini sebagai satu langkah yang akan membolehkan negara kita tidak bergantung kepada bahan ini. Kita akan mengalihkan penggunaan biodiesel dan sebahagian daripada itu 50% komponen diesel di campur dengan bahan kelapa sawit. Ini akan kita masukkan atau cantumkan untuk membolehkan sebagai bahan alternatif tenaga untuk diguna pakai bukan hanya oleh masyarakat, bahkan juga oleh pihak industri dan ekonomi kita.

Di samping itu kita juga melihat contohnya di negara kita memang sering berlaku keadaan angin ribut dan berbagai-bagai. Kita melihat bahawa *solar power*, *solar energy* juga menjadi satu bahan yang kemungkinan kebanyakan di luar bandar kita bincangkan luas dan panjang. Contoh macam di Sabah di Kudat satu suasana yang kita lihat kadang-kadang ribut angin yang begitu kuat sangat yang kita tak pernah *tape* dari segi sama ada ataupun sinar matahari yang begitu panas yang kita tak pernah memanfaatkan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi satu ombak Yang Berhormat Menteri. Dia pasang surut sehari dua kali. Dari situ kita boleh *tape* dia punya *table*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang ini *advance* sedikit ombak ini. Di samping itu berhubung kait dengan nuklear ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jerai. Walaupun kita akui bahawa nuklear adalah merupakan salah satu *source* yang banyak negara-negara lain, juga melihat itu sebagai sebahagian daripada langkah yang perlu diambil contoh macam Iran.

Walaupun ia merupakan negara pengeluar terbesar kedua di dunia selepas Saudi Arabia. Mereka juga telah mengambil langkah untuk melihat sebagai bahan alternatif iaitu penjana ekonomi, penjana bahan tenaga yang ada mereka perlu mengambil langkah-langkah itu. Bagi kita, oleh kerana kita juga sebahagiannya mempunyai bahan-bahan yang lain seperti yang saya katakan kelapa sawit amat besar dan *solar power* yang ada mungkin ini yang kita beri keutamaan untuk memastikan sebagai langkah alternatif selain daripada bahan pembakar api seperti petroleum. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

7. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Menteri Pelancongan menyatakan:-

- (a) bagaimanakah sambutan Tahun Melawat Malaysia 2007 pada setengah tahun ini; dan
- (b) jumlah pelancong yang mengunjungi Malaysia dan butiran pelancong dari negara mana yang datang ke Malaysia.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, Tahun Melawat Malaysia 2007 telah pun melangkaui lebih setengah tahun sejak ianya dilancarkan pada Januari 2007. Sambutan adalah memberangsangkan berdasarkan kepada angka ketibaan pelancong asing yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada

setengah tahun pertama 2007 iaitu seramai 10,690,426 orang. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 24.8% berbanding 8,564,222 orang pelancong pada tempoh yang sama tahun 2006.

Pelancong yang datang ke Malaysia adalah dari pelbagai negara. Berikut adalah di antara negara yang menduduki 10 tangga teratas yang melawat Malaysia sepanjang Januari hingga Jun 2007.

Negara	Jumlah Pelancong (ribu)	Pertambahan (%)
Singapura	5,287,290	11.9
Indonesia	910,388	63.6
Thailand	817,550	-25.5
Brunei	507,654	77.6
China	330,869	80.3
India	231,284	66
Jepun	182,135	9.1
Filipina	169,344	68.5
Australia	144,417	6.7
United Kingdom	136,429	4.7

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan susulan. Saya ingin merujuk kepada petikan surat khabar NST 20 September yang lalu bertajuk dengan izin, "*Immigration Officer robbed us of RM15,000*" yang melaporkan kisah bagaimana dua orang pelancong dari Sri Lanka Krishnapillai Akilaswaran dan Piratheen 28 tahun, ditahan di lapangan terbang KLIA pasport dan wang tunai sebanyak RM15,000 dalam bentuk US Dolar telah dirampas kemudian mereka dimasukkan dalam kem tahanan Semenyih selama lima minggu. Sebelum mereka dibebaskan pada 18 Oktober 2007 di depan wakil kedutaan Sri Lanka. Kedua-dua pelancong tersebut hanya dibebaskan selepas desakan dari pihak peguam dan pihak kedutaan Sri Lanka dan juga selepas satu aduan yang telah membabitkan Pengarah Penguat Kuasa Imigresen yang dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah.

Memandangkan bahawa tahun melawat Malaysia belum berakhir, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelancongan supaya pelancong tulen *genuine visitors* dengan izin tidak diganggu ataupun ditahan sewenang-wenangnya. Mengenai kes dua orang pelancong dari Sri Lanka yang

mengalami pengalaman yang begitu pahit di Malaysia apakah ada pampasan yang akan dibayar oleh Kementerian Pelancongan. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Yang Berhormat begitu prihatin dengan isu-isu pelancong asing yang datang ke Malaysia. Saya memang alu-alukan. Untuk maklumat Yang Berhormat, memang ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan atas arahan Jemaah Menteri.

Jawatankuasa itu ialah untuk membincangkan isu-isu dalam industri pelancongan dan juga aduan-aduan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat atau laporan di dalam surat khabar. Jawatankuasa ini diketuai oleh Kementerian Pelancongan dipengerusikan oleh Menteri atau Timbalan Menteri disertai oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Imigresen, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pihak kastam, polis, pihak LPKP dan juga ada pihak swasta dari industri pelancongan seperti MAS, AirAsia, persatuan hotel, MATTA.

■1120

Kita memang ada bincang isu-isu seperti ini dan kita juga nak jawapan dari agensi-agensi yang berkaitan. Memang kalau ada kesalahan yang kita buat kita akan bincang dengan agensi yang berkenaan supaya satu pampasan atau *apology* akan diberikan kepada mereka. Memang Yang Berhormat begitu prihatin dengan isu ini kalau ada maklumat yang terperinci atau spesifik boleh dihantar kepada saya supaya kita boleh bincang di dalam mesyuarat kita yang kita ada dua minggu sekali. Sekian.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan walaupun pelancong-pelancong Arab bukan merupakan yang sepuluh teratas tetapi mereka merupakan pelancong berkualiti. Maknanya saya difahamkan tiap-tiap pelancong Arab ini membelanjakan kira-kira RM7,000 bila dia datang melawat Malaysia. Jadi soalan saya ialah apakah usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan lagi lebih ramai pelancong dari Timur Tengah ini supaya datang ke Malaysia.

Keduanya, program *homestay* juga merupakan salah satu program yang ada agak popular di kalangan pelancong-pelancong khususnya daripada Singapura dan juga negara-negara jiran. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan program *homestay* ini di tiap-tiap daerah dan dalam masa yang sama menambah pendapatan penduduk di luar bandar. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu pelancong asing dari Arab membelanjakan lebih wang berbanding dengan pelancong yang datang dari negara-negara yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat kita yang ada *average per capital expenditure* iaitu purata yang mereka belanja ialah RM2,067 seorang. Pelancong Arab mereka membelanjakan *average* RM7,000 hingga RM8,000 dan memang kita nak lebih pelancong Arab

datang ke Malaysia. Kita memang ada buat promosi yang agresif dan kita ada juga berbincang dengan Kementerian Pengangkutan supaya lebih banyak *airlines* yang datang ke Malaysia.

Isu yang kedua *homestay*. Untuk makluman Yang Berhormat, *homestay* ini seperti yang saya jawab semalam jumlah *homestay* yang kita ada pada masa ini ialah jumlah *participant* iaitu 1,563 dan jumlah *village* iaitu kampung yang ambil bahagian adalah 105. Seperti yang saya katakan semalam kita ada satu peruntukan untuk membantu mereka dan juga kita bekerjasama dengan Kementerian Luar Bandar supaya lebih ramai pelancong yang datang di program *homestay* ini. Sekian.

8. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Malaysia mengekalkan dan memperbaiki keberkesanan penyediaan perkhidmatan perubatan ke kawasan pedalaman. Adakah para penduduk di kawasan pedalaman dengan senang mendapat kemudahan dan perkhidmatan perubatan moden melalui program tertentu seperti perkhidmatan Doktor Terbang (*Flying Doctor Service*).

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman memang yang diberikan melalui *facility* kesihatan statik dan klinik bergerak. Bagi memperbaiki keberkesanan penyediaan perkhidmatan ini, kementerian akan terus membina *facility* kesihatan baru dan menaik taraf *facility* sedia ada mengikut keutamaan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan.

Memandangkan kesukaran untuk mengakses ke suatu kawasan penduduk di kawasan pedalaman tertentu termasuk di negeri Sarawak, khidmat klinik bergerak melalui darat, air dan udara terus diperkukuhkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Justeru itu perkhidmatan doktor udara yang digunakan sejak 1973 masih diteruskan di Sarawak sehingga sekarang. Sehingga kini terdapat 12 buah pasukan perkhidmatan doktor udara yang beroperasi di Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Bahagian yang memberikan perkhidmatan di 173 buah lokasi di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Timbalan Menteri ini sudah datang ke kawasan saya dan mesti beliau prihatin keadaan di luar bandarlah.

Ada beberapa perkara saya ingin tanya. Pertama, di kawasan seperti Balih klinik-klinik yang di hulu sungai ini tidak cukup kakitangan hanya seorang dua orang. Bila mereka turun ke bandar atas urusan peribadi ataupun urusan mereka, tak ada orang yang menjaga klinik. Kadang kala mereka akan tinggal lama di bandar hingga klinik tutup satu minggu tak ada orang, itu satu. Sama ada kementerian ingin menambahkan lagi kakitangan di klinik-klinik seperti ini. Saya ingat ini di seluruh Sarawak sebab masalah pengangkutan.

Kedua, saya ingin tahu di kawasan tertentu seperti di kawasan Punan. Sama ada kerajaan bercadang untuk membina kan klinik kecillah tak payah yang cukup sangat asal ada

seorang kakitangan yang dapat memberi pil-pil atau ubat-ubat tertentu sebab mereka ini jauh di pedalaman dan tidak dapat langsung ke bandar.

Tidak lama dulu perkhidmatan *Flying Doctor* dibatalkan dan mereka ini memang sengsara di hulu sana, dalam enam bulan. Tambahan pula mereka yang ingin membawa perkhidmatan ke sana tidak digalakkan oleh kompeni balak, dihindari dan tidak dibenarkan melalui jalan balak.

Satu lagi yang akhir, saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang membina sebuah klinik kecil di Long Gurun yang terkenal dengan kes diesel dulu di mana 14 orang kanak-kanak telah mati. Ramai kaum Penan dan Kenyah dan ada 14 kampung di sana dan ada sebuah sekolah juga ladang-ladang kelapa sawit. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih soalan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Rajang. Saya memang dah pergi dah, dah jumpa orang hulu dan faham sikit-sikit apa yang dia orang cakap.

Saya amat simpati dengan suasana yang berlaku di Sarawak. Kita semua faham bahawa muka bumi Sarawak ini agak unik. Kalau kita tidak sampai ke hulu-hulu dengan izin, *tributary* kepada sungai Rajang ini, kita tak faham sebab itu Yang Berhormat Menteri. Saya dan juga Setiausaha Parlimen memang terdedah kepada isu-isu tersebut dan kita faham.

Untuk menangani isu-isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Rajang. Pertama, kita faham memang kurang kakitangan sebab itu kita beri *priority* sekarang ini kepada penempatan dan pengisian untuk negeri Sarawak.

Pertama doktor dari Sarawak dan Sabah mereka wajib berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk juga kakitangan-kakitangan paramedik.

Kedua, kita juga mengisi jawatan-jawatan tertentu khusus untuk negeri Sarawak. Yang Berhormat Menteri telah arahkan supaya jururawat diambil daripada luar negara untuk berkhidmat dalam negara kita yang memang kekurangan jururawat.

■1130

Ketiga, bagi memastikan prasarana Yang Berhormat bagi Hulu Rajang katakan itu saya akan periksa sama ada ia sudah ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, simpati, faham, maklum tidak memadai Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat luar bandar.

Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan permasalahan ini serupa kepada menteri. Menteri kata ya, lulus Yang Berhormat. Tahun dulu Tuan Yang di-Pertua, hari ini habuk pun tidak ada, saya tidak tahulah. Perdana Menteri telah mewujudkan satu

Jawatankuasa Pemuda, tetapi nampaknya tidak ada yang muda Tuan Yang di-Pertua, macam dulu juga.

Jadi ini, kita menjelang alaf 21, kalau kementerian, pegawai tidak fokus langkah-langkah tertentu, masalah yang dihadapi oleh luar bandar tidak akan selesai. Jadi saya mahu tahu bukan simpati, saya mahu langkah yang akan diambil seberapa segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Langkah yang spesifik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab itu saya sudah nyatakan tadi tindakan-tindakan yang kita buat, tetapi kita kena faham realiti pegawai kita. Mereka juga ada keluarga. Kalau kita paksa mereka, mereka letak jawatan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita sudah tidak ada lagi pegawai-pegawai yang rela berkhidmat untuk negara semata-mata. Kalau kita hantar mereka ke Tawau umpamanya, mereka pergi boleh pergi besok, tidak ada sudah.

Jadi kita kena uruskan ini dengan elemen dengan izin, *human* Tuan Yang di-Pertua. Saya faham dan saya pun dapat surat yang ditulis oleh Yang Berhormat Kinabatangan kepada menteri. Sikit-sikit kita sudah selesaikan, dan pegawai-pegawai yang kosong kita sudah isi. Cuma ia hendak isi sepenuh tidak bolehlah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, pada zaman Bakri jadi Menteri Kesihatan, satu rangka dasar dilaksanakan iaitu di pedalaman apabila ada *cluster* rumah panjang dan kampung dilaksanakan klinik-klinik desa. Cadangan daripada Ahli Parlimen telah dimajukan kepada kementerian, tetapi apabila menteri lain pula sudah tersasar kepada perkara-perkara lain, orang pedalaman terkilan sebagaimana disebut oleh Kinabatangan, disebut oleh Hulu Rejang.

Jadi mengapa dasar ini tidak dilaksanakan untuk menghantar dan untuk memudahkan lagi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan kerana lama mana kita cakap, langkah, simpati dan sebagainya, orang luar bandar yang akan terkilan dan tidak dapat kemudahan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan perubatan dan kesihatan, ia ada dua komponen. Satu, adalah membina prasarana dan kedua adalah membina kekuatan sumber manusia. Dua-dua ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masalahnya dua-dua tidak jadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, biar menteri jawab.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pertama sekali saya hendak terangkan bahawa tidak ada perbezaan dasar. Menteri yang dulu atau yang dulu-dulu dengan menteri yang sekarang dasar adalah sama. Cuma pendekatan dan pengisian prasarana kesihatan dibuat terlalu deras sehingga melepasi kemampuan dan kehendak sumber manusia. Jadi prasaran

banyak, sumber manusia kurang kerana hendak bina prasarana mudah saja, dalam 24 bulan boleh siap, tetapi untuk membina kekuatan sumber manusia ia mengambil masa yang lebih lama. Hendak bina jururawat yang mahir mengambil masa tiga tahun, lebih daripada prasarana yang dibina.

Sebab itu kita mengambil masa yang lebih lama sedikit untuk mengisi keperluan-keperluan sumber manusia dalam perkhidmatan-perkhidmatan terutamanya perkhidmatan luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian saja soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

PENYALAHGUNAAN KUASA DALAM PELANTIKAN HAKIM-HAKIM NEGARA

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara usul menangguhkan Mesyuarat di bawah peraturan 18(1). Merujuk kepada peraturan 18(1) dan 18(2), dengan ini saya ingin mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail mohon mencadangkan bahawa satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat penyalahgunaan kuasa dalam pelantikan hakim-hakim negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 20 September 2007, media tempatan dan antarabangsa telah melaporkan dengan meluas pendedahan bukti berbentuk video oleh belas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim berhubung isu penyalahgunaan kuasa dan campur tangan dalam pelantikan hakim-hakim Malaysia. Ini telah mencetuskan krisis kehakiman yang baru sehingga menyebabkan kegelisahan di kalangan rakyat terhadap sistem kehakiman negara.

Pendedahan isu pelantikan ini wajib dibahaskan kerana bukan sahaja ianya amat jelas melibatkan kepentingan ramai di mana keseluruhan rakyat Malaysia bernaung di bawah sistem kehakiman negara. Ia juga melibatkan nama baik Malaysia di mata dunia dan juga kewibawaan kerajaan yang telah diamanahkan untuk berperanan menjaga dan mempertahankan hak dan kepentingan rakyat.

Perdana Menteri sendiri sebagai ketua kerajaan, telah menggesa supaya segala kepincangan dan penyelewengan dilaporkan kepadanya. Maka amatlah mustahak usul ini diberi ruang untuk dibahaskan oleh ahli-ahli Dewan yang diberi mandat oleh rakyat.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sebagai ahli Dewan yang mulia ini sistem demokrasi didukung oleh tiga komposisi yang utama iaitu sistem perundangan, eksekutif dan kehakiman. Malah sejak krisis kehakiman pada 1988, kepercayaan rakyat kepada kewibawaan dan kebebasan sistem kehakiman di negara ini semakin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan perkara tertentu iaitu penubuhan Badan Suruhanjaya Diraja Khas untuk menyiasat krisis kehakiman September 2007 supaya kebenaran akan muncul sebagai menjawab soalan-soalan asas termasuk bagaimana sistem pelantikan hakim-hakim negara boleh disalah gunakan oleh pihak luar daripada proses dan tanggungjawab tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang melibatkan kebebasan kehakiman perlu disegerakan kerana persepsi masyarakat terhadap kewibawaan institusi kehakiman akan semakin merosot selagi keyakinan rakyat terhadap badan kehakiman tidak dipulihkan dan diselesaikan.

Berkaitan dengan isu yang tersebut, perkembangan terbaru yang amat merisaukan seperti kegagalan pihak panel bebas dan pihak Badan Pencegah Rasuah yang sekarang kelihatan seperti lebih cenderung memburu dan mencari pihak yang membuat rakaman di samping mengugut pihak yang mendedahkan pita video tersebut termasuk Anwar Ibrahim, Sivarasa Rasiah dan Sim Tze Tsin dengan dakwaan dan penjara.

Selagi kita melengahkan keputusan dan proses menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja, rakyat akan terus memegang pandangan negatif terhadap sistem kehakiman negara. Ini agak menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap keseluruhan sistem demokrasi di negara ini. Demi mempertahankan dan membolehkan kewibawaan badan kehakiman negara kita, dengan ini saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Permatang Pauh pada hari Selasa, 23 Oktober 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, pada hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara itu adalah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu

disegerakan. Di antara lain kerajaan telah menubuhkan sesebuah panel bebas pada 27 September 2007 untuk menyiasat kesahihan rakaman video klip tersebut dan perkara ini masih dalam siasatan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

■1140

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*. Merujuk kepada *Hansard* bertarikh 22 Oktober 2007, ini ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Jerai perkataan-perkataan seperti ini, “Yang Berhormat sendiri kena bersopan santun kalau mahu ajar orang. Kalau Yang Berhormat sendiri pun perangai macam itu dengan berkerusi roda, ini Tuhan telah tunjukkan kepada Yang Berhormat”. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkataan-perkataan yang menghina OKU. Semua OKU dalam negara ini.

Berdasarkan dengan Peraturan Mesyuarat 36(4) saya menyeru kepada Yang Berhormat ini untuk menarik balik apa yang dinyatakan olehnya. Seperti apa yang ada dalam surat khabar *New Straits Times* yang ada pada muka surat 22 hari ini, dalam *heading* “*Retract that statement*”. Ada beberapa pihak yang tidak berpuas hati, kesal dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Jika Yang Berhormat Jerai tidak atau enggan untuk menarik balik apa yang dikatakan olehnya, bolehkah Tuan Yang di-Pertua sendiri mengarahkan dia untuk menarik balik apa yang saya sebut tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara ini sudah berlalu, dan perkara itu dibuat dalam satu perbincangan yang hangat di antara kedua-dua pihak yang menimbulkan emosi dari kedua-dua pihak. Perkara itu pun telah berlaku, walau bagaimanapun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang saya rasa tidak patut diperkatakan dan saya harap perkara ini tidak akan dapat diperkatakan lagi di masa-masa akan datang, kerana ia melibatkan bukan seorang malah ramai lagi. Itu sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, maaf ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah untuk menjaga nama baik maruah Dewan ini. Jangan setiap kali apabila kata-kata telah dikeluarkan dan membuat keputusan bahawa ia telah berlalu, jadi hanya memberi amaran sahaja. Yang Berhormat Jerai harus menunjukkan keinsafannya, kekesalannya macam kes *incident* “bocor” tersebut telah menjatuhkan maruah Dewan ini. Jadi saya pohonlah agar apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Jerai tarik balik dan mohon maaf, itu sekurang-kurangnya boleh dibuatkan?

Tuan Yang di-Pertua: Dah mencukupi *ruling* macam itu ya. Sudah, sila Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(PINDAAN) 2007****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelancongan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh lapan billion satu ratus lapan belas juta dua ratus enam puluh sembilan ribu ringgit (RM48,118,269,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2008, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2008, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2007, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. **[24 Oktober 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani untuk menyambung perbahasan.

11.44 pagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya menyambung perbahasan semalam. Semalam pun saya tidak ada masa oleh kerana masa sudah hampir 7.30. Terima kasih, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

Saya di sini mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan Selamat Hari Raya maaf zahir batin kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Timbalan-timbalan Tuan Yang di-Pertua termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

[Timbalan Yang di-pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Hari ini kita rasa bahawa kita amat bertuah sekali sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, dan kita baru sahaja merayakan Perayaan Hari Kemerdekaan Yang Ke-50, tetapi malangnya ada dua perkara yang boleh mencemarkan perayaan kemerdekaan itu. Pertama ialah seorang warganegara kita telah memburuk-burukkan lagu *Negaraku*. Dua, Jalur Gemilang dibakar, apakah ini alamatnya dan dilakukan oleh orang muda-muda. Apakah mereka tidak mengerti dan tidak memahami apa erti kemerdekaan, apa itu segala macam untuk membangun negara ini?

Jadi apakah atau di manakah kesilapan kita sehingga perkara yang tidak diingini itu berlaku di kalangan anak-anak muda kita. Sekali lagi saya nak bertanya kepada pihak yang berkenaan, khususnya kepada menteri-menteri apakah langkah-langkah dan tindakan yang patut dan mesti diambil kerana negara kita mempunyai undang-undang, dan kita mesti pertahankan undang-undang yang kita selama ini menganggap dia menjaga segala kesejahteraan negara kita. Oleh itu, saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi satu pandangan kepada kita apakah langkah dan tindakan yang telah diambil kepada dua orang yang saya kata "Sebagai pengkhianat negara". Jadi sekali lagi saya pohon jawapan ini.

Perkara kedua ialah kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang berjaya ke angkasa lepas dan kembali ke bumi. Ini satu sejarah yang begitu cemerlang dalam sambutan kemerdekaan yang ke-50, dan kita dapati semalam negeri China juga telah melancar satu roket dan jangkauan mereka hendak ke bulan pada 2011 dan 2020 mereka jangka akan sampai ke bulan. Jadi dalam hal ini, kita Malaysia tidak ketinggalan ke belakang. Satu lagi perkara yang telah saya bangkitkan sebelum kita merayakan Hari Kemerdekaan Yang Ke-50, iaitu saya pohon dan saya telah mencadangkan kepada Menteri Kewangan supaya di bawa kepada Jemaah Menteri, perlunya kita mencetak wang kertas RM50 dengan gambar Tunku Abdul Rahman. Mengapa tidak? Sumbangan dan asas yang telah dilakukan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman begitu besar sekali kepada negara. Jadi mengapa tidak, oleh itu saya perlu dan saya pohon jawapan daripada Menteri Kewangan dalam hal ini, mengapa ia tidak boleh dilakukan. Jadi mengapa tidak wang kertas ini sebagai lambang, simbol bahawa kita telah pun merayakan Hari Kemerdekaan Yang Ke-50 dengan yang demikian, maka wajarlah gambar Tunku Abdul Rahman diletakkan di wang kertas RM50 ini.

Ketiga ialah mengenai dengan pembangunan yang seimbang dan tidak seimbang. Tadi baru sahaja kita dengar Yang Berhormat daripada Hulu Rajang telah membangkitkan mengenai dengan pembangunan di Sarawak khususnya dari segi kesihatan tidak begitu baik sekali.

■ 1150

Jadi dalam hal ini apakah kita perlu melakukan pembangunan yang seimbang antara Semenanjung dan di Sabah Sarawak. Kita sudah ada pelbagai agensi untuk melaksana dan menjalankan tanggungjawab serta tugas-tugas pembangunan. Macam juga kita pertikaikan. Kita tubuh jawatankuasa seperti PEMUDAH umpamanya untuk melihat dan memantau segala macam projek. Semalam juga kita dengar perbahasan di dalam Dewan ini, projek-projek yang hendak dilaksanakan yang telah kita lulus pada masa yang lampau iaitu pada 2006 bagi 2007 masih tidak dilaksanakan atas alasan katanya peraturan itu, peraturan ini. Kemudian ada juga alasan bahawa bila tender itu sudah keluar, maka ia sudah ke belakang. Oleh yang demikian kos juga sudah meningkat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Sungai Petani. Saya bersama dengan Sungai Petani dan mungkin seluruh Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan Sungai Petani, soal kesihatan seperti yang dibangkitkan oleh Hulu Rajang, yang dibangkitkan oleh Kinabatangan yang berlaku di Sabah, di Sarawak. Mereka pada tahun sebelum 1963, pungutan suara mahu masuk Malaysia atau tidak, mereka pilih untuk masuk Malaysia. Pengorbanan mereka untuk menubuhkan Malaysia ini, kemudian kenapa, kenapa kemudahan asas yang begitu asas tidak dapat hendak kita sempurnakan setelah kita merdeka 50 tahun, Sarawak dan Sarawak 43 tahun. Asas! Yang mereka minta bukan mahligai yang besar-besar, pembangunan mega, tidak, asas!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudahan kesihatan, kemudahan yang begitu mudah, ringan, murah pun tidak dapat kita sediakan. Apakah kita masih bersikap pilih kasih dan pihak perancang yang ada di pihak-pihak kerajaan ini. Di mana mereka punya peri kemanusiaan kepada rakyat dalam negara ini yang memang satu standard, bukan *double standard* dan sebagainya. Saya harap perkara seperti ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ini Sungai Petani yang berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sungai Petani, saya minta maaf, saya simpati sangatlah dengan sahabat-sahabat Sabah dan Sarawak. Kita sebagai Ahli Parlimen Malaysia bertanggungjawab atas mereka. Saya harap jawapan-jawapan yang merasa simpati apa yang dibangkit oleh Kinabatangan – simpati, faham, soal-soal seperti ini, jawapan-jawapan yang seperti ini tidak ada lagi dalam kamus Dewan yang mulia ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali kah, Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat saya, rakan saya membela sebab keadaan yang berlaku. Sudah merdeka 50 tahun, api elektrik tidak ada, air bersih tidak ada, Kementerian Kesihatan – kemudahan prasarana pun tidak ada, *human capital* pun tidak ada. Saya tidak tahu apa yang ada. Jadi saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan bukan hanya simpati tetapi serius melihat masalah rakyat supaya diselesaikan. Kalau tidak boleh selesai, saya ingin tahu kenapa, apa masalah dia. Terima kasih Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa saya senada dan sehaluan dengan Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Sri Gading. Dalam hal pembangunan yang tidak seimbang ini yang mana kita telah...

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sekejap, saya habiskan ini dahulu. Yang mana kita telah lulus dalam masa perbahasan bajet tahun yang lalu, kemudian kita lancar pula Rancangan Malaysia Kesembilan, semuanya ditulis dan kita bahas panjang lebar dan kita bersetuju inilah yang saya hendak tanya. Apakah sekarang ini, di mana kesilapan dia. Adakah agensi yang melaksanakan? Adakah pegawai-pegawai ini yang menanggung rasa tidak puas hati untuk melaksanakannya? Apakah ini semua? Kita ada agensi. Sekarang ini sudah ditubuhkan pula PEMUDAH, yang kadangkala menyusahkan. Apa ini semua? Jadi persoalan, adakah..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...persoalan dia juga, peraturan MOF..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia kena bagi dahulu, Yang Berhormat. Kalau Sungai Petani tidak bagi, saya tidak benarkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bagi saya laluan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Dia tengah naik syekh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bagi laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia bagi laluan, Yang Berhormat, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kadang-kadang menteri kita ubah sahaja kementerian, ubah sahaja menteri, dasar berubah, pelaksanaan berubah, cara bekerja berubah, apa yang dirancang oleh menteri semuanya tidak dibuat oleh menteri ini, bagaimana rakyat dapat dibela, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini keadaan dalam negara kita, soal remeh temeh ini, macam mana? Perancangan sudah ada oleh menteri yang berkenaan, patut diteruskan oleh menteri yang baru. Ini apa benda kerja menteri-menteri ini? Apabila saya dilantik jadi menteri, saya gunakan cara saya. Kinabatangan jadi menteri, saya punya cara dia tolak, dia pun jalan. Akhirnya rakyat akan jadi mangsa. Bagaimana sebenarnya? Saya membawa ini untuk Perdana Menteri kita memikirkan bagaimana tindakan Menteri-menteri Kabinet ini.

Ini bukan saya hendak menentang kerajaan atau sebagainya. Saya beri pandangan supaya rakyat tetap terbela. Kita akan menghadapi pilihan raya dan rakyat tidak ada pilihan lain, akan pilih Barisan Nasional. Ini tujuan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat, yang berucap, Sungai Petani.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum cukup Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sudah lewat, Yang Berhormat, sudah tidak sempat hendak baiki.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau hendak menyuarakan masalah rakyat dalam masa 5, 6 minit, Tuan Yang di-Pertua, rakyat punya masalah terlalu besar. Kalau kita, Ahli Parlimen tidak mengemukakan, bukan perkara 5, 6 minit, belum cukup, Tuan Yang di-Pertua. Beri saya tiga jam, Tuan Yang di-Pertua, untuk saya kemukakan masalah rakyat dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi terhad.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya tahu perasaannya. Dia begitu menusuk hatinya, yang hendak dicurahkan. Itulah rasa rakyat. Bila projek tidak jalan di kawasan, orang tuduh wakil rakyat tidak buat kerja. Ini bukan soal wakil rakyat tidak buat kerja. Mereka kata pula kerana Barisan Nasional ini adalah kumpulan yang hanya 'Yes Man'. Ini tidak benar. Lihat sekarang, lihat bagaimana kita bahas perkara-perkara ini yang menyuarakan bagi pihak rakyat di kawasan masing-masing. Nampaknya Barisan Nasional lebih ke hadapan daripada parti pembangkang. Parti pembangkang, dia waktu pilihan raya sahaja, dia macam semut gatal. Bila air pasang, dia naik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sudah terlewat, hendak pilihan raya tidak lama dah, sudah tidak sempat buat apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Rantau Panjang, itu kawasan Barisan Nasional pilihan raya akan datang, insya-Allah. Jadi saya minta Gombak tadi minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Kalau soal kesihatan tadi di kawasan pedalaman yang dibangkitkan oleh, kalau kita dengar jawapan daripada Kementerian Kesihatan, soal utama adalah soal *human resource*, jadi katanya tidak ada orang yang hendak mengendalikan klinik dan sebagainya. Saya berfikir kalau di kawasan pedalaman ini, prinsip saya yang terbaik adalah untuk kita melatih orang tempatan, orang yang tinggal di situ tentang misal katanya untuk menjadi jururawat terlatih atau untuk menjadi *medical assistant* atau sebagainya atau...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Gombak, kalau mahu seribu daya, kalau tidak mahu seribu dalihlah. You punya pandangan, pendapat cukup baik. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Jadi saya rasa soal untuk mencari orang bekerja di kawasan pedalaman tidak lagi menjadi persoalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Sebenarnya saya tulis perkara itu, masuk. Tadi bila Timbalan Menteri Kesihatan jawab soalan itu, saya rasa itu cuba mengelak daripada jawapan sebenar. Jadi kalau kita sudah mahu buat, misalnya melatih jururawat, macam kita cakap guru pedalaman tidak ada, kita cari orang kawasan itu. Sekarang kita ada sekolah menengah. Ramai keluaran, kalau hendak jadi jururawat, yang SPM, mereka buat sains, semua boleh kita ambil. Jadi mengapa tidak dalam hal ini hendak tunggu itu dan ini. Jadi soalnya saya rasa cadangan Yang Berhormat, saya jadikan sebahagian daripada cadangan yang saya akan kemukakan kepada Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan juga dalam cadangan ini saya sekali lagi saya pohon sekarang ini Kementerian Kesihatan kena jalankan balik kempen-kempen menjaga kesihatan yang baik. Misalnya bukan sahaja di Sabah Sarawak, seluruh Malaysia termasuk Semenanjung iaitu mengenai dengan kesihatan mulut, *oral hygiene* yang mana tidak lagi diambil kisah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kemudian tidak ambil kisah mengenai dengan mata.

■ 1200

Begitu juga saya harap Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk melihat supaya kalau kita kata kita sudah merdeka 50 tahun, peningkatan kesihatan juga mestilah di tahap yang atas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat, memang kalau kita melihat bahawa bukan sahaja di Kementerian Kesihatan, bahkan terdapat sebilang kementerian-kementerian, menteri dia lembap. Saya tidak tahu, menteri dia lembap macam dia tak tahu apa dia buat duduk jadi menteri. Ini persoalan yang kita hadapi, jadi apabila ini berlaku maka rakyat menjadi sengsara.

Saya percaya bahawa kerajaan ada jadual-jadual tertentu untuk memberi pembangunan tahun ini. Kementerian Kesihatan, berapa untuk Kinabatangan, ini dia janji tahun lalu, tahun ini pun tidak ada satu pun, jadi apa masalah dia. Kenapa pula boleh berlaku begini, bermakna menteri dia atau pegawai dia tidak tahu apa dia buat. Kalau ini berlaku, rasa saya Perdana Menteri perlu lihat bahawa menteri-menteri yang lembap ini...., bagilah orang yang baik-baik bekerja untuk rakyat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat telah bangkit ini, saya tidak boleh jawab. Itu ditujukan khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertimbangkan tentang kepimpinan bagi satu-satu kementerian. Dalam hal ini cuma yang saya katakan tadi, apabila sudah kita persetujui di dalam Parlimen, kita sudah rancang segala-galanya jadi kita katakan kita turut berbanggalah sebab di Malaysia kita rancang dan kita laksanakan tetapi dalam soal pelaksanaan semalam perbincangan dua hari yang lalu semua menjurus kepada persoalan *delivery* atau pun sistem penyampaian. Apakah atau di mana kesilapan kita.

Macam saya katakan tadi, apakah projek yang sudah kita luluskan adakah kerana peraturan MOF – *Ministry of Finance* dan di mana wang itu kalau kita sudah peruntukkan di dalam Dewan ini, itu sudah tentu ada dan di mana wang itu, kadang-kadang kenapa dia lewat. Itu yang saya katakan kita tidak mahu rakyat menuduh bahawa Wakil Rakyat tidak buat kerja.

Kita telah cadang misalnya macam saya, saya telah kemukakan banyak senarai-senarai projek tetapi kadang kala projek ini tidak dapat dijalankan. Itu persoalan kita. Adakah kita tidak ada wang? Semalam sahaja, atau dua hari yang lalu, Perdana Menteri kita kata walau pun kita hantar orang ke angkasa tidak bermakna duit kita sudah habis. Dia beri jaminan, kita mesti percaya ini, Perdana Menteri kata kita ada wang untuk melaksanakan projek jadi kita juga ada sumber-sumber tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat kena gulung. Kena gulung Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya lihat daripada perbincangan kita tadi, tentunya Tuan Yang di-Pertua, projek yang telah

diluluskan pada tahun 2005 tidak dilaksanakan pada tahun 2006. Yang menjadi masalah ini, biasanya dekat *Planning Unit*, apabila tidak dilaksanakan pada tahun 2005, dijangkakan akan dilaksanakan pada tahun 2006, jadi dalam bajet itu dia tambah 10%.

Kalau projek itu RM20 juta, dia akan tambah jadi RM22 juta tetapi malangnya bila *time* hendak dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua, harga barang naik berlipat ganda. Kenaikan 10% yang dijangkakan dalam bajet tidak cukup. Contoh, rumah murah dekat Sabah, kalau dahulu hendak dilaksanakan dalam harga RM25,000 ketika itu simen harga RM10. Sekarang apabila hendak dilaksanakan dalam tahun 2007, simen sudah harga RM17 di pasaran, kenaikan yang begitu ketara, jadi kalau diletakkan 10%, 10% baru 20% tetapi barang sudah naik lebih daripada 50% akhirnya hari ini rumah awam ataupun rumah murah dekat Sabah tidak dapat dilaksanakan kerana kos sudah naik 50%, jadi adakah ini kalau berlarutan akhirnya perancangan akan menjadi perancangan di meja sahaja tetapi pelaksanaannya tidak dapat dilaksanakan kerana harga barang begitu naik.

Oleh yang demikian saya berharap Sungai Petani datangkan satu cadangan bagaimana yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka yang mana projek-projek RM20 juta ini apabila dah diluluskan dalam Dewan Yang Mulia ini kita bagi baucar ataupun inden kepada kerajaan negeri supaya pelaksanaan projek ini dilaksanakan di peringkat negeri lebih cepat lagi.

Kalau di peringkat pusat ini, saya lihat banyak projek yang tergendala. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani minta gulunglah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Saya akan gulung Tuan Yang di-Pertua. Saya minta lebih sedikit sahaja sebab saya terkilan banyak kali saya bangun. Inilah peluang saya dan Selamat Hari Raya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah lebih Yang Berhormat, dah lebih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya kata begitu tadi, sebab itu kita bangkit. Yang Berhormat Jasin bangkit cukup bagus. Semalam pun kita bahas lagi. Saya bangkit untuk menyatakan cadangan kita hari ini apakah, di manakah silapnya.

Kalau kita ada agensi atau jawatankuasa pemudah katanya bagaimana hendak memudahkan ini dan kita harus minta supaya EPU misalnya supaya mengkaji semula di manakah projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan. Apakah kerana peruntukan kewangan walhal kewangan sudah diluluskan. Mengapakah tidak dia dilaksanakan?

Ini yang kita hendak tahu jadi kalaulah kita melewat-lewatkan projek itu, harga atau kosnya akan bertambah. Saya hendak bangkitkan di sini satu perkara mengenai modal insan tadi iaitu saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat bagi Semberong kerana

dipilih menduduki Exco UNESCO. Ini bukan mudah jadi diucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Semberong kerana dapat jawatan itu.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pelajaran yang mana langkah-langkah telah diambil, langkah-langkah proaktif misalnya. Dulu saya telah mencadangkan supaya beberapa perkara dilaksanakan. Misalnya macam buku teks percuma, misalnya yuran peperiksaan, semuanya didengar dan dilaksanakan. Terima kasih kepada Kementerian Pelajaran dan untuk membawa perkara ini kepada Kabinet.

Sekali lagi saya katakan ini baru-baru ini mengenai dengan sistem pelajaran kita berjalan lancar dan begitu baik hanya ada sedikit-sedikit sahaja kelemahan lagi yang mana kita harus baiki. Misalnya, itu saya kata kurikulum dia mencakupi keseluruhan iaitu *teacher's training* nya, dengan sekolahnya, infrastrukturnya dan sebagainya.

Sekarang soal dia ialah soal silibus, apakah silibus kita hendak perbaiki mutunya dari segi pengajaran dan pembelajarannya. Umpamanya saya ambil contoh soal mata pelajaran agama Islam. Mengapakah kita daripada Darjah Satu sampai ke Tingkatan Lima, sampai ke Tingkatan Enam, *emphasis* kita kepada pelajaran agama Islam dan pelajaran moral tetapi mengapa anak-anak kita hari ini juga antara mereka terlibat dalam macam-macam masalah sosial. Kenapa, adakah ia tidak berkesan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya pohon supaya ini dapat diterokai lagi sekali mencari sebab-sebab mengapa pembelajaran dan pengajaran agama Islam adakah tidak berkesan kepada anak-anak kita. Apakah harus kita lakukan pendekatan yang lain. Bagaimana kita hendak lihat dari segi *teacher's training*, guru-guru agama misalnya dapat menyampaikan mata pelajaran dengan baik sehingga ia menjadi sebahagian budaya kita bukan sekadar untuk menghafaz doa-doa untuk menghafaz itu dan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya yang akhir sedikit Tuan Yang di-Pertua, yang saya telah sediakan di sini ialah kita bercakap hari ini mengenai dengan pemanasan global ataupun *global warming*. Saya minta di sini supaya peruntukan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini ditambah. Saya rasa tak cukup sebab saya percaya kementerian itu tidak ada. Sekarang Jawatankuasa *Global Warming*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya berharap peruntukan untuk menjalankan dan melaksanakan *research*...., sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Dua minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Orang lain pun ada yang hendak berucap Yang Berhormat, cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *Global warming* ini penting ini Tuan Yang di-Pertua,

■ 1210

Jadi sekali lagi saya cadangkan untuk peruntukan *research* iaitu *global warming* ini amat perlu pada kita yang akan membawa kesan yang buruk kepada negara kita. Sejauh manakah kita sudah bersedia dengan perubahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Sungai Petani. Cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

12.10 tgh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk melibatkan diri dalam perbincangan Bajet 2008.

Secara umumnya saya berpendapat bahawa bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu bajet yang mengambil kira kepentingan dan juga soal kebajikan rakyat jelata, akan tetapi kita kena melihat pengurusan bajet kita secara berterusan.

Saya ingin mengambil beberapa perspektif dalam perbincangan saya ini, yang pertama dari secara makronya. Saya melihat bahawa pengurusan ekonomi yang mapan merupakan satu perkara yang amat penting. Saya bersetuju dengan tema dan strategi Bajet 2008 - Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran, dan soal kata kuncinya di sini adalah membina negara dan menikmati kemakmuran. Tiga strategi yang digariskan adalah:

- mempertingkatkan daya saing negara
- memperkasakan pembangunan modal insan
- menjamin kesejahteraan rakyat

Saya tidak ada masalah dengan tema dan strategi, tetapi dari segi makronya kita kena melihat pembangunan ataupun pengurusan kewangan negara kita secara berterusan itu. Saya merasa khawatir sedikit, kerana kalau kita melihat kepada bajet kita, dari segi perbelanjaan mengurus sebanyak RM128 bilion telah diperuntukkan. Kita melihat dari segi pendapatan negara kita bergantung pada pendapatan petroleum. Di mana kalau kita lihat dua tahun kebelakangan ini pendapatan yang diperoleh daripada sumber asli iaitu petroleum khususnya lebih daripada RM20 bilion dalam bentuk cukai dan terma oleh kerajaan dan RM20 bilion lagi yang diterima sebagai dividen.

Ini bermaksud satu pertiga daripada pendapatan kita untuk tujuan mengurus ini datangnya daripada petroleum. Saya juga yakin oleh kerana harga minyak telah naik sehingga mencecah angka USD90 setong, pendapatan ini mungkin akan bertambah 20% atau 30%. Saya menjangkakan pada tahun ini, sekiranya pertumbuhan yang sama ia akan mencecah angka RM55 bilion atau RM60 bilion.

Ini satu perkembangan yang menggalakkan, tetapi apa yang saya rasa kluatir adalah sumber asli yang kita ada ini satu hari kalau mengikut jangkaan yang ada sekarang, jangkaan hayatnya adalah lebih kurang 18 tahun. Sekiranya tidak ada penemuan tempat-tempat ataupun sumber petroleum, sumber minyak yang baru, saya rasa kita perlu membuat satu ramalan (*prediction*) perancangan yang rapi sebelum kita berdepan dengan senario selepas 18 tahun. Kita melihat dari segi pendapatan yang kita terima lebih daripada RM40 bilion dan mungkin pada tahun depan lebih daripada itu iaitu RM50 hingga RM60 yang kita terima. Ia merupakan sebahagian iaitu lebih kurang separuh daripada perbelanjaan kita. Jadi, ini merupakan satu tunggak utama.

Apa yang akan terjadi selepas 18 tahun? Di sini saya ingin membincangkan perkara ini secara khusus dan saya rasa sudah sampai masa kerajaan memikirkannya. Oleh kerana pertumbuhan ekonomi kita daripada 5% - 6% sejak kebelakangan ini bukan satu masalah yang besar. Saya menjangkakan bahawa sehinggalah 18 tahun, selagi ada sumber petroleum kita tidak ada masalah. Apa yang akan berlaku selepas pada suatu hari nanti kita tidak ada sumber petroleum? Kita bersyukur kerana *oil and gas* kita masih boleh bertahan hingga 40 atau 50 tahun tetapi petroleum yang menjadi satu masalah.

Daripada dahulu kita menjadi *nett exporter* sekarang kita menjadi *nett importer*. Apabila kita dalam keadaan ini menjadi *nett importer*, bermakna apa yang kita terima sekarang walaupun nampaknya tinggi apa yang kita hendak beli daripada luar negeri, minyak untuk kegunaan domestik juga akan bertambah. Ini bermakna mungkin subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat jelata juga bertambah. Ini merupakan satu bebanan kepada kerajaan pada masa akan datang. Jadi, saya rasa adalah baik perancang-perancang ekonomi negara memikirkan cara yang terbaik.

Di sini ada beberapa perkara ataupun beberapa sudut yang perlu diambil kira:

Pertama, kita saban hari mengatakan bahawa sektor perkhidmatan merupakan satu sektor yang penting yang hendak kita bangunkan, dan kita hendak membangunkan sektor perkhidmatan kita supaya setaraf dengan antarabangsa. Adakah kita bersedia? Adakah dalam tempoh 18 tahun kita boleh bersaing dengan perunding-perunding antarabangsa? Adakah dalam sektor pelancongan atau sektor perubatan dan sebagainya kita setaraf dengan negara lain? Saya rasa kita kena bersedia dan merancang, supaya satu hari nanti tanpa bergantung pada pendapatan petroleum kita mampu bertahan dan kita boleh mengekalkan pertumbuhan lebih

daripada 7%. Saya rasa itu adalah satu strategi pertama yang perlu dirancang untuk memastikan pembangunan ekonomi kita mapan.

Kedua, sampai masanya kita memikirkan sumber alternatif. Baru-baru ini kita merasa gembira apabila ada pengumuman tentang penanaman pokok jarak atau jatropha yang akan ditanam secara besar-besaran dan akan dibeli oleh Petronas. Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang betul. Adakah kita bersedia untuk menanam pokok jatropha secara besar-besaran? Adakah kita menyokong dari segi sumber kewangan dan bagaimana kita menyokong? Saya rasa itu adalah satu perkara yang amat penting bagi mengekalkan kesinambungan pembangunan ekonomi kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Terima kasih, Ayer Hitam. Saya merasa terpanggil kerana saya di antara orang yang menguar-uarkan jatropha ini dua tahun yang lepas. Untuk makluman Yang Berhormat, saya sudah berjumpa dengan banyak kementerian - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya lihat macam Yang Berhormat lihat juga, kerana ini adalah sumber kekayaan baru yang boleh dinikmati oleh rakyat Malaysia, tetapi sehingga hari ini walaupun saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkempen di Sabah baru-baru ini, dia telah bercakap tentang tanaman jatropha ini di Sabah dan meminta Kerajaan Negeri Sabah supaya mana kawasan-kawasan yang tidak boleh ditanam dengan kelapa sawit dan tanaman lain supaya pergi kepada tanaman jatropha ini kerana jatropha ini walau tanah macam mana pun dia boleh hidup.

Malangnya tidak ada satu kementerian pun yang berminat, Yang Berhormat. Saya pergi kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tetapi dia kata ini bukan kami. Mulanya dia sanggup sehingga berjanji dalam Parlimen ini hendak membawa di antara kalangan Ahli Parlimen yang berminat untuk melihat tanaman jatropha yang pada hari ini sudah maju di Burma, Myanmar dan India. Sekarang ini pula dia datang balik kepada kita dan mengatakan bahawa tanaman ini tidak termasuk dalam kementeriannya.

Jadi, apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini? Adakah kena wujud kementerian yang baru?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Saya rasa itu satu pandangan yang bernas. Memang betul, kalau sumber alternatif itu tidak diambil berat, maka potensinya tidak dapat kita nikmati kalau kita tidak memulakannya dari sekarang.

Jadi, saya hendak sarankan di dalam Dewan yang mulia ini, oleh kerana kerajaan ini adalah kerajaan kolektif, kita tidak boleh membezakan satu kementerian ini dengan yang lain dan masalahnya sekarang tidak ada kementerian yang dipertanggungjawabkan atas kerja-kerja penanaman pokok jarak. Maka saya ingin menyarankan agar satu Jawatankuasa Kabinet

ditubuhkan kerana *renewable energy* ataupun sumber-sumber alternatif untuk tenaga ini merupakan satu perkara yang amat penting di mana-mana negara dan ia perlu diatasi secara kolektif di peringkat Kabinet. Maka saya mengesyorkan bahawa ia patut bermula dari sekarang.

Baru-baru ini saya dapati ada satu kumpulan dari Eropah yang hendak datang ke Malaysia sedang mencari 100,000 hektar untuk menanam jatropha. Saya rasa orang Eropah ini, dia sudah nampak. Kalau kita tidak bermula sekarang, kita tidak insaf, maka orang luar, orang putih, orang Eropah yang sudah tahu potensinya hendak menanam di sini saya rasa mungkin kita akan ketinggalan.

Seperti mana yang saya katakan kita sudah menjadi satu *nett importer* untuk petroleum. Kita tidak ada pilihan dan kita kena melakukan pembaharuan. Oleh itu saya berharap perkara ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya, disusuli dengan tindakan bukan semata-mata kita berbincang dalam Dewan tetapi tidak ada tindakan.

Perkara kedua yang ingin saya masukkan di sini adalah mengenai apa yang telah kita bincangkan dalam Dewan ini. Sudah 50 tahun negara kita merdeka, tetapi satu perkara iaitu kita sentiasa melihat perpaduan kaum ini merupakan satu faktor yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi dan juga menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Itu satu hakikat.

■1220

Saya rasa begitu gembira dan saya menitiskan air mata apabila saya membaca satu keratan akhbar, seorang bapa Melayu yang sedia mendermakan organ anaknya yang telah mati kepada adik Tee Hui Yee. Saya rasa ini adalah satu perkara yang patut disanjung tinggi, patut digalakkan. Sesungguhnya kalaulah rakyat jelata kita ini mempunyai perasaan tanpa membezakan siapa yang diselamatkan, kaum mana yang diselamatkan, saya rasa negara kita akan jadi maju.

Dari ilham inilah saya rasa kita patut menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan sepatutnya negara ini perlu ada *genuine partnership initiative*. Dalam bentuk pembangunan ekonomi dan perniagaan, kita sering mengatakan bahawa kita tidak mahu Ali Baba. Ya betul, Ali baba itu dapat projek daripada Ali jual kepada Baba. Sekarang baba pun tidak ramai, pada Ah Chong, Ali, itu kita tidak setuju. Kita mahu satu usaha sama secara *genuine*, sejati, di mana kita nampak Melayu, India dan Cina sama-sama boleh bantu antara satu sama lain menubuhkan satu syarikat dan mereka boleh maju besar.

Saya rasa sudah sampai masanya kita memikirkan satu pendekatan untuk kita menggalakkan secara besar-besaran GPI ini. Saya rasa dalam konteks ini saya menyarankan kepada kerajaan supaya kita melakukan sesuatu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman pada 19 Ogos tahun ini yang mana beliau mengatakan bahawa GPI ini patut disokong. Beliau juga pernah mengatakan sebahagian daripada kontrak kerajaan sepatutnya diberi kepada bentuk usaha sama GPI ini.

Saya rasa ini satu pandangan yang bernas, maka saya rasa kita tidak sepatutnya berhenti di situ sahaja. Satu pengumuman yang baik perlu disusuli dengan tindakan yang tepat. Di sini saya ingin menyarankan bahawa ini juga merupakan satu *Blue Ocean Strategy*. Daripada kita merebut-rebut pengagihan kekayaan kenapa kita meneroka yang baru, kita mencari peluang-peluang yang baru, dan kita bekerjasama. Saya rasa bukan sahaja kita maju dalam perniagaan, dan perpaduan nasional itu juga sesuatu yang patut kita pupuk dalam bidang perniagaan.

Saya rasa dalam konteks ini saya menyarankan supaya kerajaan; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dah pernah sebut, kontrak kerajaan sebahagiannya diperuntukkan. Sekiranya ada elemen GPI ianya patut diberi satu jumlah atau pun peluang untuk melibatkan diri untuk mendapatkan *procurement* kerajaan atau pun kontrak kerajaan atau mana-mana projek. Saya rasa ini bukan saya dapat memupuk atau menjalin satu usaha sama antara Melayu, Cina dan India. Malah ia akhirnya juga menyumbang kepada pembangunan, kepada peraduan nasional secara umumnya.

Kedua, saya rasa Malaysia dan Singapura di bawah MITI mempunyai satu dana di mana SGD10 juta telah diperuntukkan kepada dana penerokaan kepada dunia ketiga. Kalau Malaysia dengan Singapura, mana-mana syarikat mengadakan usaha sama, keluar negeri, mereka boleh mendapat satu sokongan daripada kerajaan kedua-dua pihak tanpa membayar balik kerana ini adalah itu adalah satu geran, kenapa tidak dalam konteks Malaysia. Saya lihat perkara ini boleh di buat di Malaysia sekiranya ada syarikat GPI yang mahu meneroka pasaran di luar negara, negara ketiga, kerajaan patut memberi sokongan dari segi kewangan, dan juga memberi geran untuk penerokaan pasaran baru.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dilakukan dan tindakan susulan patut di pantau dan saya menyarankan supaya satu urusan setia diwujudkan. Kita memang nak melihat negara kita, generasi muda kita dapat bergaul, dapat bersatu padu, dapat berkongsi kekayaan. Itu dalam erti menikmati kemakmuran bersama dalam konteks Malaysia masyarakat majmuk.

Satu perkara lagi, kita melihat pembangunan Koridor Utara, WPI, atau pun Pantai Timur, Sabah dan Sarawak yang telah dijalankan. Saya juga berpendapat bahawa langkah baik sekiranya GPI juga merupakan satu agenda yang boleh dimasukkan supaya kita melihat syarikat-syarikat tanpa mengira kaum, mereka masuk bersama-sama, dan kita nak melihat sejauh manakan kematangan peniaga-peniaga ini dapat bekerjasama dan menikmati kekayaan. Saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu kita lakukan kita jangan buat *leap service* sahaja. Kita cakap bukan main syok, kalau kita nak, langkah baik kalau Melayu, India dan Cina bersama tetapi tidak ada tindakan. Di sinilah tempatnya kita merencanakan apakah agenda kita, bagaimana kita nak ambil tindakan dan akhirnya ianya akan mendatangkan kebaikan kepada negara.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya tempoh hari ini saya rasa kurang senang sedikit apabila dalam surat khabar melaporkan kadang kala pegawai tanpa diketahui oleh Menteri mengeluarkan surat pekeliling, minta cetak ini kena bagi kepada kontraktor sekian, sekian. Saya rasa ini adalah satu perkara yang saya menganggapnya sebagai satu *micro-restructuring*. Saya juga rasa terkilan apabila pegawai yang bermaharajalela mengeluarkan surat kadang kala dia tidak buat surat, dia panggilan secara verbal kononnya itu dasar kerajaan, kata sekian-sekian orang mesti ambil daripada Melayu, sekian, daripada Cina sekian, daripada India. Saya rasa negara kita kena ada satu pendekatan yang holistik. Saya sokong apa yang ditulis dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita sedar bahawa kakitangan awam Cina, India tidak ramai di Malaysia. Kita nak menambah bilangan, tetapi bukannya kuota.

Begitu juga dalam sektor swasta. Kita patut galakkan orang Melayu menceburi dalam sektor swasta. Ia tidak sepatutnya ada sebarang diskriminasi. Jadi itu dari segi holistiknya kita sokong, tetapi bukan secara *micro-manage*, dan minta kalau di Pulau Pinang kena dapatlah kuota 45 % Melayu, Cina 35% begitu jugalah kalau itu berlaku di Kelantan, bagaimana nak dapatkan 35% Cina untuk bekerja di situ? Saya rasa dari segi praktikal tidak betul, tidak tepat, dan apa yang saya nak katakan di sini ialah apabila satu surat pekeliling dikeluarkan.

Akhirnya Kabinet membuat pengesahan bahawa itu bukannya satu dasar kerajaan, kerajaan sepatutnya mengambil tindakan yang tegas. Kita tidak boleh melihat perkara ini sewenang-wenangnya. Kita tidak hendak negara ini ditadbir oleh pegawai-pegawai tertentu yang tidak faham sangat dengan dasar kerajaan atau pun sudah faham tetapi sengaja menyeleweng. Jadi saya rasa dalam konteks ini kita tidak mahu dilihat oleh MNC, syarikat gergasi antarabangsa kononnya ada sesuatu yang tidak betul dari segi dasar yang mengutamakan diskriminasi kaum dan sebagainya. Kita tidak mahu perkara itu berlaku.

Jadi saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya tindakan tegas diambil terhadap Little Napoleon, kalau mereka melakukan sesuatu yang tidak betul mengikut budi bicaranya itu bukan satu dasar kerajaan, tindakan perlu diambil sekurang-kurangnya kita boleh menghindar perkara ini dari berulang lagi.

Satu perkara lagi, kalau kita lihat bajet 2008, satu perkara yang agak aneh, di mana cukai pendapatan individu masih kekal pada 27%. Saya ingin membincangkan tentang aplikasinya. Bagi orang yang ada syarikat sendirian berhad, mudah sahaja sekarang terima elaun kurang dan mereka tambah. Ini kerana untuk keuntungan syarikat menjelang 2009 ianya menjadi 25%. Oleh kerana ada perbezaan 2% ini, kalaulah perkara ini berterusan akhirnya mereka yang tidak ada syarikat sendirian berhad, ataupun bergantung kepada perniagaan semata-mata, mereka tetap membayar cukai maksimum 27%.

Jadi saya ingin menyarankan bahawa oleh kerana ia memberi *advantage* kepada golongan perniagaan ia tetapi tidak memberi *advantage* kepada mereka yang merupakan orang gaji atau pun digaji untuk bekerja, saya rasa sampai masanya kita membuat penyeragaman.

Saya memberi pengakuan bahawa dalam bajet 2008, kita mempunyai satu sistem yang dikatakan *single tier*, tetapi ada kebocoran. Ini kerana 1% atau 2% perbezaan itu tetap akan dibayar oleh pembayar cukai secara individu. Saya minta Kementerian Kewangan memikirkan supaya kita selaraskan untuk tahun depan 26%, 2009 kekal pada 25%. Kalau ada penyeragaman itu, perkara ini dapat diselesaikan...

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sikit lagi. Dari segi pembangunan wilayah yang saya katakan, dasar-dasar yang akan dilaksanakan di situ perlu konsisten, perlulah jelas. Saya rasa penetapan kita bukan semata-mata untuk membangunkan sektor hartanah.

■1230

Kalau kita memikirkan hendak bina kondominium, nak bina rumah kedai sahaja, ianya tidak patut dilakukan di peringkat ini. Apa yang kita hendak lihat, melihat sesuatu membawa sesuatu projek yang boleh menjana peluang pekerjaan seperti sektor perindustrian dan juga mempunyai nilai tambah yang tinggi. Kalau kita dah ada aktiviti perniagaan ini, akhirnya secara automatik permintaan terhadap hartanah itu memang wujud tapi jangan terus bina rumah minta pelancong beli ataupun orang-orang luar asing beli. Itu mungkin satu pendapat yang tidak betul.

Akhir sekali di bawah pembangunan modal insan. Semalam ramai yang mengatakan tentang APEC's *university*. Saya minta Kementerian Pengajian Tinggi buat satu ketetapan. Kita ada empat universiti penyelidikan yang hendak diwujudkan dan sedang kita hendak bangunkan *research university* dan pada waktu yang sama kita hendak wujudkan APEC's *University*. Persoalannya adakah kita memilih empat *research university* ini, salah satu itu diterima sebagai APEC's *university* atau empat-empat itu di anggap APEC's *university*? Atau pun kita hendak mewujudkan kita hendak wujudkan *university* yang baru?

Saya rasa itu dari segi *direction* hala tuju mesti tepat dan jelas. Kalau tidak kita mungkin tak sampai ke mana. Kalau *research university* kita tidak jadi atau tidak berjaya, akhirnya Apex *university* pun kita tidak berjaya. Jadi saya ingin menyarankan di sini bahawa kita perlu ada satu anjakan paradigma. Kalau kita hendak kata bagi kuasa autonomi kepada universiti, lihatlah bajet-bajet yang kita beri kepada universiti. Cuma RM100 juta sampai RM400 juta. Saya mengambil contoh di NUS-NTU Singapura, bajet yang mereka terima SD1.5 bilion. Kalau kita buat secara perbandingan, *Singapore university*, mereka boleh melantik, boleh mengupah profesor dari luar negeri yang terkemuka tetapi apabila sampai ke Malaysia, tak ada kuasa autonomi itu diberi. Saya rasa susah untuk kita mendapat pakar-pakar daripada luar negara. Saya rasa ini satu hakikat yang perlu kita terima.

Akhir sekali, apa yang saya hendak kata 20% pelajar asing yang diperuntukkan seperti mana dalam pelan tindakan itu, saya rasa kementerian kena fikir dua kali. Kerana untuk warga tempatan pun tidak cukup. Saya mengambil contoh, tahun lepas 81,000 lepasan STPM dan 43% yang terkandas kerana CGPA tak lebih daripada 2.0 dan daripada 45,000 yang layak itu bukan

semua yang diterima. Mungkin ada 15,000 yang tak dapat masuk kerana kekosongan yang tidak cukup. Sekiranya kita masih memperuntukkan 20% untuk *foreign student*, saya rasa subsidi yang kita beri kepada mahasiswa lebih daripada 90% yuran yang dibayar itu kepada *foreigner*. Saya rasa itu tidak tepat. Saya setuju sekiranya ianya diberi di peringkat sarjana dan doktor falsafah tetapi bukan di peringkat sarjana muda. Itulah apa yang saya hendak bangkitkan dan akhir sekali saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya yuran dan bantuan SPBT ini diberikan kepada semua pelajar yang mengambil peperiksaan SPM dan STPM kerana kita tidak patut melihat aliran sekolah. Sama ada aliran sekolah agama rakyat, sekolah persendirian atau sekolah mana-mana kerana mereka mengambil peperiksaan kerajaan. Pengiktirafan sepatutnya kepada mereka yang mengambil peperiksaan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia tanpa melihat aliran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

12.33ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terutamanya saya dalam bulan Syawal ini ingin mengucapkan kepada semualah, kepada Yang Berhormat dari Kepong pun, Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin. Jadi, *I ask for forgiveness*, maaf zahir dan batin kepada semua. Rumah terbuka dalam kawasanlah. Juga pertamanya kerana saya pada masa angkasawan itu berada Dewan yang mulia ini, saya memberi doa dan ucapan mereka berjaya dan alhamdulillah, akhirnya mereka telah berjaya naik ke bulan, dan kembali ke bumi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak pergi ke bulan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak dia naik ke langit... [Ketawa]. Naik ke langit dan kembali ke bumi. Jadi angkasawan kita telah berjaya dan kita telah mencipta sejarah. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Kepong, bilakah roket Yang Berhormat akan sampai ke langit ke stesen ISS itu? [Ketawa]. Kerana roket itu tidak ada naik lagi ini. Mungkin tenaga tidak cukuplah. Jadi kita ucapkan syabas kepada negara kita dan saya lihat semua kaum pada hari pelancaran itu melihat dan berasa gembira dan pada ketika itu sebagai rakyat Malaysia kita merasa megah dan bersyukur kerana angkasawan kita telah selamat dilancarkan dan kini kembali ke tanah air. Insya-Allah akan kembali ke tanah air kita. Ini menunjukkan bahawa kita adalah sebuah negara yang kecil dan sederhana tetapi maju ke hadapan dan kita ucapkan terima kasih bahawa kerajaan kerana kita...ya Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, kita memang sama-sama memberi tahniahlah kepada angkasawan kita dan kita menggunakan wang sekurang-kurangnya RM568 juta, sekurang-kurangnya untuk menghantar seorang angkasawan dan memang ini satu langkah untuk memajukan sains di Malaysia. Yang pentingnya Yang Berhormat bagi Jerai, bolehkah Yang Berhormat sama-sama dengan kita untuk menyeru supaya

kerajaan mengatitkan projek dan pelan yang konkrit lah yang boleh dilaksanakan untuk masa depan jangka pendek dan jangka panjang kerana kita tidak mahu seperti di Saudi Arabiah. Sultan Salman, anak saudara King Faisal itu yang pergi ke angkasa lepas melalui teknologi Amerika 22 tahun yang lampau tapi sampai sekarang saya tak nampak apa-apa perubahan yang besar.

Walhal mereka ada projek-projek seperti projek OAC sains dan sebagainya dan kita tak mahu menirulah langkah-langkah seperti itu. Kita hendak melihat dua dekad ke hadapan kita punya sains terutama teknologi angkasa lepas itu nombor satu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih di atas ingatan Yang Berhormat Kepong dan saya difahamkan memanglah, inilah struktur yang akan dibina oleh Kementerian Sains dan Teknologi iaitu pertamanya, hari ini semangat rakyat Malaysia, anak-anak muda begitu ghairah sekali untuk memantapkan pendidikan sains dan apabila saya lihat mereka bercakap terus dengan angkasawan kita, kebanyakan mereka ingin menjadi angkasawan. Jadi, cuma saya minta pihak pembangkang janganlah marah apabila kerajaan memperuntukkan wang untuk Kementerian Sains lebih sedikit untuk kita bina dan mungkin satu hari nanti kita akan ada kita punya roket kita sendiri. Roket kita sendiri, kita bubuhlah bendera Malaysia tetapi bukanlah bendera DAP. Jadi pihak DAP ini dia kena buat *research* sendiri dan kaji sendiri, mungkinlah. Kita doakan, roket kita naik dan mungkin roket DAP dia naik tengok bulanlah kot?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Haji bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua hari lepas, Perdana Menteri kita telah ditanya tentang tawaran daripada Rusia untuk menghantar angkasawan yang kedua. Jadi Perdana Menteri kita jawab, kita akan pertimbangkan, tunggu dulu. Analisa sesetengah penganalisis, mengatakan bahawa Pak Lah tidak mahu *commit*, tidak mahu terlibat secara mendadak dengan belanja yang begitu kuat dan mungkin saranan daripada penasihat-penasihatnya supaya memperkukuhkan lagi infrastruktur dengan belanja tersebut memperkukuhkan infrastruktur angkasa-angkasa lepas seperti penghantar MEASAT dan sebagainya. Tidak menghantarkan orang sahaja. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Maksudnya angkasawan yang kedua ini mungkin tidak perlu hantar tetapi kalau beberapa satelit yang membuat penyiasatan di udara melalui MEASAT kita, itu lebih berfaedah dan lebih *advantage* dan lebih jimat. Bagaimana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pandangan Pak Lah ini sebagai seorang Perdana Menteri dan pemimpin negara, beliau harus mengkaji. Kita tunggu angkasawan kita ini balik, kita dengar daripada dia, mendapat laporan terperinci daripada pihak yang bertanggungjawab, kemudian kalaulah didapati bahawa perjalanan ke atas langit ini, membawa keuntungan kepada masyarakat makhluk di bumi ini, apa salahnya kita meneruskan dan mungkin sasaran pada hari ini, syarikat-syarikat swasta yang ada

di negara kita ini dan yang berjaya dalam bidang perniagaan mereka apa salahnya mereka buat *pull*. Masuk pi dan jangan guna duit kerajaan, duit rakyat tetapi guna duit syarikat-syarikat ini untuk kita majukan program kita ke angkasa raya. Jadi ini adalah satu cadangan yang cuba saya cadangkan supaya jangan kerajaan semata-mata,

■1240

Syarikat-syarikat swasta yang untung berbilion-bilion tidak salah kalau sedikit sebanyak mereka kumpulkan untuk mereka bersama-sama kerajaan kerana ini adalah minat rakyat. Malah saya lihat satu hari itu orang tua meleleh air mata Tuan Yang di Pertua, saya lihat sendiri kerana dia kata masa susah dahulu masa belum merdeka tidak sangka yang Malaysia boleh masuk ke dalam roket dan naik. Dia tidak sangka hari ini dia dapat lihat dengan mata kepala dia, dia dapat lihat bersama anak cucu dia. Betapa orang lama orang pejuang kemerdekaan berasa begitu gembira Tuan Yang di Pertua. Jadi inilah yang dikata program-program yang dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional untuk kesejahteraan negara kita di masa akan datang.

Tuan Yang di Pertua sebelum saya meneruskan, saya ingin memperbetulkan teguran daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor terhadap saya tadi. Saya tidak mahu ucapan saya dalam Parlimen dipolitikkan, itu tidak adil Tuan Yang di Pertua. Apabila saya bertikam lidah dengan beliau, ini saya minta pihak akhbar sama ada *New Straits Times* yang mengeluarkan isu ini sudah memahami. Kadang-kadang kita manusia mempunyai perasaan apabila ditindih, ditekan dan dilepaskan dengan kata-kata yang begitu melukai hati kita,

Kadang-kadang kita bertindak balas dan saya tidak pernah, saya ulangi saya tidak pernah menghina OKU. Hari raya yang kedua saya, tangan saya inilah yang menyerahkan bantuan kepada OKU dalam kawasan saya. Kita ada rumah untuk menjaga OKU dalam kawasan Parlimen saya. Sebelum raya bulan Ramadhan tangan ini juga yang memberi bantu kepada orang-orang OKU. Jadi hari itu saya tidak mengatakan dia OKU, saya hanya mengatakan dia duduk atas kerusi roda, tetapi yang mengatakan OKU adalah Batu Gajah. Bermakna dia pusing balik dan kata saya kata dia OKU dan saya tidak mahu perkara-perkara ini dipolitikkan seolah-olah saya menghina OKU Tuan Yang di Pertua dan saya adalah pembela OKU. Rekod balik *hansard* saya dalam apabila saya berbincang tentang Kementerian Hal Ehwal Wanita dan juga *welfare*. Selalu saya katakan OKU harus dijaga, OKU harus diambil tindakan dan harus diberi bantuan.

Inilah saya hendak pesan kepada DAP supaya jangan memfitnah, jangan memutar belitkan. Kepada OKU yang di luar yang mungkin terguris, seandainya mereka terguris dengan ucapan saya hari itu yang bukan niat saya untuk menghina mereka saya dalam bulan Syawal ini memohon maaf kepada mereka secara terbuka. Tidak ada masalah Tuan Yang di Pertua. Saya orang Islam, kita bermaaf-maafan tetapi hari itu bukan niat saya hendak menghina OKU. Yang menghinakan OKU adalah Yang Berhormat daripada Batu Gajah kemudian dia pusing balik kata

saya. Inilah perkara Tuan Yang di Pertua saya harap pihak DAP janganlah cari *political mileage* yang begitu murah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Patut Batu Gajah minta maaf.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia yang minta maaf,, saya tidak hina. Saya hina apa? Cuma saya kata kerana perbuatan dia mungkin dia duduk kerusi roda, tidak akan kerusi roda itu salah? Jadi dia kena ingatlah dan saya minta dia insafah Tuan Yang di Pertua. Panggil orang manusia yang Tuhan cipta makhluk bukan binatang. Panggil kita ekor, kita bukan binatang mana kita ada ekor. Kalau kita ada ekor dia pun tentu ada ekor. Jadi, saya berharaplah pada bulan yang mulia ini, surat khabar *New Strait Times* tadi dia kata ada mengeluarkan, saya memohon maaf tetapi niat saya tidak sedemikian rupa. Selesai masalah itu.

Tuan Yang di Pertua, tentang undang-undang. Dewan Rakyat yang mulia ini meluluskan undang-undang. Dewan Rakyat yang mulia ini yang meluluskan peraturan-peraturan untuk menjaga keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat. Hari ini kita dapat lihat Tuan Yang di Pertua, kadang-kadang peristiwa-peristiwa yang berlaku meragut nyawa yang tidak bersalah, nyawa rakyat Malaysia disebabkan oleh kegagalan oleh pihak-pihak yang telah diamanahkan untuk menjaga dan mengawal kuasa yang telah diperuntukkan oleh Dewan Rakyat ini tidak tepat dan tidak baik Tuan Yang di Pertua.

Saya menyeru kepada agensi-agensi, kementerian-kementerian supaya jangan mengambil tindakan apabila sesuatu tragedi berlaku. Apabila berlaku barulah kalam kabut daripada menteri sampailah ke bawahnya. Masa itulah BPR masuk dan sebagainya. Sedangkan peraturan-peraturan undang-undang telah ada. Mengapa tidak dijalankan peraturan-peraturan ini secara konsisten. Mengapa hanya menunggu apabila sesuatu yang meragut nyawa yang tidak bersalah. Jadi di sini saya berharap kepada pihak-pihak yang telah diamanahkan untuk menjalankan kuasa yang diperturunkan oleh dewan yang mulia ini supaya menjalankan tugas tanggungjawab mereka tanpa ada benda-benda yang tidak diingini berlaku. Jangan ada rasuah dan sebagainya kerana ini akan merosakkan negara dan merugikan nyawa rakyat dalam negara kita ini. Saya hendak membantu rakan saya daripada Pulau Langkawi, saya sendiri bila naik feri daripada Pulau Langkawi ke Alor Setar atau Alor Setar ke Pulau Langkawi, tidak pernah mereka mengambil nama saya. Mereka hanya menjual tiket seperti menjual tiket bas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Tetapi feri sampai Alor Setar Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sampai, tetapi feri yang diguna itu Tuan Yang di Pertua, bukan feri. Feri yang digunakan adalah feri yang digunakan di Sarawak untuk sungai Sarawak, itu feri untuk sungai bukan untuk lautan. Jadi apabila berlaku sesuatu Tuan Yang di Pertua, biasa berlaku pelanggaran dalam beberapa peristiwa, kita dapati bahawa rakyat yang tidak berdosa yang ingin pergi bercuti dan sebagainya terpaksa terkorban dan menjadi tragedi kepada negara kita.

Saya berharap pihak yang bertanggungjawab, harus mengambil kira peraturan-peraturan dan kalau mereka ini gagal maka mereka ini harus diambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang dan peraturan yang kita ada hari ini.

Begitu juga undang-undang yang kita buat iaitu undang-undang ISA. Banyak orang mempertikaikan ISA dalam negara kita ini. Mereka yang mempertikai ISA dalam negara kita ini adalah mereka yang ingin melihat negara kita ini kucar kacir.

Tuan Yang di Pertua, undang-undang baru Amerika lebih dahsyat. Kalau dia hendak tangkap Ahli Yang Berhormat dari Sri gading, dia boleh datang tangkap bawa masuk kapal terbang bawa pergi Amerika. Dia hendak tangkap Jasin, dia boleh di dalam negara kita dan undang-undang mereka boleh tangkap presiden sesebuah negara kalau mereka mahu. Itu memang undang-undang yang dahsyat yang tidak pernah dilakukan tetapi kerana mereka *big brother*, mereka hendak jadi pembuli yang besar di dunia tetapi undang-undang ISA dalam negara kita ini adalah untuk menjaga keselamatan, ketenteraman negara kita yang majmuk ini.

Tuan Yang di Pertua begitu juga hakim-hakim. Apabila mereka menjalankan tugas mereka sebagai hakim Tuan Yang di Pertua, mereka harus ikut peraturan undang-undang yang di tetap oleh Dewan rakyat. Mereka jangan ikut perasaan mereka apabila menjatuhkan hukum kerana mungkin mereka tidak boleh naik pangkat, mungkin mereka ketinggalan. Mereka jatuh hukum kadang-kadang yang merugikan kerajaan, yang menjadi olok-olokan di luar. Contohnya seorang hakim yang membebaskan dua pengedar dadah kerana DPP tidak hadir hari itu terlewat hadir, kes itu dibuang dan dibebaskan. Apakah ini undang-undang yang mereka jalankan?

Begitu juga kes yang membayar kepada tahanan ISA. Okey dia buat hukuman, jatuh hukum ok lah. Apa yang harus dia komen lagi, yang hendak komen yang tentang kelemahan undang-undang di Dewan Rakyat yang mulia ini. Hakim tiada hak untuk hendak kata undang-undang baik atau tidak baik. Kalau tidak baik dia boleh *refer* ke AG, bawa undang-undang bawa mari sini kita perbetulkan undang-undang di sini dan ada juga hakim yang kadang-kadang menjatuhkan hukum kerana tidak puas hati atau menjadi *bias*.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya ingin mohon penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat Jerai. Pihak antarabangsa selalu mempertikaikan perkara yang berkenaan dengan hak asasi manusia yang selalu dipertikaikan di Malaysia. Kalau kita lihat baru-baru ini *Blackwater Security* daripada Amerika yang telah membunuh sesuka hati orang awan Iraq secara terang-terang. Apa ini adalah satu *violation* terhadap *human right*?

Yang kedua, kita dapati bahawa Israel menangkap ahli-ahli parlimen dan juga menteri daripada Palestin dan Lebanon yang tidak sehaluan dengan mereka. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Inilah yang dikatakan undang-undang yang tidak mengguna perikemanusiaan dan tidak menghormati negara yang merdeka ini.

■1250

Kita mahu undang-undang negara kita, kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, mahukah negara kita ini, bom meletup di sana dan di sini setiap hari? Di Thailand bom meletup setiap hari. Di Iraq, di Iran, di Pakistan. Ini semua Tuan Yang di-Pertua kerana mungkin undang-undang yang ada kepada mereka itu tidak begitu kuat, tetapi kita adakan undang-undang ISA ini untuk menjaga supaya jangan... kita ini rapuh Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini rapuh kalau kita tidak ada undang-undang yang kuat. Mungkin lah sesetengah pihak mengatakan undang-undang ini menganiaya. Apa hendak aniaya orang kalau orang itu hendak menjadikan huru-hara negara kita, hendak melaga-lagakan kaum dalam negara kita? Apakah itu kejam kalau kita ambil dan bubuh di dalam sekejap untuk dia dilatih semula supaya pemikiran dan pandangannya itu lebih baik untuk dibina lagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, hendak bagi jalan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak cukup masa. *Sorry...*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Tadi sudah kasi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya amat kecil hatilah dengan DAP dalam sehari dua ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pun kecil hati dengan Jerai. Itulah kita hendak adakan perbahasan yang berkualiti...ha!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada *debate* baru boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat kata hormat sana, tetapi adakah Yang Berhormat bagi Jerai hormat kepada OKU?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, sila duduk dia tak bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, yang kita mahu hari ini ialah membina sebuah negara yang aman dan sejahtera. Sebuah negara yang anak-anak cucu kita akan dapat hidup dengan lebih maju. Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah selesai Yang Berhormat, cukup..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kurang upaya. Itulah yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat, Bukit Mertajam....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia takut, dia takut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengharapkan bahawa pihak kerajaan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tahulah dia tak betul. Jadi dia mahu lari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila duduk. Bukit Mertajam sila duduk..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia silap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang mana, yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, jawab Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mengganggu apabila orang berucap. *Point of Order*...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Takut! Yang mana satu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk, sila duduk... Ya, teruskan Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih... [*Disampuk*] Ada dekat sinilah! Bacalah! Saya pun faham *Point of Order*, saya biasa jadi *speaker*!!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selalu... Jerai, selalu macam itu... Haa... selalu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam saya ada peraturan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lu diamlah, mulut macam murai!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dalam TV Tuan Yang di-Pertua. Burung apa? Burung murai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, tengok perangai dia, tengok perangai dia...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Burung apa? Burung murai. Burung apa? Burung murai... [*Ketawa*] Petronas..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Burung murai!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Burung Murai. Burung apa? Burung murai.... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya mahu hakim-hakim, saya percaya hakim yang ada, Tun Fairuz hari ini, *Chief Justice* itu adalah seorang hakim yang baik. Seorang hakim yang telah memimpin Jabatan Kehakiman, tetapi ada juga hakim-hakim macam Hishamuddin baru-baru ini, macam beberapa hakim lain.... hakim-hakim yang kadang-kadang menjatuhkan

hukum mengikut perasaan dan juga mengikut pandangan mereka, bukan mengikut peraturan dan undang-undang yang kita luluskan di sini. Mereka memutarbelitkan undang-undang dan peraturan Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini adalah orang-orang yang kadang-kadang menjadikan huru-hara undang-undang dan peraturan yang telah kita buat di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ya..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habis sampai pukul 1.00 lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua, tentang bencana alam. Saya berharap Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini supaya lebih agresif dari segi mengatasi masalah alam sekitar. Kita lihat kadang-kadang bencana berlaku. Memang bukan kehendak kita bencana berlaku Tuan Yang di-Pertua, ini kerana Allah S.W.T, tetapi kita tidak boleh menafikan tentang kelemahan manusia yang menyebabkan menjadi bencana kepada negara kita ini.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada TV3 yang ada unit dengan diketuai oleh Karam Singh Walia yang telah pergi ke merata-rata tempat untuk membantu kerajaan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini untuk memastikan bahawa tidak ada kelemahan, tidak ada kecuiaan yang dilakukan oleh pihak pengurusan, pentadbiran negara untuk mengatasi masalah alam sekitar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerugian demi kerugian dialami oleh rakyat dan kerajaan apabila berlaku banjir dan sebagainya. Dalam kawasan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, di kawasan kaki Gunung Jerai dalam masa setahun, empat kali Tuan Yang di-Pertua kita mengalami masalah banjir. Ini merugikan rakyat dan merugikan kerajaan dari segi bantuan dan sebagainya. Jadi saya berharap bahawa pihak kementerian harus mengadakan satu jadual ataupun satu pelan induk yang keseluruhannya, menyeluruh untuk mengatasi masalah banjir, masalah alam sekitar yang berlaku di tiap-tiap negeri.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua bahawa peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam pembangunan perumahan dan sebagainya harus diambil kira dan harus mendapat, mesti mendapat sokongan, kelulusan daripada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebelum sesuatu projek itu hendak dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerana kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ia berlaku kerana disebabkan oleh kerakusan ataupun tidak faham pegawai-pegawai tertentu meluluskan projek-projek pembangunan yang menyebabkan banjir dan segala benda-benda yang tidak diingini berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai cukup..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua *last* Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Last* sekali, sebelum pukul 1.00.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapa, orang lain punya masa. Yang Berhormat sudah ambil masa. Cukuplah, cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kepada kerajaan, kalau kita boleh bina lapangan terbang beratus juta ringgit, mintalah kerajaan bina di Kuala Lumpur, di ibu negara dan ibu-ibu negeri yang lain, perhentian bas yang elok, yang canggih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Macam negeri Melaka dan negeri-negeri lain supaya kalau kita pentingkan pendatang, pelancong, apa hal dengan rakyat dalam negara kita ini? Kadang-kadang melepak sahaja di stesen bas itu. Bagilah mereka, binalah! Macam di.. ambillah Penjara Pudu itu. Bagi kepada UDA untuk bangunkan satu bangunan. Kementerian Pengangkutan harus ambil kira perkara-perkara macam ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Akhir Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu satu belanjawan rakyat dan rakyat di seluruh negara ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu belanjawan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Yang saksama, adil kepada seluruh rakyat di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas.

12.57 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk sama-sama membincang tentang bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya ada dua, tiga perkara yang ringkas, insya-Allah untuk disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya memulakan dengan sepotong ayat Al-Quran, daripada Surah Al-Hasyar, petikan daripada ayat yang ketujuh... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud supaya "Harta kekayaan jangan hanya beredar di kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu

semata-mata". Berdasarkan kepada ayat Al-Quran yang telah saya petik daripada Surah Al-Hasyar sekejap tadi, mengajar kepada kita supaya harta kekayaan tidak hanya tertumpu ataupun terlonggok hanya kepada golongan kaya.

Yang kedua, tidak dibenarkan sekali-kali golongan miskin hidup dalam sebuah negara yang kaya dalam keadaan hina-dina, seolah-olah tidak diberi jaminan tentang kehidupan mereka untuk masa kini dan seterusnya. Kita lebarkan sedikit daripada orang kaya kepada orang miskin, kita lebarkan bagaimana, kita melihat bahawa pembangunan di negara kita ini, ianya tertumpu kepada pusat-pusat bandar di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Ipoh dan lain-lain tempat, tetapi ianya tidak merata kepada seluruh negara yang pada pagi ini kita mendengar ucapan-ucapan dukacita, sedih dan berbagai-bagai lagi daripada penyokong-penyokong kerajaan sendiri khususnya daripada Sabah, dari Sarawak dan daripada Semenanjung yang melahirkan rasa tidak puas hati mereka tentang layanan kerajaan kepada negeri-negeri yang termundur, yang termiskin di negara kita ini.

Jadi, saya bersetuju dengan pandangan-pandangan ikhlas daripada sahabat-sahabat kita, daripada penyokong-penyokong kerajaan yang mengemukakan pandangan-pandangan tersebut kerana kita tidak mahu melihat bandar-bandar besar di negara kita ini begitu maju, begitu hebat, begitu terpesona, tetapi bila kita melihat kepada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, di negeri-negeri Pantai Timur Malaysia, kita nampak dengan jelas kemunduran menghantui kehidupan mereka. Kita ibaratkan negara ini sebagai satu jasad ataupun jisim manusia. Kalau kita melihat daripada dada ke atas, kita dapat melihat bagaimana indahnya. Mukanya cantik, kepalanya cantik dan segala-galanya cantik. Kalau kita lihat daripada aras dada ke bawahnya terlalu buruk, terlalu hodoh, bagaimana? Sudah tentu kita tidak akan rela dengan keadaan sedemikian dan bagi kita sudah tentu kita akan jaga segala anggota yang ada pada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung petang..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang Berhormat gulunglah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tahu jawab tidak payah Batu Gajah jawab.

2.32 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula ucapan saya sekejap tadi. Saya bandingkan bahawa pembangunan negara mesti diseimbangkan di antara satu negeri satu wilayah dengan wilayah yang lain. Saya bandingkan dengan satu jasad di mana jasad itu mesti diseimbangkan. Kita tidak boleh hanya semata-mata untuk memperelok di bahagian atas tanpa kita mengambil sikap sederhana kepada anggota-anggota kita yang lain. Kita mesti perelokkan semuanya.

Begitulah bandingan kalau dapat saya bandingkan bahawa negara kita ini kita berada dalam satu negara yang mesti kita lihat bahawa Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan sebagainya adalah dalam suatu ikatan, *federation* negara kita yang kita kuatkuasakan melalui undang-undang ikatan sosial yang telah termaktub dalam Perlembagaan Negara kita di mana pembangunan ini mesti diseimbangkan di antara satu sama lain dengan tidak memberi keutamaan kepada mana-mana pihak semata-mata.

Sebab itulah saya menyokong penuh ucapan yang telah dibuat oleh sahabat-sahabat sebelum daripada saya ini dan saya yakin bahawa suara-suara ini tidak akan kedengaran dalam sesi-sesi selepas daripada ini. Apa yang kita dengar sebenarnya seolah-olah baru hendak mula, 50 tahun kita merdeka baru kita hendak mula sekarang ini pembangunan-pembangunan kepada wilayah-wilayah kita sama ada di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengambil tanggungjawab untuk membangun negeri-negeri di wilayah khususnya di Kelantan dengan peruntukan yang begitu banyak.

Saya rasa tidak menjadi suatu masalah kerana berdasarkan kepada suatu hadis Rasulullah S.A.W. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], '*Siapa yang tidak berterima kasih kepada seolah-olah maka dia tidak bersyukur kepada Allah S.W.T.*' Atas kuasa itu saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi atau membangunkan negeri-negeri khususnya di negeri-negeri pantai timur yang kita melihat perlu kepada pembangunan-pembangunan ini. Saya berkongsi di dalam perkara ini kerana saya terbaca di dalam satu buku '*Al-Adalah Al-Ijtimaiyah*', buku Arab yang ditulis oleh Muhamad Khutub ataupun orang lain di dalam kitabnya '*Al-Adalah Al-Ijtimaiyah*' iaitu keadilan kemasyarakatan yang menyebut bahawa masyarakat ini adil di mana mempunyai turutan daripada kerajaan yang adil.

Kerajaan yang adil ini kemudian dia terus kepada '*Al-Adalah Fittauziaq*', iaitu keadilan dalam pembahagian. Keadilan dalam pembahagian di mana tidak meninggalkan tidak menyisihkan mana-mana, kemudian memberi keutamaan kepada mana-mana tetapi masing-masing mendapat habuan daripada nikmat dan rezeki yang diberi oleh Allah S.W.T. yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada negara kita. Saya melihat bahawa rezeki yang datang ke

negara kita ini ada yang dalam usaha kita dan ada yang bukan daripada usaha kita. Barangkali kalau saya sebutkan bahawa petroleum, adanya petroleum di negara kita ini bukan usaha kita. Dia adalah pemberian daripada Allah S.W.T. yang sepatutnya disyukuri oleh semua pihak dan semua pihak dapat merasai nikmat Allah S.W.T.

Selain daripada kita mensyukuri nikmat Allah semua pihak dapat menikmati nikmat Allah S.W.T. yang diberi kepada negara kita. Beri kepada negara ertinya beri kepada rakyat. Semua rakyat akan merasai nikmat daripada petroleum. Saya dengar seorang penceramah, saya bukan baca daripada surat khabar tetapi saya dengar daripada penceramah yang mengatakan kalaulah hasil petroleum daripada negara kita ini dibelanjakan kepada anak sekolah, pelajar-pelajar di sekolah daripada mula mereka menjejak kaki di sekolah berumur pra persekolahan sampai ke universiti, barangkali dengan peruntukan yang begitu banyak ibu bapa mereka tidak perlu membeli pakaian untuk anak mereka, tidak perlu mengeluarkan wang ringgit sendiri untuk tambang pergi ke sekolah.

Semuanya boleh ditanggung daripada duit daripada petroleum yang Allah S.W.T. anugerahkan kepada kita. Soalnya di sini, apakah kita menepati apa yang disebut '*Al-Adalah Fittauziaq*', keadilan dalam pembahagian. Apakah kita perlu mengadakan padang lumba kereta mewah di negara kita ini, apakah itu yang perlu ataupun pembangunan pendidikan kepada anak-anak kita dengan kita mengambil tanggungjawab sepenuhnya. Apakah yang lebih utama di antara dua dengan mengadakan padang lumba kereta untuk mendapat wang daripada pelumba-pelumba kereta daripada luar negara ataupun dengan kita belanjakan wang ini kepada anak-anak kita yang mengikut analisis yang mengatakan bahawa sekiranya wang itu digunakan sungguh tepat, anak-anak yang pergi ke sekolah bajunya boleh ditanggung dengan wang itu, basikalnya boleh ditanggung dengan wang itu, sampai kepada anak-anak kita keluar universiti, tetapi malang sebenarnya.

Saya sebagai seorang wakil rakyat PAS yang tidak mendapat apa-apa selain daripada gaji bulanan, elaun, tidak ada peruntukan daripada pusat. Saya dengar kawan kita di sebelah sana ada RM500,000 ada setengah juta ada banyak lagi tetapi kita daripada parti pembangkang malang sekali, tidak ada. Ini pun satu tidak ada '*Adalah Filijtima*'. Saya rasa pegawai-pegawai yang ada di sana ada yang faham dengan bahasa Arab. Saya rasa tidak ada '*Adalah Filijtima*' di sini. Kalau kita hendak bercakap tentang 'adalah' keadilan.

1440

Sepatutnya kalau kita pergi ke Britain, kita pergi ke Amerika, yang membesarkan masalah demokrasi rakyat dan sebagainya, kita lihat bagaimana *a'dalah* mereka, keadilan mereka tentang rakyat, mereka yang ada keluarga masing-masing. Sehingga pelajar-pelajar Malaysia yang berkeluarga mendapat bantuan susu pagi, saya pernah cakap di dalam Dewan ini. Di mana pada satu pagi, saya bangkit daripada tidur selepas solat Subuh, saya keluar daripada.. kerana musim sejuk sangat, tidak dapat keluar hendak pergi ke masjid, saya sembahyang

dengan sahabat-sahabat. Saya buka pintu saya tengok ada susu, saya tanya sahabat saya, "Susu daripada mana?". Dia kata, "Kerajaan yang bagi", sedangkan mereka adalah warganegara Malaysia yang belajar bukan bermastautin tetap, belajar sahaja di sana dan ada anak. Susu anak-anak mereka diberi oleh kerajaan sehingga susu ini dapat diguna oleh ibu bapa mereka dan tetamu-tetamu yang hadir. Bagaimana negara kita ini terlalu jauh? Usahkan yang itu, kepentingan pendidikan sendiri pun baru satu dua tiga hari ini baru diuar-uarkan oleh Kementerian Pendidikan tentang pelupusan yuran persekolahan, yuran peperiksaan, setelah 50 tahun kita merdeka.

Walau bagaimanapun saya masih lagi mengatakan bahawa itu baik daripada tidak buat apa-apa. Dalam bahasa Arab menyebutkan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Daripada tidak ambil langsung baik kita ambil sikit-sikit. Daripada tidak buat langsung, lebih baik kita buat. Seolah-olah negara kita ini baru bermula, 50 tahun, saya ucap terima kasih kepada Perdana Menteri kerana prihatinnya kepada wilayah-wilayah ataupun negeri-negeri lain.

Yang kedua saya sebutkan di sini iaitu walaupun saya telah sebut dalam ucapan saya dahulu iaitu mesti ada unsur, ada perkara-perkara iaitu... [*Berucap dalam bahasa Arab*] iaitu ketelusan dalam pembahagian kekayaan negara. Mesti ada ketelusan, jangan disebabkan ada mana-mana kepentingan, kepentingan politik, kepentingan pilihan raya, kepentingan itu, kepentingan ini jangan ada. Kerana kalau kita masuk, kita akan ditanya oleh Allah SWT, dan orang yang pertama sekali akan ditanya oleh Allah SWT ialah Perdana Menteri. Barangkali kita semua ini duduk di tangga yang ke berapa, tangga yang bawah. Orang yang pertama sekali yang ditanya oleh Allah SWT ialah Perdana Menteri kerana Perdana Menteri yang berkuasa di negara ini.

Barangkali Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya dan orang lain, barangkali yang ke berapa ditanya, tetapi yang pertama sekali ialah Perdana Menteri. Jadi jangan sekali-kali ada unsur politik kerana PAS memerintah negeri Kelantan. Maka kita hanya mengatakan Kelantan tidak maju, Kelantan mundur, Kelantan itu, Kelantan ini. Saya hendak tanya apa salah PAS? Apakah PAS yang diperintah oleh Menteri Besar Dato' Nik Abdul Aziz, itu yang salah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Laluan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sikit saja ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Pasir Mas. Saya teruja jugalah bila mendengar hujah daripada Pasir Mas tetapi yang saya faham dan rakyat faham sebenarnya semua kawasan mendapat peruntukan daripada kerajaan, tidak ada satu kawasan pun yang tertinggal. Semua kawasan Parlimen juga mendapat peruntukan daripada kerajaan, kalau kawasan Parlimen BN dapat peruntukan kerajaan, kawasan pembangkang pun dapat peruntukan kerajaan cuma salurannya berbeza. Yang kawasan Parlimen BN, melalui Ahli Parlimen BN, yang bukan BN, tidak melalui BN tetapi saluran lain. Begitu juga Kelantan mendapat peruntukan daripada kerajaan, tidak ada anak tiri. Jadi pada

saya, adakah Pasir Mas bersetuju bahawa sebenarnya peruntukan telah pun diagihkan cuma tidak melalui saluran seperti yang dituntut oleh pembangkang kerana memang kalau saya jadi PM pun saya tidak akan menyalurkan kepada pembangkang kerana saya tidak percaya. Terima kasih...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, saya akan sampai kepada butiran yang akan saya sebut. Untuk maklumat sahabat saya daripada BN, saya tidak tahu salah siapalah, saya mengakui bahawa mengikut saluran-saluran yang tertentu tetapi saya hendak tanya pada Yang Berhormat, mana dia saluran? Saya hendak kemukakan di sini, tahun lepas, dalam ucapan baru-baru ini saya sebut bahawa di kampung saya Tuan Yang di-Pertua, Kampung Slow Machang, menteri pergi baru ini, lima enam orang menteri pergi dalam pilihan raya kecil yang menyebut “Kalau BN menang, rakyat senang”, “BN menang, rakyat senang”. Itu ucapan-ucapan semasa mereka pergi berkempen di Kelantan, ada kain rentang, berkempen di Pengkalan Pasir. “Kalau BN menang, rakyat senang”.

Di kampung saya berbagai-bagai janji yang dibuat, kebetulan rumah saya berada betul-betul di kawasan *center*, tengah di mana jalannya ada empat laluan kereta api kemudian jalannya cabang empat. Jalan ke Pasir Mas melalui landasan kereta api penuh dengan api elektrik. Jalan ke sebelah sana juga penuh dengan api elektrik, ikut masjid juga penuh dengan masjid tetapi di sebelah rumah saya ini, ada satu tiang lampu sahaja. Ini saya hujahkan, di mana keadilan? Apakah kerana rumah saya, saya berada di situ maka tidak ada tiang lampu elektrik melainkan diminta melalui peribadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ini pun keadilan juga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya banyak adil, semua dapat 20 minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, terima kasih. Saya rasa baru dalam 15 minit, saya ada 10 minit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, moga-moga Allah SWT panjangkan umur, murah rezeki, panjang umur Insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi empat minit ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Di sana ada keutamaan mesti diberi, keutamaan ini mesti diberi kepada Sabah dan Sarawak. Barangkali boleh kita kemudiannya di negeri-negeri Pantai Timur ataupun negeri-negeri Semenanjung. Sabah Sarawak saya tahu, saya pergi acap kali. Sekurang-kurangnya dua kali saya pergi di Sabah dan Sarawak, saya lihat masih daif, Pasir Puteh boleh sebut lagi. Paling daif, berjalan di atas titi kayu lagi, teruk, ingatkan sudah tidak ada sekarang, jalan rayanya elok, sekolah nya elok dan apa yang kita lihat sekarang.

Yang keempat mesti ada... *[Berucap dalam bahasa Arab]* iaitu ketepatan di dalam pelaksanaan, pelaksanaan ini mesti tepat. Sudah lama sebenarnya, kita mendapat habuan

daripada Allah SWT supaya Allah SWT lihat pemberian ini adalah ujian, bukan kemuliaan. Allah bagi kepada kita, kepada negara kita ini sebagai ujian, bukan bagi sebagai satu kemuliaan, tidak. Bukan kerana kita ini orang mulia, tidak, tetapi kerana Allah SWT nak uji kita apakah kita benar-benar beramanah ataupun tidak beramanah.

Yang kedua saya hendak sebut di sini dari segi keselamatan rakyat di negara kita. Saya tengok dan saya dengar dan ramai orang cakap bagaimana di negara kita sekarang ini semacam berleluaslah pembunuhannya, rogolnya, culiknya dan berbagai-bagai lagi. Dan apabila berlaku kepada adik kecil kita, Nurin Jazlan baru ini, sudah cukup memberi satu ingatan kepada kita bahawa kehidupan kita tergugat dengan adanya budaya-budaya semacam ini. Dan saya kira polis, saya berterima kasih kepada polis, walau bagaimanapun mesti dibuat suatu tinjauan yang menyeluruh, kajian yang menyeluruh, mengapa bukan sahaja polis, kepada semua rakyat, kenapa keadaan ini berlaku sedemikian rupa? Sehingga anak-anak kecil kita dibimbangkan hilang, diculik dan dibunuh, begitu juga anak-anak perempuan kita.

Selain daripada itu banyak kes-kes yang berlalu begitu saja. Saya bagi contoh kes pembunuhan yang berlaku di sebelah kampung saya di Bunut Susu, namanya Kalsom binti Awang. Tarikh dibunuh pada 10 Januari 2007, nombor *report* nya 000025/07, Bunut Susu. Sekarang ini tidak tahu hujung pangkalnya macam mana. Apakah dibunuh kemudian lepas begitu sahaja? Sebelum daripada itu, kanak-kanak sekolah di tingkatan satu, dibunuh, mayatnya dijumpai selepas 22 hari lepas itu. Tidak tahulah kes ini diam begitu.

■1450

Kemudian selesai begitu sahaja tanpa ada apa-apa, tidak ada orang yang dibawa ke pengadilan dan sebagainya. Saya bimbang sebenarnya keadilan sedemikian kalau tidak berlaku membimbangkan kita. Bagaimana generasi kita kemudian diajar dan dilatih dengan keadaan sedemikian. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat kita bercakap banyak tentang dadah, tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Gulung sudah ini, gulung sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya gulung, saya gulung. Sedikit sahaja. Dua minit. Saya melihat dadah ini boleh diatasi sebenarnya dengan cara kerajaan menyelamatkan yang tidak kena dadah sekarang. Katalah yang kena dadah ini 20,000 orang. Selain daripada kita mengadakan pusat serenti dan sebagainya kita jaga yang tak kena dadah ini. Sekarang ini yang tak kena dadah ini kita bimbang. Jadi cara yang terbaik saya rasa kerajaan harus dan wajib membangun asrama-asrama di semua sekolah menengah. Kerajaan perlu mengadakan asrama-asrama. Tak cukup dengan lapan jam satu hari mereka berada di sekolah, kemudian bakinya mereka berada di rumah di mana ibu bapa mereka tidak ada di rumah. Mereka mencari kawan

sebaya mereka dan mereka berkawan dengan kawan-kawan yang tidak selayaknya mereka berkawan, kerana mereka tidak dipantau di waktu itu.

Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua, di Pasir Mas ada sebuah sekolah namanya *Sultan Ibrahim School* (SIS) di waktu itu, sekolah itu mempunyai asrama dan saya dapat melihat bagaimana sekolah itu dapat mengeluarkan pelajar-pelajar yang terbaik bukan sahaja yang terbaik di negeri Kelantan terbaik di seluruh Malaysia. Sekolah-sekolah Arab atau sekolah-sekolah Yayasan Islam di Kelantan sekarang ini seperti Maahad Muhammadi ada asrama, Pasir Mas ada asrama, semua sekolah kerajaan Kelantan ada asrama yang menyebabkan mereka dididik dan diberi motivasi yang baik di sekolah. Bukan sahaja mereka diberi ilmu tetapi mereka diberi ilmu pendidikan. Pendidikan diberi kepada mereka kerana itulah hebat Tuan Yang di-Pertua.

Saya bagi satu pengalaman di Kelantan banyak pondok dan saya pun hasil daripada anak pondok dan saya pun hasil daripada anak pondok. Yang datang ke Parlimen hari ini hasil daripada anak pondok. Belajar di pondok dahulu baru saya belajar di sekolah. Di pondok ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana guru sendiri menjadi idola kepada anak pondok. Guru makan, guru minum, guru bergaul, guru bercakap, apa sahaja yang dilakukan oleh guru dilihat oleh anak murid-murid dan guru membuat pemantauan kepada anak-anak pondok mereka sehingga sampai sekarang ini kita tak dapat melihat bahawa anak pondok ketagihan dadah. Tidak ada sebenarnya kalau ada nadir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Gulung, saya sedang menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi kata sudah gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sedang menggulung. Panjang kena gulung perlahan-lahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendekkan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pendek, tak apa insya-Allah. Jadi saya rasa Kementerian Pelajaran selain daripada bina sekolah-sekolah hebat di negeri Kelantan dan di mana-mana tempat, apakah kita tidak mempunyai peruntukan juga bina asrama-asrama supaya pelajar-pelajar kita berada di asrama. Sepanjang mereka daripada tingkatan satu hingga tingkatan empat mereka duduk asrama. Selepas mereka memasuki peperiksaan SPM, minta kerajaan mengadakan kursus-kursus kemahiran kepada mereka dan bakinya lagi minta hantar ke pondok ke Kelantan. Biar mereka besar di pondok. Saya rasa Pasir Puteh boleh bersetuju. Tak ada apa pun. Tak salah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Assalamualaikum.*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bagi kepada kawan saya ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya bersetuju pendidikan agama ini banyak akan membentuk makhluk yang tertib, yang

berbudi-bahasa. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat hendak kerajaan buat asrama di setiap sekolah ini agak sukar sedikit kerana contoh macam di kampung di kawasan Dulang di Yan orang yang mengaji pun budak-budak kampung di situ. Jadi kalau dia hendak duduk di asrama sedangkan kasih-sayang ibu kepada anak, belaian dan pelukan ibu dan bapa kepada anak itu akan hilang.

Sebab itu kalau Yang Berhormat sedar hari ini kadang-kadang anak-anak kita duduk dengan ibu bapa tak sampai pun 10 tahun Tuan Yang di-Pertua. Daripada darjah satu sampai darjah enam dia duduk di rumah. Kemudian dia masuk asrama penuh. Dapat asrama penuh, dia lulus peperiksaan dia masuk ke maktab. Kemudian masuk ke universiti dan sebagainya. Lepas itu dia keluar bekerja dia tak duduk dengan ibu bapa sudah. Lepas bekerja dia menikah. Lepas dia menikah dia bela anak kadang-kadang dia tinggal cucu kat kita. Dia pergi. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak perlu bantu dia panjangkan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, fasal saya hendak tolong dia gulung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tolong gulung... [Ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat dilema di sini antara pelukan kasih-sayang ibu bapa dan juga pendidikan. Jadi kita kena seimbangkanlah saya ingat. Terima kasih Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat hari raya Yang Berhormat. Maaf zahir batin.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, Waalaikumusalam warahmatullahi wabarakatuh. Masalah sekarang ini bukan dalam pelukan ibu bapa sekarang ini, anak kita dipeluk oleh orang lain. Oleh pembantu-pembantu rumah, itu masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Budak Kelantan bercakap Indonesia, sebab pembantu daripada Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tapi bila malam mak bapak dia peluklah anak itu. Siang mak bapak pergi cari makan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya rasa kita boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai sila duduk... [Ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...Kita boleh peringkatkan bukan kata semua sekali gus dan kita tengok hasilnya. Kita buat satu peringkat ke satu peringkat. Insya-Allah kita kaji. Kalau hasil itu menurun kita berhenti. Kalau hasil itu baik barangkali kita boleh menangani masalah dadah, kerana bila anak kita terbiar mereka terdedah dengan pertama rokok, lepas

rokok dadah, lepas dadah HIV, lepas HIV mati. Barangkali itulah Tuan Yang di-Pertua dan saya minta maaf banyak kalau panjang ucapan saya ini. Saya kira sama dengan sahabat-sahabat lain tidak lebih daripada 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Lebih? Dan yang lebih itu saya minta maaf dan saya berterima kasih dan yang lebih itu saya minta maaf. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Titiwangsa.

2.56 ptg.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk bersama membahaskan Bajet 2008. Saya ingin menyentuh di sini mengenai industri elektrik. Saya ingin menyentuh dua perkara iaitu mengenai tarif elektrik dan juga jaminan sumber bekalan pada masa yang akan datang. Seperti yang kita sedia maklum, bekalan elektrik merupakan satu perkara asas yang perlu ada dalam negara sekiranya negara kita mahu maju ke hadapan. Bukan sahaja ada bekalan elektrik, tapi mestilah ada bekalan elektrik yang boleh diharap. Sekiranya bekalan elektrik itu putus, memang kita sudah perhatikan di dalam negara kita sendiri apabila ada *blackout* yang begitu besar beberapa tahun dahulu memang huru-hara dibuatnya. Banyak contoh di luar negara yang kita dapat memerhatikan apabila berlaku perkara sedemikian seperti Papua New Guine, California, India dan juga jiran kita di Indonesia.

Sebenarnya, pengguna di sini lebih beruntung kalau dapat bekalan elektrik yang boleh diharap, walaupun dengan harga yang lebih sedikit daripada satu harga yang murah dan tidak boleh diharap. Buat masa sekarang harga saham tenaga elektrik TNB nampaknya elok juga, tapi pada hitung panjangnya banyak pelabur-pelabur dalam saham TNB telah memberi amaran bahawa sekiranya tarif yang ada sekarang dikekalkan satu hari akan menjejaskan prestasi kewangan tenaga nasional itu sendiri.

Dari segi kendalian sistem tenaga nasional memanglah boleh diucapkan syabas dan tahniah, tapi perkara asas itu menghitung panjangnya mungkin merunsingkan kita. Ada tanda-tanda amaran yang memberi perkara ini dan kita tahu walaupun tenaga nasional baru-baru ini telah dapat satu kenaikan tarif, tapi seperti yang saya katakan tadi itu tidak mencukupi. Pihak Petronas sebaliknya telah juga mengemukakan pada pihak kerajaan untuk menaikkan harga gas tetapi telah ditolak. Ini telah diperhatikan oleh semua pelabur-pelabur dalam KLSE. Tarif yang baru naik pada tahun ini telah dinaikkan selepas 10 tahun ditekan. Kita tahu 10 tahun kebelakangan ini minyak telah melonjak banyak kali, kalau tak salah saya telah sampai ke USD90 satu tong.

Tarif yang sengaja ditekankan secara ini akan menggalakkan penggunaan elektrik yang tidak cekap dan sekarang pun ada juga beberapa sektor ekonomi yang menikmati subsidi seperti

sektor perlombongan yang menikmati tarif lebih kurang 17% ke 20% di bawah kos pembekalan. Ada bahagian komersial juga 2% ke 3.5% di bawah kos pembekalan. Di sini kadang-kadang orang mengira mengenai kos elektrik tetapi sebaliknya kalau kita tengok industri yang lain, iaitu industri telekomunikasi, rakyat tidak berfikir dua kali untuk membelanjakan duit untuk perkara yang mungkin tidak begitu penting iaitu seperti SMS.

■1500

Mengikut perangkaan MCMC iaitu Suruhanjaya Multimedia, sembilan bulan yang pertama tahun ini, rakyat Malaysia telah menghantar 23 bilion SMS. Kita kata sekurang-kurangnya sepuluh sen satu itu merupakan perbelanjaan yang agak besar. Namun orang tidak hairan menghantarnya atau pun orang mengundi pada Akademi Fantasia sebanyak 50 sen satu SMS. Jikalau dibandingkan dengan elektrik 50 sen itu kita boleh menggosok selama dua jam, menggunakan cerek selama dua jam atau kita boleh menonton TV selama enam jam. Itulah samanya dengan 50 sen dari segi tenaga elektrik.

Untuk penjanaan elektrik sekarang ini, minyak merupakan sangat sikit iaitu 0.5%. Namun kebanyakan penjanaan elektrik sekarang ini datang daripada arang batu dan gas, arang batu sebanyak 22.5% dan gas hampir 72%. Dalam erti kata lain, arang batu dan gas merupakan tulang belakang penjanaan elektrik di semenanjung hampir 95%. Jika kita congak subsidi dalam erti kata lain dengan ada penekanan harga RM6.40 kepada Petronas. Petronas sebenarnya telah hilang *opportunity cost* sebanyak RM58 bilion selama 10 tahun dan arang batu pula telah naik harganya daripada USD27 sampai ke USD76 dolar satu tan.

Jadi kalau kita tengok tarif yang ada sekarang susahlah kalau kita nak meramalkan satu hari nanti TNB dan Petronas juga akan menghadapi kesusahan. Jadi suka tak suka kerajaan haruslah menimbangkan satu tarif di mana kita menjurus kepada pihak pengguna membayar *the true cost of energy*.

Pada tahun 1969 ada satu tarif yang berunsurkan sedemikian dengan adanya apa yang dipanggil FCVC iaitu *Fuel Cost Variation Charge*. Di mana *fixed cost* itu telah diuruskan sahaja dalam bil kita tetapi FCVC inilah yang menentukan sama ada akan membiayai sama ada minyak itu naik atau turun. Ada tahun harganya naik ada tahun harganya turun.

Pada masa sekarang unsur prinsip begini telah diguna pakai sebenarnya dalam perjanjian jual beli antara IPP dan Tenaga Nasional. Dalam erti kata lain IPP menikmati prinsip *pass through* tetapi Tenaga Nasional tidak. Satu lagi contoh di mana *fuel pass through* ini diadakan sekarang dalam tiket penerbangan MAS. MAS juga mengadakan *fuel surcharge* untuk tiket mereka, jadi perkara ini bukan perkara baru.

Pada tahun 1990, apabila diadakan pengapungan saham Tenaga Nasional di dalam perspektif itu telah dijanjikan satu tarif yang merupakan tarif *pass through* juga iaitu $[CPI - M + Y + IPP]$ iaitu $[Consumer Price Index - Efficiency + \text{Harga minyak dan juga bayaran kepada IPP}]$.

Namun hari ini yang telah diguna pakai pada 1993 telah dimansuhkan pada tahun 1995. Pada 1997 pula harga gas telah ditetapkan kepada RM6.40 satu milion PTU. Jadi dalam erti kata lain, pada masa hadapan sekiranya tarif yang berunsurkan *pass through* di gunakan oleh TNB, saya yakin kedudukan kewangan TNB dan juga kedudukan Petronas akan bertambah baik.

Dalam keadaan kewangan yang lebih kukuh mereka bolehlah dapat melabur untuk menjamin bekalan elektrik pada masa hadapan terjamin. Pada masa sekarang kalau kita perhatikan simpanan gas kita merupakan 89 ECF *trillion cubic feet*. Ini menempatkan Malaysia kepada nombor 14 dalam simpanan gas. Sekiranya kalau dapat sebahagian daripada RM58 bilion yang saya sebut awal tadi di salurkan kepada pihak Petronas, saya yakin mereka juga boleh mendapat jaringan sumber-sumber gas yang baru.

Tarif yang serupa begini memang diguna pakai oleh jiran-jiran kita seperti di Thailand, Singapura dan Filipina. Saya ingin dinyatakan di sini negara Norway yang hampir 100% tenaga elektriknya datang dari bahan hidro dan mereka juga merupakan pengeksport minyak di antara yang terbesar dalam dunia. Mereka juga mengadakan minyak dan bekalan elektrik yang paling mahal, dalam erti kata lain mereka membenarkan *market forces* untuk menentukan harga elektrik dan harga petrol.

Bagaimana dengan masa depan kita? Apabila kita telah mengambil kira bahawa pembekalan sekarang merupakan daripada arang batu dan gas. Gas pada awalnya telah pertama digunakan di stesen jana elektrik Paka dan telah meningkat tahun demi tahun hinggalah sekarang. Sekiranya semua stesen jana elektrik yang direka bentuk untuk digunakan gas, ini bermakna permintaan sebanyak RM1,774 *cubic feet* milion satu hari. Sekarang nampaknya bekalan gas kepada tenaga telah terbatas kepada RM1,350. Dalam erti kata lain ada jurang di situ, nampaknya jurang ini terpaksa di bekal oleh gas dari JDA iaitu Joint Development Area dan juga dari Pulau Natuna di Indonesia.

Daripada dua tempat yang saya maksudkan tadi Petronas terpaksa membelinya dengan harga pasaran sebaliknya gas yang datang daripada Petronas sendiri terpaksa dijual kepada Tenaga Nasional dengan RM6.40. Jadi di sini mungkin sebabnya keengganan pihak Petronas untuk membekalkan gas tambahan yang diperlukan oleh pihak Tenaga Nasional.

Jadi buat masa yang terdekat ini apa pilihan untuk Tenaga Nasional? Mungkin mereka boleh menambahkan penjanaan arang batu tetapi penjanaan arang batu juga ada masalah-masalah lain. Di antaranya *carbon emission* daripada stesen jana elektrik arang batu ini agak tinggi *the carbon is very high*. Begitu juga kadang-kadang kita nak cari lokasi untuk stesen jana elektrik ini agak sukar sedikit maklumlah banyak masyarakat mengadakan prinsip *NIMBY* yang orang kata dalam bahasa Inggeris iaitu "*Not In My Back Yard*". Orang memanglah tidak suka ada stesen jana elektrik yang begitu besar sekali berjiran dengan mereka.

Kita juga bergantung kepada arang batu ini 100% yang diimport. Buat masa sekarang, arang batu diimport dari India, China, Australia dan Indonesia. Daripada empat negara yang

saya sebut ini ada kemungkinan besar pada satu hari nanti India, China, dan Indonesia tidak mahu mengeksport arang batu mereka kepada kita. Jadi kita mungkin hanya bergantung Australia ataupun mungkin dari jauh lagi iaitu dari Afrika Selatan. Jadi jaminan bekalan pada masa yang panjang pun boleh kita pertikaikan dan kos juga akan mengikut harga pasaran.

Jadi kesimpulannya gas dan arang batu memanglah ada masalah hitung panjangnya. Apa alternatif buat Tenaga Nasional? Saya rasa buat masa sekarang mereka pun telah buat perbincangan dengan Petronas untuk mencari bekalan LNG dalam negara kira sendiri. Namun kita sedia maklum untuk mewujudkan satu sistem LNG memakan masa yang begitu lama dan tentu sekali LNG merupakan satu bahan api yang agak mahal.

Kedua, alternatif ialah tenaga hidro. Semenanjung ini tidak dapat dibangunkan banyak lagi stesen hidro elektrik mungkin di Hulu Terengganu dan Hulu Jelai lepas itu mungkin tak ada kemungkinan lagi, sebab rupa bumi kita dah sedemikian.

Namun sebaliknya Sarawak merupakan potensi hidro yang begitu tinggi sekali. Jikalau tak salah saya ada satu kajian mengatakan Sarawak berpotensi untuk mengadakan sebanyak 25,000 *mega watt* hidro. Namun, mereka di Sarawak, tetapi sebaliknya beban tidak ada beban di Sarawak, beban elektrik banyaknya di semenanjung. Jadi untuk membawa tenaga elektrik dari Sarawak ke semenanjung itu juga merupakan masalah kejuruteraan dan masalah kewangan yang besar. Seperti yang kita sedia maklum, Bakun yang telah banyak dipaparkan dalam berita mengenai masalahnya kita masih tersentak-sentak lagi mengenai Bakun. Walaupun Bakun ini telah hampir siap empangannya, tetapi setakat ini masih belum ada tenaga elektrik yang kita dapat daripadanya.

Walaupun saya difahamkan bahawa pihak Sime Darby telah diberi tanggungjawab untuk membawa tenaga elektrik dari Sarawak ke semenanjung, tetapi mereka menghadapi banyak masalah.

■1510

Di antaranya ialah mengenai pembekalan kabel dasar laut itu sendiri dan jangan lupa kabel penghantaran di bumi Sarawak juga merupakan satu jarak jauh yang sama panjangnya dengan kabel dasar laut. Jadi ia ada banyak masalah.

Mungkin satu penyelesaian untuk menggunakan Bakun dengan secepat mungkin ialah untuk mewujudkan beban di Sarawak itu sendiri dalam rupa bentuk *aluminum smelter* dan kita mengambil masa *we take our own time a bit* untuk mewujudkan satu industri pembuatan kabel untuk menggunakan kuasa hidro yang bukan daripada Bakun, tetapi yang akan datang seperti Murun, Baram ataupun Baleh. Kerajaan Pusat haruslah mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya supaya mencari jalan yang elok sekali supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang kita buat pada Bakun.

Alternatif yang satu lagi untuk Tenaga Nasional ialah tenaga nuklear. Kalau kita tengok dalam dunia ini, banyak negara yang ada nuklear memang tinggi penggunaannya. Kalau diambil

contoh Perancis 78% penjanaaan kuasa di Perancis menggunakan tenaga nuklear. Ambil contoh yang lain Sweden 49%, Korea jiran yang terdekat 40%, Jepun 25%, Amerika Syarikat 25% dan China 2%.

Ingin saya menarik perhatian di sini bahawa China sendiri sekarang telah dalam proses untuk membina 10 stesen jana elektrik nuklear. Jiran kita Thailand, Indonesia dan Vietnam dalam perancangan untuk mendirikan stesen jana elektrik nuklear mereka yang pertama. Jadi mestilah kita buat kajian yang begitu tepat sekali, banyak masalah yang kita harus pertimbangkan. Di antaranya macam mana hendak dikomersialkan *nuclear power plant* ataupun macam mana dan apa yang hendak dibuat dengan bahan api yang telah dipakai dan tapak yang mana hendak diletakkan.

Jadi saya rasa pihak kerajaan sama ada kita buat atau tidak stesen jana elektrik nuklear ini kita haruslah mencari tapak yang sesuai dengan secepat mungkin dan sekarang pun industri nuklear ini selepas 10 tahun tidak bergerak dan sekarang telah bergerak dengan hebatnya.

Jadi kalau kita tengok rata-rata alternatif yang ada pada Tenaga Nasional semuanya ada masalah. Khasnya masalah gas yang kita tahu gas kita terhad, arang batu di mana kita kena import 100%, hidro yang tidak bersesuaian di tempatnya dan hampir semuanya di Sarawak dan permintaannya di Semenanjung dan juga di Sabah dan tenaga nuklear ada masalahnya tersendiri. Suka tidak suka, empatnya ada masalah dan keempat-empatnya akan mengambil masa yang panjang untuk kita mengimplementasikannya dan sebenarnya tiada opsyen murah.

Jadi kalau ada opsyen yang murah, elok jugalah sekarang industri ini sendiri bersiap sedia bukan sahaja dari segi *operation* tapi dari segi kewangannya. Dalam erti kata lain, eloklah kita mewujudkan satu tarif yang mencerminkan *the true cost of energy*, tapi saya bukan mengesyorkan ini dilakukan dengan serta-merta. Mungkin kita boleh mengambil satu masa yang di antara lima ke lapan tahun sebelum kita mewujudkan satu tarif di sini supaya akhirnya *there is an equitable price of electricity*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membuat kesimpulan bahawa dalam industri tenaga eklektik ini, tarif merupakan satu perkara yang sangat penting dan tarif ini tidaklah boleh diset secara *artifisial*, tetapi haruslah diset dengan mencerminkan harga tenaga asas yang sebenarnya. Hanya dengan ini akhirnya dapat kita mewujudkan kecekapan dalam industri ini. Insya-Allah saya yakin kalau tarif yang sedemikian dapat dilaksanakan tanpa gangguan, kita boleh menambahkan kecekapan dalam industri ini dengan membenarkan lagi persaingan dalam...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya mengucapkan terima kasih kerana ucapan bajet beliau untuk sesuatu perkara yang begitu penting dan kukuh. Beberapa kali Yang Berhormat dalam ulasan tadi menyebut tentang masalah Tenaga Nasional atau masalah Petronas.

Bukankah sebenarnya ini masalah kerajaan? Soal *past through* misalnya itu telah selalu kita perkatakan. Suatu hari kita harus terima hakikat bahawa subsidi yang tidak menentu tidak akan ke mana-mana. Ia hanya akan merosakkan syarikat Petronas dan Tenaga Nasional. Juga soal Bakun, soal keputusan yang sekali dibuat, sekali tidak dibuat. Soal *Energy Commission* dengan *recommendation* yang tidak menentu. Dalam soal-soal yang disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa.

Jadi persoalan saya, apakah sebenarnya punca? Kita ada *Cabinet Committee on this*, kita ada *Energy Commission*, kita ada pakar-pakar, kita ada Menteri, *so what is the problem?*

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih sahabat saya dari Kota Baharu. Seperti saya katakan tadi, saya telah utarakan masalah di bawah isu industri elektrik. Sebenarnya kita harus ada *political will* untuk mengimplementasikan apa yang jelas. Modul-modul untuk industri elektrik ini memang ada jelas merata-rata. Kita boleh mengambil contoh yang banyak dalam dunia ini.

Saya agak rasa terkilan sikit dengan apa perkara-perkara yang asas dan pokok ini tidak boleh diguna pakai dalam Malaysia ini. Walhal apa yang saya perkatakan tadi, dulu pernah digunakan seawal-awal tahun 1969 tapi telah dimansuhkan pada tahun 1980. Akhirnya sekali lagi apabila diapung saham Tenaga Nasional tarif yang berprinsip yang sedemikian juga telah dinyatakan dalam prospektus. Jadi seolah-olah kita telah menidakkan apa yang telah di *what was warranted, what was presented in the prospectus*, dengan izin. Jadi sebenarnya kita harus balik kepada perkara ini dan akhirnya walaupun perkara ini merupakan pahit, tapi itulah sebenarnya.

Kalau kita tengok Tenaga Nasional kita tidak harus sahaja melihat elektrik. Elektrik dalam sendirinya tidak wujud, elektrik sebenarnya datang daripada tenaga asas yang lain yang senang sangat kita hendak menentukan harga parasnya, harga gas, harga arang batu dan itu semua pokok dan kita boleh kita kenal pasti.

Jadi haruslah kita menafikan harga yang sebenarnya. Jadi kalau ada dengan harga yang sebenarnya, saya yakin kalau dibenarkan pula tarif ini naik sedikit demi sedikit tiap-tiap tahun, kita tidak terjerat dalam perkara yang sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Ya Tuan Yang di-Pertua saya akan gulung. Jadi, dengan demikian kalau dibuat dengan perkara yang sedemikian, semua *stakeholders* dalam industri ini akan main peranan untuk menjamin supaya tenaga elektrik dalam negara kita ini memang mencerminkan *the true cost of energy* dan juga mempunyai kecekapan dalam industri itu sendiri.

Jadi itu saja ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Segambut.

3.18 ptg.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Tentang Bajet 2008, saya hendak sentuh sedikit tentang struktur DBKL. Sebagai Ahli Parlimen di Kuala Lumpur, pertama kali saya ingin membahaskan akta yang mengawal DBKL yang pada pendapat saya hendaklah diubah menyerlahkan serta mencerminkan situasi semasa.

Secara keseluruhannya, saya akui DBKL sememangnya memainkan peranan yang boleh kata baik. Namun, Lembaga Penasihat DBKL dengan izin, *DBKL Advisor Board* tidak berperanan atau berfungsi sebagai penasihat dan tidak efektif. Lembaga Penasihat saban kali tidak dapat memenuhi atau mengenali situasi berbanding dengan pihak berkuasa awam yang lain.

■1520

Saya ingin mengambil contoh Majlis Bandaraya jiran kita Petaling Jaya umpamanya. Mereka mempunyai sistem kaunselor. Setiap jawatankuasa yang penting dan utama diketuai oleh seorang kaunselor yang membahaskan setiap usul secara terperinci dahulu. Di Petaling Jaya majlis penuh akan bertemu dan bermesyuarat sekali dalam sebulan untuk berbincang dan berkongsi pendapat sebelum sesuatu projek besar diluluskan. Itulah cara yang sepatutnya. Baru-baru di kawasan saya, mengambil contoh dua perkara yang besar satu ialah Pusat Bandar Damansara dan juga Medan Damansara. Di kawasan itu Tuan Yang di-Pertua, kalau pandu kereta pagi atau petang lebih kurang 5.00 petang pada sekarang sebelum projek itu habis, memang sangat sesak kereta. Saya pun tidak tahu bagaimana pakar-pakar DBKL boleh meluluskan dua-dua projek yang besar itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ya, ya sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Segambut. Saya sebenarnya tertarik dengan hujah-hujah daripada Segambut apabila bercakap tentang DBKL ataupun Dewan Bandar raya Kuala Lumpur. Sebab seperti yang disebutkan oleh Segambut tadi, semua urusan DBKL diputuskan oleh datuk bandar, tidak perlu melalui satu proses perbincangan ataupun kelulusan di peringkat lembaga penasihat. Dia bertentangan sekali dengan yang dipraktikkan oleh PBT-PBT lain. PBT lain setiap kelulusan perbelanjaan mesti diperbincangkan dahulu, tidak seperti DBKL. Oleh yang demikian, adakah Segambut setuju kalau saya cadangkan supaya DBKL dikeluarkan daripada senarai PBT dan dijadikan terus sebagai sebuah jabatan di bawah JPM kerana lembaga penasihatnya bukan berfungsi sebagai ahli majlis seperti di PBT-PBT yang lain, sekian terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Yang Berhormat, itu cadangan yang boleh dikaji, tetapi sebagai wakil rakyat di kawasan Segambut atau di lain-lain kawasan,

kita sememangnya mewakili penduduk atau pengundi, tetapi jarang minta komen-komen kita. Kadang-kadang kita pun jadi ahli Yang Berhormat yang bodoh sebab apabila orang minta kita apa yang sedang naik itu kita pun gelap atau langsung tidak tahu. Penduduk-penduduk sepatutnya jarang berkongsi pendapat mahupun duduk semeja membahaskan perkara-perkara pokok. Ini nyata bercanggah dengan kata Agenda 21.

Saya menyarankan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan, kementerian yang bertanggungjawab memberi perhatian di dalam isu ini serta-merta serta menyusun semula ataupun membubarkan Lembaga Penasihat DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, *point* nombor dua ialah e-kesihatan. Seperti yang kita sedia maklum Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ telah memperkenalkan sistem e-kesihatan iaitu satu sistem di mana pemeriksaan kesihatan dan penghantaran maklumat pengesahan pemeriksaan kesihatan dibuat secara elektronik tanpa menggunakan borang-borang.

Ini juga dikatakan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Kami menyokong dan mengalu-alukan keputusan Kabinet dalam menangguhkan pelaksanaan sistem e-kesihatan bagi pemandu kenderaan komersial termasuk bas-bas ekspres yang ada banyak masalah yang dijadualkan berkuat kuasa pada bulan Oktober tahun ini tetapi tarikh itu sudah ditangguhkan. JPJ sepatutnya bekerjasama dengan pakar-pakar seperti Persatuan Perubatan Malaysia atau MMA dan Kementerian Kesihatan dalam pelaksanaan e-kesihatan ini. Saya sedar sebagai seorang doktor, memang terdapat banyak penyelewengan yang berlaku.

Ramai pemandu bas dan lori di negara kita yang mempunyai masalah kesihatan yang serius dan membimbangkan. Contohnya darah tinggi, penglihatan yang kurang memuaskan, diabetes dan lain-lain penyakit. Tidak hairanlah banyak kemalangan jalan raya yang berlaku saban hari. Tuan Yang di-Pertua, saranan pelaksanaan sistem e-kesihatan ini hendaklah disamaratakan. Ini hendaklah terbuka kepada semua doktor atau dengan izin, GP's berbanding dgn klinik-klinik panel yang ditetapkan atau yang terpilih sahaja. Bayaran untuk menjalani ujian kesihatan menyeluruh sebanyak RM80 boleh dikatakan sebagai munasabah.

Kami seterusnya menyarankan juga supaya data elektronik tersebut dipaparkan secara *online* kepada JPJ, pihak polis dan juga Kementerian Kesihatan dan juga sebagai cadangan pelantikan Koperasi Doktor Malaysia sebagai badan mengimplementasikan adalah juga amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu topik yang hangat iaitu Zon Perdagangan Bebas Port Klang atau Port Klang Free Trade Zone. Sesuatu yang amat tidak betul telah menimpa dan melibatkan Zon Perdagangan Bebas Port Klang. Walaupun Kerajaan Barisan Nasional berusaha untuk mempromosikan integriti, namun Port Klang Free Trade Zone meninggalkan banyak soalan yang tidak terjawab. Di mana silapnya? Persoalan-persoalan yang timbul;

- (i) mengapa tanah untuk projek berkenaan dibeli untuk harga yang begitu tinggi;

- (ii) mengapa satu tapak yang begitu luas 1000 ekar dikembangkan secara sekali gus. Seperti contoh minggu lepas, sebagai ahli *Public Accounts Committee*, kita pun ada peluang pergi sana. Sekarang kita nampak lebih kurang 500 kilang perindustrian yang dah dibina tetapi hanya 18 sudah guna, 18 *out of 500 over* Tuan Yang di-Pertua;
- (iii) walaupun jumlah besar dibelanjakan, namun infrastruktur seperti jalan raya masih lagi belum disiapkan dan juga satu soalan Tuan Yang di-Pertua, perjanjian di antara Port Klang dan pihak penswastaan jumlah tanah ialah lebih RM1 bilion dan membangunkan kilang-kilang jalan jambatan dan sebagainya RM2.8 bilion Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jumlah yang besar itu, sebelum apa-apa yang bina sudah diletak 20% jumlah itu untuk kos *over all*. Iaitu 20% of RM2.8 bilion *is RM560 million cost over all*. Saya pun bila ingat ini pun kepala pening. Bagaimana orang yang bertanggungjawab boleh luluskan projek ini;
- (iv) bagaimana pula surat sokongan daripada Menteri Pengangkutan boleh menjadi surat jaminan?;
- (v) bon-bon telah diterbitkan bagi tujuan membiayai projek tersebut...
- (vi) Atas dasar apakah Kementerian Kewangan menerbitkan bon-bon ini?

■1530

PAC dan rakyat mempunyai hak untuk mengetahui apakah yang tidak kena dan apakah sebenarnya yang telah terjadi kepada projek mega ini. Badan Pencegah Rasuah hendaklah tampil membuat siasatan dan mendakwa pihak-pihak yang telah menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Sivill dan Syariah. Baru-baru ini Chief Justice, Tun Ahmad Fairuz Abdul Halim telah mencadangkan bahawa rujukan kepada sistem perundangan *common law* Inggeris dimansuhkan daripada undang-undang sivill negara ini, dan kita harus lagi mengetahui undang-undang *common law*. Ini sama sekali merupakan satu cadangan dan tindakan yang tidak betul dan tidak berasas. Majlis Peguam juga amat tidak berpuas hati serta membangkang cadangan ini.

Di negara kita, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi. Ini diikuti pula dengan undang-undang bertulis, akta-akta Parlimen dan juga undang-undang kes yang diputuskan oleh hakim-hakim. Mahkamah mempunyai tugas untuk mentafsir Perlembagaan. Dalam tugas itu, prinsip-prinsip *common law* juga diguna pakai. Di samping itu mahkamah kita juga telah mengambill kelaskan undang-undang Malaysia dan banyak cadangan undang-undang di mahkamah kita sepanjang 50 tahun ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sivil telah diguna pakai semenjak tahun 1956, sebelum merdeka lagi. Ini memberikan kuasa budi bicara untuk mahkamah menerima pakai undang-undang *common law* dan ekuiti Inggeris mengikut keadaan tempatan. Apabila mahkamah menerima pakai undang-undang *common law*, ia telah menjadi sebahagian daripada perundangan negara kita dan negara kita telah sama-sama berkembang bersama-sama dan telah juga memperkembangkannya. Sistem *common law* adalah satu sistem perundangan yang utuh dan amat dihormati di seluruh pelosok dunia dan diguna pakai secara universal tanpa pengaruh unsur agama. Ia juga adalah asas kepada perundangan awam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tradisi untuk mensyariahkan kebanyakan undang-undang kita adalah sesuatu yang membimbangkan. Ia adalah sesuatu yang tidak digalakkan demi masa hadapan Malaysia sebagai negara yang sederhana. Ini akan menyebabkan perubahan ketara dan konflik dalam sistem perundangan negara dan di kalangan masyarakat untuk melanggar kontrak sosial. Ia juga akan menghantar mesej yang salah kepada pelabur-pelabur luar negara. Pelabur-pelabur asing akan berasa lebih terancam dan lebih berhati-hati untuk melabur di Malaysia sekiranya tradisi ini dibiarkan untuk berterusan.

Di harap semua pihak akan bertindak wajar demi masa depan Malaysia yang lebih cemerlang dan terjamin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Gajah.

3.34 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa makna sambutan kemerdekaan ke-50 tahun jika yang paling asas warga Malaysia iaitu suasana selamat tidak dapat diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada warganya. Apakah maksud koridor-koridor? Apabila kita sekarang telah bebas daripada cengkaman penjajah, tetapi kita dalam kehidupan ketakutan penjenayah kerana kegagalan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertanyaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor semalam berkenaan berapakah kes rogol sejak Januari tahun ini, Dewan diberitahu bahawa daripada sejumlah 1,822 kes, Januari hingga Julai, hanya 216 kes belum selesai. Dalam erti kata yang lain, sebanyak 87% kes rogol telah selesai.

Saya memohon agar Dewan yang mulia ini terutamanya pihak kementerian memperjelaskan apakah yang dimaksudkannya dengan kes selesai, agar orang ramai tidak dikelirukan berkenaan dengan maksud kes telah selesai sebab buat masa ini, setahu saya kes selesai tidak membawa maksud bahawa penjenayah telah dijatuhi hukum seperti yang dituduh.

Kes selesai mungkin kerana suspek telah dikenal pasti, tetapi tidak bermaksud tidak meliputi suspek telah dituduh dan berjaya didakwa dan dijatuhi hukum seperti yang

dipertuduhkan. Jadi Dewan ini perlu diperjelaskan kekeliruan ini dan orang ramai perlu diberitahu apa yang dimaksudkan dengan kes selesai.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa indeks jenayah menurun bagi beberapa buah negeri dan saya memohon kerajaan jangan sekadar menerima indeks jenayah ini. Yang penting ialah apakah warga Malaysia dan juga pelancong, pelabur apabila mereka menjejak kaki di tanah air ini mereka merasa selamat atau tidak.

Kita semua merasa sangat sedih dengan kematian adik Nurin apabila telah dijumpai dalam satu beg pada 17 September yang lalu setelah 27 hari hilang. Kita semua amat marah dengan pembunuhan yang begitu kejam dan keji ini tetapi apakah kedudukan kes ini buat masa ini. Saya merasa amat kecewa dan saya mendapati perjalanan proses penyiasatan kes Nurin ini seolah-olah pemburuan penjenayah oleh pihak polis tanpa haluan. Pemburuan penjenayah bagi kes Nurin ini seolah-olahnya tanpa haluan.

Ia adalah satu tindakan yang bijak, penubuhan pasukan khas Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman diketuai oleh Pengarah, Datuk Christopher Wan tetapi apabila kita mengikut perkembangan kes, menjejak penjenayah ini, pembunuh adik Nurin ini, orang ramai begitu dikelirukan dengan proses-proses mencari penjenayah.

Kita membaca surat khabar, Ketua Polis kata, IGP kata, "Oh, pembunuh ini berada dalam Lembah Klang." Selepas itu kita membaca kemungkinan pembunuh adalah pencabul Kampung Baru dikenali sebagai pencabul Kampung Baru yang pernah merogol beberapa orang budak. Selepas itu kita membaca pula, mempertimbangkan mengambil bantuan fizik untuk menjejak di manakah pembunuh ini. Oh! Lepas itu kita membaca jumpa rambut. Kita akan ambil rambut ini untuk buat DNA. Selepas itu kata, "Oh! CCTV telah tangkap, lima orang suspek ini datang. Oh! serah diri, sudah ditangkap". Selepas itu kata, "Tahan reman untuk siasat". Selepas itu dibebaskan.

Selepas itu kita dengar, oh! Ini ada seorang wanita dilihat sebagai suspek. Wanita ini adalah yang terlibat, menjaga, memberi makan kepada Nurin pada masa itu dipercayai menjaga, memberi makan kepada Nurin dan wanita ini adalah wanita yang telah menelan *sim card*.

■ 1540

Oh! Polis telah jumpa petunjuk baru menjejak pembunuh ini. Kita semua amat dikelirukan. Lepas itu oh dibebaskan, oh ditahan sekarang dan telah dituduh kerana memasuki negara ini tanpa dokumen.

Lepas itu kita membaca pula, oh sedang mencari wanita berbaju merah. Lepas itu dibebaskan. Oh, sekarang cari lagi seorang lelaki oh nampak dia membawa satu beg sukan turun dari motosikal, tangkapan dari CCTV tetapi tidak nampak nombor motosikal itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah sedemikian. Polis ada kata media jangan bagi spekulasi, jangan buat spekulasi, ini akan menjejaskan siasatan tetapi bagaimanakah maklumat dan tangkapan-tangkapan ini boleh sampai kepada media. Ada di kalangan maklumat yang saya

bangkitkan ini ada pemberian dan kenyataan yang dibuat oleh OCPD, dibuat oleh Ketua Polis Negeri, dibuat oleh Ketua Polis Negara. Saya amat kesal dan gambar bedah siasat adik Nurin telah disebarikan melalui internet jadi apa masalah ini. Kenapakah bagi menjejaki penjenayah ini boleh sehingga ke tahap sedemikian. Saya boleh memberitahu dengan jelasnya orang ramai sebenarnya sekarang merasa sangat kurang keyakinan terhadap penyiasatan kes ini dan bukan sahaja sebelum ini ada kes-kes yang lain.

Saya pohon satu tindakan yang lebih teliti berkenaan proses penyiasatan menjejaki pembunuh ini dan juga bagi kes-kes yang lain. Sekarang orang ramai dikelirukan sahaja. Satu lagi perkara yang saya juga kesal apabila perkembangan siasatan kes sedang dijalankan kenyataan dibuat ibu bapa adik Nurin boleh didakwa kerana kecuaiannya. Apakah ini sensitif pada masa ini membuat kenyataan sedemikian dan saya juga sangat kecewa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oh dia kata buat masa ini dia kata sedih.

Kita semua sedih sepanjang masa ini, kita bukan sahaja sedih tetapi hidup dalam keadaan ketakutan. Keselamatan bukan untuk diri sendiri sahaja tetapi untuk ahli keluarga, untuk kawan kita yang tersayang tetapi Yang Amat Berhormat kata oh, kita cadanglah sesi satu sekolah. Tinggalkan anak di sekolah sampai pukul empat untuk mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah. Apakah ini cadangan yang bijak.

Yang Amat Berhormat cadangkan supaya kita mesti ada tanggungjawab bersama, semangat kejiranan, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya hendak memberitahu telah mengecewakan saya. Dalam isu keselamatan ini tidak boleh diperbaiki, jangan kata pembangunan, rakyat tak dapat tinggal dalam tanah air ini dengan merasa aman kerana penjenayah.

Masalah keselamatan ini pun tidak dapat ditangani dan kes Tan Lai Meng, pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman telah dirogol dan dibunuh di sebuah rumah di Bandar Mahkota, Cheras. Apabila saya membawa ibu bapanya untuk berjumpa dengan Ketua Polis Negeri Selangor, ketua polis negeri kata jangan baca surat khabar. Jangan baca surat khabar tetapi ibu bapanya tidak diberitahu perkembangan kesnya tetapi apabila saya membawa ahli keluarga untuk mengetahui perkembangan kes dan juga ada percanggahan maklumat yang dilaporkan oleh polis, yang dilaporkan dalam media yang dikatakan dikeluarkan oleh ketua polis negeri katakan kes sudah selesai, oh telah kita tahan tetapi apabila jumpa dengan Ketua Polis Negeri Selangor kata jangan baca surat khabar tetapi kalau tidak beritahu keluarga mangsa, bagaimana boleh dapat maklumat .

Kita minta maklumat dia kata pergi mahkamah akan tahulah apa sebenarnya yang berlaku. Ini bukan hendak ganggu siasatan apabila ada wujud percanggahan dalam kes ini sebab awalnya ada kenyataan OCPD kata pemeriksaan mendapati suspek bukan masuk melalui pintu bukan secara pecah masuk kerana tidak ada kesan-kesan. Apabila kes polis kata telah selesai, dia kata memasuki melalui pintu belakang.

Apabila percanggahan maklumat, ibu bapa hendak *clarification* polis kata kita tidak boleh beritahu maklumat nanti kena dihadapkan ke mahkamah, ibu bapa juga kena bagi keterangan dan tidak boleh bagi maklumat. Tunggulah, tunggu di mahkamahlah. Orang inilah, suspek ini kami akan tahan reman, habis reman kami akan tuduh.

Apa terjadi Tuan Yang di-Pertua kes ini Tan Lai Meng mangsa ini? Semalam saya telefon dan saya juga meneliti maklumat surat khabar, suspek ini hanya dituduh di mahkamah membawa dadah (39B) itu sahaja. Bukankah ini telah menimbulkan suatu krisis keyakinan orang ramai terhadap PDRM tentang siasatan kes.

Setiap kali apabila ada *public out cry* kita diheboh-hebohkan dalam surat khabar kita boleh baca, oh ini ditangkap, itu ditangkap dan biasanya saya rasa Tuan Yang di-Pertua pendatang asing yang menjadi sasaran utama mereka. Dalam kes Tan Lai Meng, polis sedang buru tiga orang Pakistan. Lepas itu polis sedang cari teman lelakinya.

Apa ini Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada kata berkenaan kes selesai. Apa Maksud selesai? Kita tengok kes pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman, Lee Keng Yip apabila saya membangkitkan soalan dalam Dewan Yang Mulia berkenaan kedudukan siasatan kes pelajar Lee King Yip yang telah dibunuh, jawapan diterima bahawa kes telah selesai di mana dua lelaki telah ditangkap dan telah mengaku melakukan jenayah samun bersenjatakan parang dan mencederakan mangsa dan kes ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan tiada keterangan mencukupi untuk mendakwa dan kedua-dua orang ini telah dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam untuk dua tahun.

Itu dipanggil kes selesai kah? Kalau tak cukup keterangan mengapa tak bebaskan? Pergilah cari pembunuh yang sebenarnya dan ini seolah-olah memaksa kedua-dua suspek ini mengaku bahawa mereka yang melakukan apabila Timbalan Pendakwa Raya kata tak cukup keterangan tetapi PDRM apakah ada membuka semula kes ini. Inilah pertanyaan ibu bapa kepada mangsa ini. Ibu bapa kepada Lee Keng Yip ini bertanya apakah terjadi sekarang kes ini.

Apakah kita semua tinggal di suatu suasana di mana pada bila-bila kita berisiko tinggi menjadi mangsa jenayah kerana penjenayah sudah berkeliaran di kalangan kita. Saya pohon Yang Amat Berhormat mesti ada *political will* untuk mengatasi masalah ini, kurangkan lawatan keluar negara, tangani masalah dalaman negara ini dahulu yang paling asas keselamatan untuk semua. Kes Nurin tidak boleh berulang lagi tetapi hari ini kita baca surat khabar lagi kehilangan seorang budak bernama Rekha semenjak hari Isnin. Apakah ini akan berlaku suatu kes lagi dengan berulangnya kes Nurin? Kita bukan tidak hendak bekerjasama. Kita sentiasa perlu bekerjasama tetapi apabila dalam keadaan yang sedemikian begitu genting sekali, begitu serius sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah tunjuk *political will* untuk menanganinya.

Pemberian komputer, tambah motosikal untuk polis, kereta peronda, anggota polis, baik tetapi CCTV baik, tetapi apakah itu sekadar untuk selepas sebagai contoh CCTV, selepas kejadian berlaku tangkap gambar baru kita pergi cari pembunuhnya. Apakah kerana *prevention*

mengadakan dan memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) bandar selamat dijalankan. Bukankah ada konsep bandar selamat, mengapa apabila sampai ke tahap ini baru kita tambah anggota polis 60,000 dalam masa lima tahun. Bukankah ini telah gagal dalam aspek perancangan oleh Barisan Nasional, Yang Berhormat di sebelah sana ada bangkitkan isu keselamatan.

Semua sana dari Barisan Nasional, mereka ada timbalan menteri, mereka ada menteri juga dalam Kabinet. Ini semua tanggung bersama.

■ 1550

Saya juga ingin merujuk kepada isu SPR iaitu pemindahan pengundi ke kawasan Ipoh Timor. Sebelum ini saya dan beberapa orang Ahli Parlimen serta DUN telah berjumpa dengan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya dan bertanya mengapakah timbul soal pemindahan secara besar-besaran pengundi dari kawasan Parlimen lain ke kawasan Ipoh Timor dan juga pemindahan pengundi dari kawasan Ipoh Barat ke kawasan Batu Gajah.

Saya pernah bangkitkan di dalam Dewan ini mengenai isu ini. Sekarang saya bangkitkan mengenai Ipoh Timor dahulu. Bagi kawasan Ipoh Timor telah berlaku pemindahan secara besar-besaran seramai 2,231 pengundi dari kawasan Parlimen Gopeng ke Ipoh Timor. Apabila saya bangkitkan insiden ini, sebelum ini SPR kata dalam Dewan ini secara bertulis pada masa itu Yang Berhormat Padang Rengas memberitahu, oh, ini kerana tersalah letak. Pengundi ini sepatutnya pada tahun 2004 mengundi di kawasan Ipoh Timor selepas *redraw of the boundary* bagi kawasan, tetapi kami tidak buat. Jadi sekarang meletakkan semula di tempat yang sepatutnya berada.

Saya merasa seksyen 7(2) Akta Pilihan Raya, interpretasi yang salah bahawa SPR boleh berbuat demikian, boleh bila-bila sahaja sesuka hati memindahkan mereka sedemikian. Jadi, ini adalah tidak adil. Kalau ini salah, kena tunggu sehingga lapan tahun apabila ada *redraw of the boundary*, persempadanan semula baru boleh berpindah ke tempat yang betul jika benar ia telah tersalah letak.

Selain itu mengenai dengan undi pos di kawasan Ipoh Timor. Mengapakah dengan tiba-tiba telah bertambah seramai 3,208 orang? Sebelum ini undi pos bagi tahun 2004 hanya 1,103 orang tetapi sekarang telah menjadi 4,311 orang? Dalam jangka masa 2004 hingga sekarang ia telah bertambah 3,208 orang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa sedemikian? SPR mesti telus menjawab. Apabila kami menulis pegawai SPR peringkat negeri ada telefon dan SPR bertanya banyak soalan tetapi saya kata jawab surat bantahan yang saya kemukakan itu. Sehingga ini tidak ada surat jawapan.

Bukan sahaja itu, bagi suku tahun kedua dalam daftar pemilih pihak ADUN bagi Pasir Pinji telah membuat pemeriksaan. Juga dengan tiba-tiba ada pertambahan pengundi. Pindah,

masuk dan keluar, pergerakannya 3,024 orang. Mengapakah sedemikian bagi kawasan Ipoh Timor? Ini perlu ada satu penjelasan dari SPR. Janganlah hanya menggunakan seksyen 7(2) mengatakan bahawa, oh, kami tersalah letak.

Saya juga diberitahu bahawa suku tahun ketiga sekarang ini ada juga tambahan undi pos lebih kurang 2,000 bagi kawasan DUN Canning. Kalau hendak bertanding pilihan raya biarlah yang adil, *same level playing field*, bukannya sedemikian.

Saya mohon jawapan kepada perkara-perkara yang saya bangkitkan dan juga berkenaan dengan SPR yang melibatkan ahli keluarga saya. Tuan Yang di-Pertua, ini yang akhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pernah bangkitkan di Dewan ini bahawa dalam ahli keluarga saya ada tujuh orang pengundi tetapi sebelum ini enam daripada kami mengundi di kawasan Parlimen Gopeng. Adik saya pengundi baru bagi sesi ini, baru daftar tetapi bapa saya tiba-tiba sekarang ini apabila saya buat pemeriksaan telah dipindahkan ke Ipoh Timor. Saya telah dipindahkan ke Ipoh Timor. Adik saya seorang lagi dipindahkan ke Ipoh Timor. Dua lagi adik saya tinggal di Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ibu tinggal sebagai pengundi di Gopeng. Adik yang baru mendaftar ditetapkan di Gopeng. Kalau kata tersalah letak, ia sepatutnya masuk kawasan Ipoh Timor. Jadi, saya mohon jawapan kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

3.55 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008. Seperti yang kita sedia maklum kita sering memperkatakan tentang pertumbuhan ekonomi yang mapan dan berterusan pada 6.3%, 6.5% dan sebagainya. Kita telah berjaya sebahagian besarnya pada matlamat-matlamat yang ditentukan tetapi dunia hari ini begitu mencabar sekali dengan harga minyak yang naik melambung tinggi, dengan faktor-faktor globalisasi yang mungkin kita tidak fikirkan hinggalah pada hari ini ada juga pihak-pihak yang mengatakan tidak mungkin kita akan mencapai matlamat kita untuk berada pada 6.5% dalam bajet ini.

Ini bukanlah sebab saya hendak menguraikannya. Saya bukanlah seorang ahli ekonomi. Cuma saya tahu bahawa kalau kita ingin berjaya kita selalunya tidak boleh boros. Kita perlu berhati-hati, berdisiplin dan pengurusan kita baik, tetapi kebelakangan ini terlalu banyak yang saya dengar dan laporan-laporan, tindakan-tindakan Yang Berhormat Segambut dan juga parti-parti pembangkang mengenai projek-projek besar yang mengalami *cost overrun*. Itu tambahlah. Tambah lagi. Kalau *offshore vessel* tambah lagi RM3 bilion. Kalau projek yang disebutkan oleh

Yang Berhormat Segambut tadi iaitu Port Klang tambah lagi RM4 bilion dan saya tahu lagi projek-projek lain yang mengalami banyak *cost overrun*.

Ini selalunya timbul dan ada kaitannya dengan cara kita memberi projek iaitu *negotiated tender*. Jadi, ini lagi satu perkara yang menjadi amalan kita yang saya rasa menunjukkan kita begitu boros dan kita akan mengalami kerugian besar jika perkara ini berterusan. Kalau setiap kali duit rakyat rugi berbilion-bilion dalam projek-projek tertentu dan saya percaya sekejap lagi kita ada projek besar seperti membina istana kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Sudah tentunya kita perlu memberi yang setimpal dengan kedudukan Baginda, tetapi kalau kita buat *negotiated tender* bernilai RM1.2 bilion misalnya bukankah ini menunjukkan satu sikap boros yang merugikan negara dan merugikan rakyat?

Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah menjadi amalan kita sekarang ini proses *negotiated tender* ini mengenai projek-projek besar? Saya difahamkan ada pengumuman projek-projek kecil ini kena *open tender*. Itu saya fahamlah. Kalau begitu semua orang boleh buat. Yang menjadi penting, yang menjadi persoalan pokok ialah apakah kerajaan sanggup membuat kenyataan dan memastikan implementasinya bahawa kerana kita kerajaan yang telus kita hendaklah *open tender*. Banyak duit rakyat yang kita boleh selamatkan. Kita *open tender* terutamanya projek besar sama ada di Kelantan misalnya. Saya difahamkan banyak projek di negeri saya tetapi orang memberitahu saya ini semua *negotiate*. Jadi, rakyat akan rugi, kontraktor sahaja yang akan untung.

Perkara ini bukan perkara mainan. Ini perkara yang boleh membebankan negara. Pada suatu masa nanti kita akan menyesal membuat tindakan sedemikian. Jadi, apa salahnya dalam konteks kita hendak mengemukakan kepada rakyat dalam masa pilihan raya ini kita dalam kerajaan menunjukkan sikap baru.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat bangun.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Kenyataan Yang Berhormat Kota Bharu menyatakan bahawa wang awam, wang kerajaan boleh diselamatkan atau tidak dibazirkan kalau kita laksanakan pemberian kontrak atau kerja ini melalui tender terbuka, tidak melalui *negotiated tender* atau kontrak runding terus.

■1600

Jadi Yang Berhormat saya ingin mendapat penjelasan, kalau kontrak rundingan terus ini biasanya ia diperbincangkan di antara pencadang (kontraktor itu sendiri) dengan pegawai-pegawai kerajaan. Kalau dalam rundingan terus ini juga masih lagi mengalami kerugian, apakah pegawai itu sendiri tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan amanah? Sudah banyak, kalau ikut kenyataan Yang Berhormat tadi kontrak atau tender kerajaan yang kemudiannya menjadi *cost of run*, menjadi lebih tinggi lagi daripada sepatutnya mengikut harga

pasaran. Mengapa tidak ada tindakan disiplin misalnya kepada pegawai-pegawai yang tidak amanah ini? Ini boleh dijadikan pengajaran kepada pegawai-pegawai lain yang mungkin mempunyai niat atau hasrat untuk melakukan pecah amanah atau salah laku tugas? Jadi saya minta Yang Berhormat beri penjelasan perkara ini, kerana saya difahamkan bahawa *negotiated tender* ini bertujuan untuk mempercepatkan proses bagi melaksanakan kerja dan ada kalanya kerja-kerja tersebut merupakan kerja-kerja kecemasan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih saudara saya dari Hulu Langat. Memanglah benda-benda ini *negotiated*, tertutup. Banyak benda boleh berlaku dan kita tidak tahu. Jadi mungkin juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ada yang cuai, ada yang rasuah dan kadang-kadang kita tanya, mengapa sesuatu projek itu gagal misalnya saya pernah bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Kerja Raya, saya kata apa pasal banyak sangat projek-projek jalan, *highways*, dengan *by pass* ini semua ini rosak, masalah, dan kerugian besar kepada kerajaan. Saya masih ingat jawapan Menteri, dia kata itu bukan kerja dia, orang lain yang buat keputusan. Jadi inilah yang menjadi persoalannya kepada kita. Apakah sebenarnya kita tidak boleh melakukan, mengadakan satu model yang lebih terbuka supaya peluang untuk melaksanakan rasuah, peluang untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik ini dapat dikurangkan. Itu yang menjadi persoalan. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Berkaitan perkara yang sama berkenaan *negotiated tender*, saya tidak menyatakan bahawa setiap *negotiated tender* itu sepatutnya melebihi daripada anggaran atau pun kerajaan menjadikan ia *cost of run* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, kerana pada pandangan saya *negotiated tender* ini ialah untuk dibuat secara rundingan. Tentulah rundingan ini dibuat di peringkat komiti bukan oleh seorang atau pun *one man show*, dengan izin.

Saya percaya setiap rundingan dia ada komitinya, dan pihak kerajaan biasanya sebelum melaksanakan sesuatu projek telah membuat persediaan melalui QS dengan izin, ukur bahan menentukan anggaran kos projek yang sepatutnya. Jadi bermakna dari segi agensi kerajaan melaksanakan setiap projek sama ada *negotiated tender* atau pun tender, mereka sudah tahu jumlah peruntukan atau pun belanjawan yang diperlukan bagi sesuatu projek itu. Ini bermakna sudah ada satu garis panduan, jadi tidak mungkin setiap kali apabila disebut *negotiated tender*, ianya melebihi daripada kos yang sepatutnya. Jadi ini satu perkara yang amat pelik. Boleh Yang Berhormat Kota Bharu beri penjelasan sedikit. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya tidak mengatakan setiap kes *negotiated tender* menyebabkan *cost overrun*. Saya katakan kos-kos *overrun* yang besar-besar yang saya tahu, semuanya daripada *negotiate* kontrak-kontrak yang berasaskan *negotiated*

tender. Jadi dia ada *coordilesson* di antara *cost overrun* yang besar dengan *negotiate tender*. Itu yang jadi persoalan saya, tetapi tidak semua sudah tentu. Kadang-kadang komiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi melakukan dengan kerja dengan baik dan keputusan yang dibuat itu berasaskan kepada komiti. Namun apa yang menjadi kebimbangan saya ialah, mengapakah banyak sangat kes-kes yang disebut tadi, itu semuanya *direct*. Jadi apakah baik bagi kita teruskan secara lama, secara zaman dulu.

Tuan Yang di-Pertua, zaman dulu *open tender* ini biasalah. *Open tender* kerajaan. Itulah satu-satunya cara kerajaan melaksanakan kontrak. *Negotiated tender* ini ada satu *acceptation*, dengan izin, ia hanya kes-kes tertentu, yang ada kerumitan, yang ada *emergency* seperti kata Yang Berhormat tadi berlaku, tetapi adalah *acceptation*. Saya bimbang kalau hari ini ia telah terbalik, yang itu menjadi *the norm*, yang *open tender* menjadi *acceptation*.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan dengan jelas ialah mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebelum Yang Berhormat teruskan,...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Nanti, nanti. Saya banyak lagi. Nanti Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Membantu sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi peluang sedikit, Yang Berhormat bagi jalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat dengan *negotiate tender* tadi ini, misalnya dengan *free zone* di Port Klang, dia *negotiated tender* dari *Turnkey Project* pada Kuala Dimensi dan saya pun tidak nampak mengapa *Wet Land* itu begitu istimewa, sehingga kita mesti adakan *negotiated tender*. Saya pun tidak begitu faham. Yang kedua biasanya dia buat macam ini dia kata tidak boleh *enquirelah*, mengambil alih oleh kerajaan, tidak boleh, kerana ini hal *commercial*, bukan untuk kepentingan awam dan sebagainya. Kalau kita nak majukan Port Klang pun, itu bukan kepentingan awam. Saya pun tidak begitu faham, boleh Yang Berhormat terangkan, untuk membantu sedikit.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf, saya pun tidak begitu faham kes ini. Jadi saya tak mahulah buat cerita, saya pun tidak begitu faham, selain daripada apa yang saya baca melalui akhbar. Jadi saya rasa lebih baik PAC yang lebih mengetahui hal ini.

Saya ingin teruskan lagi Yang Berhormat, mengenai episod V.K. Lingam yang disebut-sebutkan mengenai mahkamah kita dan hakim-hakim kita. Saya difahamkan jawatankuasa panel, dia punya minggu depan dah habis tempoh dan dia perlu membuat sesuatu laporan. Jadi setakat ini saya difahamkan tidak ada apa-apa perkembangan, tidak ada apa-apa laporan, tidak ada mana-mana pihak yang telah memberi sumbangan atau pun memberi keterangan.

Ini tidak menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua kerana seperti mana yang kita tahu panel ini tidak mempunyai kuasa. Panel yang tidak ditubuhkan untuk mencari kebenaran, tetapi panel yang ditubuhkan semata-mata untuk mengesahkan sesuatu perkara yang kerajaan berkehendakkan, pada pendapat saya. Saya hairan apa salahnya kita buat satu penyiasatan mengikut apa-apa akta tertentu. Apa salahnya kita adakah *Royal Commission* dalam perkara ini. Ini satu tuduhan yang serius bukan tuduhan baru, tuduhan yang telah berlaku dari tahun 90-an, mengenai peguam ini dengan masa itu Ketua Hakim Negara semasa itu, dan sekarang dengan Ketua Hakim masa ini dan tidak ada langsung usaha dari kerajaan pada saya untuk sebenar-benar menyiasat perkara ini.

Ini menjadi satu perkara yang aneh pada saya. Jadi saya rasa, saya juga diberitahu, semasa perkara ini timbul, saya difahamkan Perdana Menteri sebenarnya mahukan *Royal Commission* dalam hal ini. Namun ada pihak yang tidak mahu *Royal Commission*. Jadi saya ingin tahu, apakah sebenarnya tujuan kerajaan menubuhkan jawatankuasa panel? Saya juga diberitahu dan sumber saya ini tidak payah tanyalah, nanti jadi kes Anwar Ibrahim pula, kalau tidak bagi tahu sumber dia nak *charge* - Anwar Ibrahim. Saya juga diberitahu bahawa tidak diterima kerajaan, tidak mengambil nasihat tertentu dari segi undang-undang sebelum menubuhkan jawatankuasa ini. Ini adalah maklumat yang saya ada. Saya harap agar diperjelaskan, apakah rasional sebenarnya menubuhkan satu jawatankuasa yang tidak ada kuasa? *What is the logic?* Kita berdepan dengan rakyat tidak lama lagi, Pilihan Raya.

■1610

Kita tak perlu buat semua ini. Kita tubuhkan pilihan raya *world commission*, apakah itu yang perlu kita laksanakan? Selalunya, masalah kita berdepan dengan pilihan raya khususnya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Pantai Timur, di Kelantan. Bukannya kawasan isu-isu tempatan, selalunya isu Kuala Lumpur yang menjadi utama. Tahun 1999 pun sama, tahun 1990 sama juga. Jadi kita seolah-olah di Kuala Lumpur tidak mempedulikan kesan ini.

Walaupun kita mengumumkan ataupun akan mengumumkan *eastern corridor*, tetapi ini hanya akan berlaku jika kita menang. Jika kita fikirkan kesan politik tindakan kita dan kita harus mencari usaha untuk menubuhkan kerajaan kita. Barulah matlamat koridor-koridor ini akan berjaya. Jadi pada saya dengan penubuhan *royal commission* akan memberi undi kepada kita. Apa salahnya kita lakukan? Kita tidak menjejaskan sesiapa kecuali orang yang bersalah, inilah sesuatu perkara yang saya hairan.

Pada minggu lepas Tuan Yang di-Pertua, saya hairan *Utusan Malaysia* buat *headline front page*, "Siasatan kepada Anwar Ibrahim hampir selesai". Seolah-olah Anwar Ibrahim yang salah dalam perkara ini Yang Berhormat. Dia memberitahu dia kata, "Ini ada *tape* yang tertentu". Sudahlah, kita siasatlah. *We should not punish* orang yang beritahu maklumat walaupun mungkin maklumat itu tidak betul, kita siasat dan bila dia tidak betul kita beritahu dia kemudian. Jangan guna benda-benda ini sebagai pengaruh politik. Bagi kita siasat dahulu. Saya hairan

mengapa perkara ini di pusing begitu, seolah-olah orang yang memberitahu maklumat mengenai badan kehakiman kita *parting spite* menjadi orang salah. Mengapa?

Anuar Ibrahim, selalu saya dengar, kawan-kawan saya kata, "*He is not a affecter*". Dia bukan bimbang sangat dalam politik. Saya pun setuju *his not a affecter*. Jadi kalau *not a affecter* apa sangat kita hendak *do all this*. Kita tidak harus *harass him*, dengan izin. Kita siasat kerana badan kehakiman kita adalah satu keadaan yang tenat. Ini bukan pendapat saya, ini pendapat peguam-peguam, ini pendapat menteri semalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat. Peguam juga.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Dalam membicarakan hal penubuhan panel khas penyiasat kebenaran, VCD berkenaan dengan Yang Berhormat. Penubuhan panel yang dikatakan tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang, tidak mempunyai undang-undang tubuh, tidak mempunyai garis panduan. Garis panduan mungkin ada, tetapi dalam bentuk eksekutif yang terlalu longgar. Kita sudah mempunyai beberapa akta yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini bagi tujuan penyiasatan. Kalau kita tidak mahu mengikut lunas-lunas *royal commission*, kenapa kita tidak boleh gunakan kanun acara jenayah atau kanun keseksaan atau undang-undang fitnah dan sebagainya.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, yang juga sebagai pengamal undang-undang. Tak tahulah jika Yang Berhormat mengamalkan undang-undang jenayah atau sekadar buat *term key agreement* dan sebagainya. Apa yang penting di sini Yang Berhormat, soalan saya ialah, apakah kesan undang-undang daripada laporan yang dibuat oleh panel ini? Adakah laporan ini, kemudiannya boleh dianggap sebagai *judicial notice*?

Satu keputusan undang-undang yang boleh mengikat mana-mana badan pula yang akan memegang pendapat ataupun laporan yang dibuat oleh panel ini dan akhirnya kita buat kerja sia-sia. Ada yang mahu datang beri keterangan, ada yang tak mahu datang beri keterangan dan pagi ini saya dapat maklumat bahawa ACA dan pencegah rasuah yang sepatutnya buat *appointment* dengan Dato' Seri Anuar tapi katanya batal *appointment* itu. Tidak perlu Dato' Seri Anuar serahkan maklumat yang dikatakan maklumat yang *original* ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih sahabat saya dari Hulu Langat. Saya bukan sahaja peguam buat *agreement, forensic* ya. [*Ketawa*]. Tapi saya tidaklah pakar dalam semua bidang, tetapi saya rasa saya juga bercakap mengenai perkara panel jawatankuasa ini berasaskan undang-undang yang ada. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah panel tiga orang ini bergantung kepada ihsan sesiapa hendak beri maklumat. Ia tidak ada kuasa untuk memaksa. Ia tidak ada kuasa untuk mengatakan kalau kamu bercakap bohong, *commit judiciary* masuk mahkamah, dia tidak ada kuasa. Kalau orang datang dengan maklumat yang

tidak betul pun, dia tidak ada kuasa untuk menyiasat dengan lebih lanjut. Kuasa sesuatu perkara itu Tuan Yang di-Pertua, datang daripada enakmen yang ditubuhkan di bawah satu akta. Itu kuasa dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Dia tidak boleh bertindak sebagai *executive fiat*. Misalnya Perdana Menteri boleh lantik tetapi itu bagi pihak dari segi pengurusan pentadbiran kerajaan, tetapi untuk sesuatu badan itu ada kuasa tersendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, sahabat saya Kota Bharu. Saya hendak tanya dari segi keyakinan Yang Berhormat kepada Badan Pencegah Rasuah. Kalau kita lihat kes mengenai hakim ini, sekarang sedang dan masih dalam tindakan daripada Badan Pencegah Rasuah. Mungkin pihak Yang Berhormat merasakan bahawa tiga panel yang dilantik tidak mempunyai kuasa dan memerlukan panel ataupun jawatankuasa yang lain Diraja dan sebagainya. Namun, BPR telah pun menjalankan tugasnya dan memanggil hakim yang terlibat, memanggil pihak-pihak yang dikaitkan dengan isu yang dibangkitkan. Jadi adakah pihak Yang Berhormat merasakan bahawa BPR tidak boleh dipercayai untuk menangani kes ini?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Oh, tidak. Saya sebenarnya terkejut juga Tuan Yang di-Pertua, mengapa satu panel bukan Jawatankuasa, *Commission* Diraja tetapi panel biasa. Mengapa perlu ada ditubuhkan. Saya seolah-olah merasakan kerajaan yang tiada keyakinan kepada BPR. Saya seolah-olah merasakan kerajaan ataupun orang-orang tertentu tidak ada kepercayaan kepada polis. Ini kerana keputusan hari itu sepatutnya kita serah sahaja kepada polis. Apa perlu panel.

Jadi bukan saya yang tidak percaya Yang Berhormat Bera. Orang tertentu dan kerajaan tak percaya kepada polis dan BPR. Jadi kalau mereka percaya, tidak perlu lantik panel ini. Saya boleh, *I can go along with that*, tetapi jangan buat sesuatu kata orang putih kata "*neither here nor there*". Kalau hendak buat *royal commission*, buat *royal commission*. Jikalau kita percaya kepada polis dan BPR dan saya percaya, serah sahaja kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ini juga pilihan raya punya masa, jadi saya menekankan perkara-perkara ini demi memastikan Barisan Nasional menang dengan lebih cemerlang dan gemilang. Jadi kita tak perlu perkara-perkara yang *irrelevant*, perkara-perkara yang *neither here nor there* ini, kita jangan timbulkan. Perkara-perkara yang boleh kesian kepada orang-orang tertentu ini kita timbulkan. Kita perlu lebih profesional masa ini, supaya rakyat tidak boleh menuduh kita bila kita berdepan dengan mereka. Itu maksud saya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan oleh kerajaan sama ada Barisan Nasional ataupun PAS dalam konteks Kelantan. Ada orang PAS belakang saya, saya percaya setiap pilihan raya mereka berebut-rebut hendak jadi kerajaan. Sekarang ini kita macam 50-50 kata orang, dekat-dekat, dan saya percaya pilihan raya akan datang pun mungkin lebih

kurang begitulah. Mungkin Barisan menang tapi tak banyaklah kot. Menang tapi tak banyak. Persoalan yang perlu difikirkan ialah dalam konteks siapa menang siapa kalah.

■1620

Perhitungan harus juga diberi kepada aspek-aspek kerjasama kerana banyak perkara untuk kita ubah seperti soal-soal yang sensitif, soal-soal tanah, soal-soal ekonomi *reform* dalam negeri kita sendiri dan soal-soal pelajaran memerlukan kedua-dua pihak jangan terlalu banyak politik. Perkara ini penting Tuan Yang di Pertua kerana kadang-kadang sia-sia kita habiskan sesuatu perkara itu tetapi orang yang berkuasa dan orang yang mengambil kesempatan sebenarnya, orang lain. Jadi badan-badan politik seperti PAS dan UMNO harus memikirkan siapa sahaja pemenang harus memikirkan mesti ada tempat-tempat tertentu yang perlu mereka kerjasama supaya program-program pembaharuan untuk rakyat dapat dilaksanakan.

Jadi inilah sahaja cara bajet ini dan bajet tahun hadapan dan seterusnya boleh berjaya. Sekian terima kasih.

4.22 ptg.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Bagi Tahun 2008. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah pada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana selaku Menteri Kewangan telah pun merangka satu bentuk perbelanjaan berhemah dan mempunyai asas-asas bagi tujuan mencapai pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di Pertua, akhir-akhir ini atau tahun ini secara keseluruhannya kita agak sunyi daripada membicarakan masalah jerebu atau *haze* kerana nampaknya hingga ke bulan sepuluh tahun 2007 kita telah tidak mengalami masalah jerebu yang berpunca daripada dari negara jiran kita Indonesia. Alam sekitar dan pencemaran tanpa kawalan lagi. Ini adalah kenyataan yang kerap kedengaran sebelum tahun 2007 dan ada kalanya kenyataan-kenyataan ini dikatakan satu kenyataan yang basi yang cukup tidak menarik minat kerana saban tahun ianya berulang dan akhirnya kita tidak mempunyai sebarang tindakan.

Lewat tahun 90-an negara-negara Asian telah mengalami banyak bencana alam, malapetaka yang mana ia bersangkut paut dengan alam sekitar terutama sekali berkenaan kebakaran yang terjadi di Indonesia pada tahun 1996, 1997 dan seterusnya. Merujuk kepada laporan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), jumlah kos kewangan yang melibatkan kerugian untuk kawasan negara ASEAN mencecah angka yang cukup membimbangkan iaitu USD1.3 bilion dengan Malaysia mengalami kerugian yang sangat banyak di anggarkan lebih kurang USD300 juta, Singapura USD60 juta, Indonesia USD90 juta. Ini telah menyebabkan kerugian kepada sektor pelancongan yang sekali gus menjejaskan sektor ekonomi lain bagi negara Malaysia khususnya dan negara-negara ASEAN amnya.

Disebabkan masalah ini Indeks Pencemaran Udara (atau API) juga telah mencecah kepada angka yang cukup tinggi iaitu 600 dan setengah-setengah kawasan di Malaysia terutamanya sekali di sebelah Borneo mencapai angka kepada 839. Akan tetapi Tuan Yang di Pertua ramai pihak pula yang menuding jari menuduh kesalahan ini dibebankan kepada negara Indonesia kerana gagal untuk mengawasi malah mungkin ada kalanya menggalakkan pembersihan hutan secara terbuka.

Tuan Yang di Pertua terdapat tiga bidang kuasa undang-undang yang boleh dilihat sebagai satu kaedah bagi menghalang masalah ini daripada berulang. Kuasa undang-undang yang pertama ialah undang-undang di negara Indonesia itu sendiri, yang kedua kuasa undang-undang di negara-negara ASEAN dan yang ketiga kuasa undang-undang antarabangsa.

Di negara Indonesia Tuan Yang di Pertua, kesungguhan negara ini memerangi masalah jerebu haruslah di hormati. Selepas kebakaran 1997, kerajaan Indonesia telah mengambil beberapa tindakan untuk menghalang berlakunya kebakaran hutan yang mengakibatkan negara jiran mereka Malaysia, Brunei dan Singapura mengalami kesan buruk daripada perbuatan mereka itu. Menurut artikel 49 Akta Perhutanan Indonesia, pemegang hak dan lesen yang bertanggungjawab terhadap kebakaran hutan boleh diambil tindakan. Ini pula selari dengan undang-undang kerajaan Indonesia nombor 4/2001 yang mencegah kemusnahan alam sekitar daripada kebakaran hutan yang termaktub di bawah artikel 11 yang mana mereka atau sesiapa sahaja yang dengan sengaja menjadi penyebab kebakaran boleh diambil tindakan sehinggalah mereka boleh dituduh di bawah undang-undang jenayah peraturan-peraturan Indonesia.

Malangnya Tuan Yang di Pertua terdapat beberapa masalah yang berlaku di Indonesia itu sendiri. Masalah yang pertama ialah rekod pendakwaan yang cukup lemah. Mereka tidak berjaya mendakwa pesalah-pesalah ini. Pada tahun 1997 misalnya, hanya lima buah syarikat daripada 176 syarikat perkayuan yang di kesan melakukan pembakaran terbuka didakwa di mahkamah dan daripada lima ini hanya satu didapati bersalah. Selain daripada itu terdapat juga kes-kes yang melibatkan NGOs di utara Sumatera yang mana mereka menentang usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Pada tahun yang sama sebanyak 200 syarikat dikesan melakukan kesalahan yang sama tetapi hanya sembilan yang didakwa dan satu juga berjaya dalam pendakwaan tersebut. Dendanya juga sangat murah, sangat ringan dan hukuman pemenjaraan hanya dikenakan kepada pekerja bukannya kepada pihak pengurusan atau tuan punya syarikat.

Masalah kedua berkenaan pelaksanaan undang-undang di Indonesia juga ialah berkenaan dengan masalah hubungan di antara pusat negeri dan wilayah yang mempunyai masalah melaksanakan tugas atau perwakilan kuasa dan undang-undang. Tuan Yang di Pertua, undang-undang yang berikut ialah undang-undang atau peraturan yang dilahirkan oleh kumpulan negara-negara ASEAN ini. Negara-negara ASEAN ini telah menandatangani perjanjian yang berhubung kait dengan pembakaran hutan. Perjanjian yang dipanggil Perjanjian Negara-negara ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan pada tahun 2002 telah

dikuatkuasakan pada tahun 2003 tetapi Tuan Yang di Pertua, terdapat beberapa keraguan akibat daripada kesungguhan sepuluh negara ASEAN ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Apa yang diusulkan dalam perjanjian itu menghendaki tindakan keinstitutional dilaksanakan dalam negara masing-masing tetapi tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Terdapat juga undang-undang antarabangsa yang menghendaki negara-negara tertentu mengambil tindakan. Misalnya pengisytiharan Prinsip 21 Stockholms, Prinsip-prinsip 4 Rio, *The Corfu Channel case* dan berbagai-bagai lagi undang-undang atau peraturan atau perjanjian bagi mengelakkan masalah jerebu daripada berulang.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, tiga lunas undang-undang ini telah saya perkatikan dan ketiganya gagal daripada dilaksanakan dengan berkesan dan masalah jerebu akan terus berulang. Alhamdulillah, tahun 2007 nampaknya kita bernafas dalam udara yang bersih. Siapa tahu, tahun 2008 bukan sahaja nanti kita akan bernafas dalam jerebu yang teruk tetapi mungkin ada satu lagu yang menyatakan bahawa "kita bernafas dalam lumpur".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan oleh kerana terdapat prinsip tidak campur tangan di antara negara-negara dalam Asean, prinsip menghormati integriti dan kedaulatan negara jiran kita pertahankan. Indonesia tidak boleh dipaksa untuk menyerahkan draf undang-undang domestik mereka untuk digubal atau dipinda atau diperbaiki oleh negara-negara Asean. Jika dilihat meletakkan kesalahan itu di bahu Indonesia semata-mata, bukanlah satu perkara yang bijak. Isu sensitif menjaga alam sekitar Indonesia adalah tanggung jawab mereka sendiri, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat bahawa sebahagian besar daripada syarikat-syarikat perkayuan, syarikat-syarikat perladangan yang membuka hutan yang luas di Indonesia ini adalah syarikat-syarikat daripada negara kita sendiri, daripada negara Malaysia. Ini kerana kebanyakan syarikat-syarikat di sektor perladangan dan pembalakan di negara ini sudah kekurangan tanah untuk dibuka di negara ini. Mereka menyeberang ke negara jiran bagi mendapatkan tanah yang lebih luas.

Bagi Kerajaan Malaysia, tindakan yang diambil kepada syarikat yang melakukan kesalahan di luar negara adalah satu tindakan yang saya rasa bijak. Kalau peraturan ini boleh dipanjangkan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan di luar negara, ianya adalah satu perkara yang boleh dianggap membantu Indonesia dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Idea untuk memperluaskan bidang kuasa undang-undang melampaui batasan, bukanlah satu perkara yang baru. Sebagai contoh, Amerika Syarikat melalui *American Alliance Ops Statute* dengan izin, telah memperluaskan bidang kuasa *tort* nya ke negara luar iaitu warga Amerika yang melakukan kesalahan *tort* di luar daripada bidang sempadan mereka boleh diambil tindakan tanpa memberi perbezaan atau diskriminasi antara rakyat tempatan dengan rakyat daripada negara lain.

Satu contoh lain, iaitu hubungan undang-undang yang melepasi batas sempadan kerana melibatkan perkara jenayah seperti yang dinyatakan di bawah Bahagian 3, Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya kalaulah seksyen 29(a) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, bidang kuasa ini boleh dilebarkan iaitu melibatkan warga negara Malaysia, syarikat-syarikat yang berdaftar di negara kita yang melakukan kesalahan pembakaran hutan terbuka di negara jiran, kita mengambil tindakan terhadap mereka. Ianya bukan sahaja boleh meringankan beban pendakwaan atau kuat kuasa undang-undang terhadap rakyat kita yang melakukan kesalahan di luar negara yang akhirnya memberi impak negatif kepada alam sekitar negara kita boleh membantu Kerajaan Indonesia. Seksyen 29(a) mengenakan denda yang cukup tinggi iaitu RM500,000 atau boleh juga dipenjarakan selama lima tahun.

Jika ini dapat dilaksanakan, bagi memperluaskan kuat kuasa seksyen 29(a) yakni melepasi batas sempadan, *territorial* negara, saya rasa ramailah warga negara kita, syarikat-syarikat perladangan kita yang berada di negara Indonesia yang mencemarkan, melakukan salah laku di negara tersebut boleh diambil tindakan dan akhirnya nanti ianya boleh dijadikan satu contoh kepada rakan-rakan lain yang ingin melakukan perbuatan yang terkutuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kementerian yang berkenaan untuk meneliti sama ada ini adalah satu peraturan yang baik untuk dikuatkuasakan. Bagaimanapun, hasil daripada usul ini tidak akan dapat dilaksanakan jika kita tidak mempunyai kekuatan politik. Sudah tentu Kerajaan Indonesia akan sedia memberi kerjasama sekurang-kurangnya mereka akan berjaya menyelesaikan masalah pembakaran terbuka hutan dan akibatnya mereka akan terlepas daripada cemuan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan ini ialah berkenaan dengan cadangan pembinaan tol di persimpangan masuk Bandar Mahkota Cheras. Isu ini telah saya bangkitkan berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya sangat berterima kasih dengan kerajaan kerana sedar bahawa laluan Cheras ke Kajang adalah satu laluan yang cukup sibuk pada awal-awal 80-an hingga awal 90-an, sehinggakan kerajaan berusaha untuk membina Lebuh Raya Kuala Lumpur-Kajang yang dikendalikan oleh Grand Saga.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 2000, sebuah syarikat pemaju perumahan telah membina jalan keluar daripada lebuh raya ini bagi tujuan untuk memberi perkhidmatan kepada lebih 5,000 penduduk-penduduk Bandar Mahkota Cheras, Sungai Long dan Taman Rakan. Malangnya, terdapat perbalahan di antara pemilik konsesi lebuh raya ini dengan pemaju. Kemudiannya, dengan secara arbitrari, pemilik konsesi lebuh raya ini telah menutup laluan tersebut dengan alasan berlaku kebocoran kepada lalu lintas yang melalui tol plaza mereka.

Pada sesi yang lepas, Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal lebuh raya, telah membuat keputusan supaya sebuah tol didirikan untuk menyelesaikan masalah kebocoran

ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa tol yang dicadangkan itu, pada pendapat saya tidak logik, tidak munasabah untuk didirikan kerana ianya akan menyebabkan:-

- (i) orang-orang dalam kawasan saya yang tidak pun menggunakan seinci pun lebuhraya, terpaksa membayar tol. Walaupun berapa jumlahnya, biarkan 10 sen, biarkan 20 sen, tetapi mereka tidak sepatutnya dikenakan tol;
- (ii) saya ingin mendapat penjelasan adakah jalan yang dibina oleh pemaju perumahan yang bukan termasuk di bawah konsesi lebuhraya, layak dikenakan tol kerana jalan itu bukannya dibina oleh pengusaha lebuhraya itu sendiri;

■ 1640

Saya ingin mengingatkan, kalau saya lupa, kalau saya salah, tolong betulkan. Saya masih ingat ketika beberapa penentangan dibuat terhadap usaha kerajaan untuk membina Lebuhraya Utara-Selatan pada hujung 70-an. Janjinya ialah setiap lebuhraya yang dibina akan kekal, jalan sampingan mesti disediakan. Sesiapa pengguna jalan raya yang tidak mahu, tidak ingin membayar tol, tidak mahu menggunakan lebuhraya kerana ingin menyelamatkan bayaran tol boleh menggunakan jalan pilihan dan kerajaan berjanji akan menyelenggarakan jalan-jalan ini walaupun seribu tahun lagi. Saya masih ingat janji tersebut tetapi dalam hal Lebuhraya Grand Saga atau Kuala Lumpur-Kajang ini, lebuhraya yang dibina diletakkan di atas jalan lama sedia ada.

Kalau itulah yang terjadi makna jalan pilihan semua sekali pengguna jalan yang lama itu terpaksa menggunakan jalan yang baru dan tidak boleh mengelakkan diri daripada membayar tol. Saya minta kementerian yang berkaitan untuk mengambil kira janji ini, kementerian yang berkenaan mengambil kira orang yang tidak mahu bayar tol dipaksa membayar tol. Perkara ini telah menjadi isu politik. Dalam suasana menghampiri tempoh pilihan raya yang akan datang saya bimbang perkara ini akan menjadi satu isu yang cukup besar dan ianya akan menjejaskan dan sudah tentu mengurangkan pendapatan atau perbelanjaan rakyat dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dua akta yang cukup membimbangkan saya. Akta yang pertama ialah Akta Pengambilan Tanah, yang kedua ialah Akta Bekalan Elektrik. Dua akta yang digunakan bagi tujuan tertentu. Akta Pengambilan Tanah ialah satu akta yang digunakan oleh kerajaan negeri biasanya bagi mengambil balik tanah individu digunakan untuk tujuan kegunaan umum dan Akta Bekalan Elektrik yang sudah begitu lama digunakan oleh Lembaga Elektrik Negara (NEB) zaman dahulu dan sekarang digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad untuk mendapat hak laluan.

Dalam dua-dua akta ini, Akta Pengambilan Balik Tanah mengambil semua hak termasuklah pemilikan tuan punya dan keseluruhan tanah itu dan pampasan dibayar mengikut harga pasaran tetapi jika pengambilan tanah dibuat melalui Akta Bekalan Elektrik, tanah itu masih kekal di bawah atau masih kekal atas nama tuan punya. Mereka hanya dibayar pampasan

terhadap pokok yang ditebang, terhadap rumah yang terpaksa dirobuhkan tetapi tanah itu masih lagi menjadi milik tuan punya. Pampasan yang dibayar biasanya tidak sampai pun 20% daripada pampasan yang dibayar di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sering digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad untuk membuat rintis laluan kabel mereka dan ini menyebabkan bahawa sebahagian daripada tanah-tanah orang kampung terutamanya tanah-tanah rizab Melayu diambil bukan diambil secara kerusuhan, diambil hak gunanya kerana apabila tanah ini digunakan untuk tujuan laluan bekalan elektrik, tanah ini tidak boleh lagi diusahakan, tidak boleh dibina bangunan, tidak boleh menanam pokok yang tinggi melebihi daripada 10 kaki. Boleh tanam pokok pisang, boleh tanam pokok sayur, boleh buat kolam ikan, yang lain semua tidak boleh. Tidak boleh lagi tanam pokok getah, tidak boleh lagi tanam pokok durian, tidak boleh lagi tanam pokok kelapa sawit dan itulah punca pendapatan orang-orang kampung tersebut bagi mendapat pendapatan bulanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dulu Akta Bekalan Elektrik ini digunakan oleh National Electricity Board - Lembaga Letrik Negara (LLN), saya faham kerana ianya adalah badan penuh kerajaan yang memberi perkhidmatan pembekalan elektrik tetapi sekarang Tenaga Nasional Berhad, walaupun mereka katanya mengalami kerugian dalam perniagaan mereka tetapi sepatutnya akta sebegini, keistimewaan sebegini, hak sebegini sepatutnya tidak boleh lagi diberikan kepada mereka. Akibatnya lebih ramai lagi orang-orang kampung yang tanah mereka dilalui oleh *high tension cable* ini mengalami kerugian hingga sebahagiannya hilang langsung mata pencarian terutama sekali dalam tanaman getah dan kelapa sawit yang sedang meningkat harganya ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyarankan kementerian yang berkenaan bagi meneliti secara jelas, meneliti secara betul bahawa penggunaan tanah orang kampung bagi tujuan saluran bekalan elektrik ini mesti dikaji balik sama ada terus mengambil tanah tersebut secara yang ditetapkan oleh Akta Pengambilan Tanah yang diperuntukkan juga kuasanya di bawah Perlembagaan Persekutuan atau sama sekali membayar pampasan secara terus tanpa hanya mendapat laluan di atas tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja tiga isu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 kali ini dan saya mengucapkan terima kasih di atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin menyokong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, Kepong hendak tanya atau hendak cakap?

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Dia hendak balik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak balik? Saya ingat Kepong hendak minta penjelasan. Baiklah, Batu Kawan.

4.47 ptg.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan satu bajet yang begitu mesra rakyat serta komprehensif. Selain daripada itu ia turut mempunyai kaedah-kaedah, insentif tertentu kepada semua lapisan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dan kesuntukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, bajet tahun 2008 telah memberi tumpuan kepada tiga strategi utama iaitu strategi pertama mempertingkatkan daya saing negara, yang kedua iaitu memperkasakan pembangunan modal insan dan yang ketiga iaitu menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama telah menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara dan akan melangkah ke fasa 50 tahun kedua sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Bagi saya, saya mendapati bajet bagi tahun 2008 adalah satu bajet yang merangkumi semua aspek dan kita harus memberi sokongan yang sepenuhnya pada pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas, ibu bapa dari seluruh pelosok negara telah menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memansuhkan yuran peperiksaan untuk murid-murid sekolah dan kini dalam bajet tahun 2008, pemberian buku percuma kepada murid-murid sekolah. Ini memang dapat mengurangkan beban rakyat khususnya kepada keluarga yang mempunyai ramai anak di sekolah. Ini telah menunjukkan keprihatinan dan ambil berat terhadap masalah yang dihadapi rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah jenis kebangsaan Cina dikehendaki membeli buku-buku teks Mandarin dalam aliran sains dan juga matematik. Walaupun ia diumumkan bahawa semua buku teks adalah percuma melalui tahun depan. Saya pohonlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Pelajaran untuk lihat balik perkara ini mungkin dah *missed*.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Ketua Audit Negara memang terdapat banyak pembaziran dan penyelewengan oleh sesetengah pihak. Walau bagaimanapun saya ingin memuji kerajaan kerana kesanggupan mendedahkan kesemua penyelewengan atau kesalahan pengurusan kewangan. Ini telah menunjukkan bahawa kerajaan memandang serius dan mengambil satu langkah yang cukup positif. Dalam pada itu saya juga turut ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada BPR iaitu Badan Pencegah Rasuah kerana telah membuat beberapa tangkapan berhubung dengan kes-kes penyelewengan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam dunia yang bergerak cepat, berubah pada setiap masa dan sentiasa bersaing antara satu sama lain. Negara India, China dan Thailand telah mula

meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam beberapa tahun ini. Namun dalam negara kita, kita masih menerima banyak aduan dan menyatakan terdapat pelbagai birokrasi bila peniaga-peniaga ingin melabur dalam negara kita. Dan selalunya bila dicari pegawai itu tiada di pejabat, nak jumpa pegawai pun susah, dan memang menghadapi pelbagai masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil satu contoh. Baru-baru ini saya ada ke Vietnam cari *business*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cari apa?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Cari *business*. Cari makan, cari *business*. Saya lihat mentaliti kerja pegawai-pegawai kerajaan di sana adalah berlainan dengan kita walaupun mereka berfahaman komunis. Bagi mereka bila mereka dapat tahu bahawa ada pelabur yang ingin datang melabur di Vietnam, mereka akan membuat segala persiapan untuk perjumpaan dengan peniaga-peniaga tersebut. Dan dalam perjumpaan tersebut, semua pegawai yang terlibat, mereka semua hadir, saya pun ada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, rombongan saya telah berjumpa dengan Mayor of Ho Chi Minh City

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat ketua satu rombonganlah?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Kita tiga empat orang pergi, kira satu rombonganlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rombongan kecilah.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Kita dah jumpa Mayor of Ho Chi Minh City sebanyak dua kali walaupun beliau amat sibuk dengan tugas harian beliau. Kali pertama di pejabat beliau di mana semua pegawai hadir. Dan kali yang kedua, kita jumpa pada pukul 6.00 pagi, iaitu masa makan sarapan pagi, *breakfast, we have breakfast and meeting together, 6 a.m. in the morning* di Ho Chi Minh.

Dan Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *I think in our country, I don't think that will happen, I think in our country. I think our country, certain government officers they are too complacent*, dengan izin. Sampai sahaja masa 4.30 petang, saya rasa sebahagian besar daripada mereka sudah berada di padang golf, pegawai tinggilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak adalah, ada juga pegawai kerja pada hari Ahad juga.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Pegawai tinggi, yang berpangkat tinggilah. Yang I sebut ini pegawai kerajaan yang berpangkat tinggi.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pontian sama Parit, tidak tahu sama ada nak sokong atau nak minta penjelasan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Boleh, boleh, tidak ada masalah. Yang mana-mana satu dulu, tidak ada masalah.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Batu Kawan di atas usaha untuk melabur ke luar negara, ini satu perkara yang digalakkan di dalam pembentangan Belanjawan baru-baru ini. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat rasa begitu terharu kalau boleh saya katakan di atas sambutan yang diberikan Mayor Ho Chi Minh City yang begitu sibuk dapat menerima tetamu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tetapi dia tak sebut sama ada pada akhirnya *business* itu jadi atau tidak, itu dia tidak cakap.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, agaknya dia hendak cakap sikit lagi. Selalu memang begitu Tuan Yang di-Pertua, keuntungan orang jarang cerita.

Yang Berhormat, adakah usaha-usaha Yang Berhormat apabila sampai ke negara luar, peranan kedutaan kita, pejabat kedutaan kita ataupun MATRADE yang berada di negara-negara berkenaan membantu untuk membolehkan Yang Berhormat mendapatkan temu janji ataupun mengatur segala sebegitu ramai sekali orang yang menyambut ketibaan Yang Berhormat. Jadi adakah kerjasama Yang Berhormat dapat daripada wakil-wakil kerajaan kita yang berada di negara-negara berkenaan. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ke sana tidak melalui MATRADE ataupun kedutaan kerana ini *it's a private business trip*. Ia diatur melalui kawan-kawan di Vietnam tapi walau bagaimanapun saya nak katakan, pegawai-pegawai kerajaan di sana memang cukup *business friendly* lah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit.

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Terima kasih kerana beliau kerana telah menceritakan sesuatu yang sangat baik yang kita boleh jadikan contoh bukan sahaja kepada pegawai-pegawai kerajaan tetapi kepada semua orang di Malaysia yang berhasrat untuk meningkatkan keupayaan kita, nak meningkatkan daya saing kita. Kerana tadi Yang Berhormat cerita di Vietnam, di Vietnam ini satu ketika dulu memang dia jauh tertinggal daripada kita. Dia berperang kemudian lepas perang dia bangun dan membina kekuatan yang baru, sehingga hari ini dikatakan Vietnam ini sebagai pencabar kita selain daripada Thailand dan negeri lain.

Jadi Yang Berhormat, itu tertarik saya kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang sikap pegawai di sana tetapi seperti kita sedia maklum, kalau kita bandingkan pentadbiran awam kita di Vietnam, kita selalu dipuji oleh negara-negara lain, negara membangun yang lain bahawa kita ini telah maju, kita telah jauh ke depan, kita lebih efisien, lebih cekap dan

sebagainya, tetapi dalam pada itu jika dibandingkan dengan pengalaman di Vietnam tadi, nampak kita seolah-olah ke belakang. Dan berbalik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, di Vietnam itu seolah-olah ada satu badan yang menyelaras semuanya supaya dipermudahkan urusan perniagaan itu.

Tapi Yang Berhormat kalau tidak silap sayalah, beberapa tahun yang lalu, telah digalakkan di semua agensi yang terlibat dalam pengurusan perniagaan ini, ditubuhkan *one stop agency*, dengan izin. Jadi kalau dilaksanakan matlamat penubuhan *one stop agency* ini, segala-galanya dapat diselesaikan dalam masa yang cepat dan boleh membantu pihak-pihak yang berkenaan. Jadi apa yang dah jadi dengan *one stop agency* ini Yang Berhormat? Dan bagaimana pula tindakan Ketua Setiausaha Negara yang pada awal tahun ini menubuhkan PEMUDAH yang saya nampak memang ada kesannya. Di mana untuk penubuhan perniagaan, dibuat dalam masa sehari, pembaharuan pasport misalnya dulu empat lima hari, sekarang satu hari.

Jadi tidakkah kita yakin bahawa PEMUDAH ini dapat membantu urusan pelabur, pemaju dan sebagainya seperti yang kita harapkan. Bagaimana Yang Berhormat? Terima kasih.

■1700

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang di negara kita buat masa ini terdapat banyak yang baik dan kalau yang tidak betul kita cuma perbetulkan, seperti mana Yang Berhormat tadi kata berhubung dengan pasport ini saya cukup puas hati. Bila saya pergi memperbaharui pasport saya, tak sampai satu hari pasport sudah siap. Itu bukan kerana saya Ahli Parlimen. Memang cukup efisien. Berhubung dengan *one stop* itu pun *I'm not that sure*. Kalau boleh Yang Berhormat nanti kita duduk luar kita bincanglah macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan agar setengah daripada pegawai kerajaan hendaklah tukar *mindset* dengan izin *and accept the reality*. Jika kita ingin bersaing dengan negara-negara di Asia Tenggara pada masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tahniah Batu Kawan. Ini yang kita hendak dengar lawatan ke luar negara diberi nilai tambah kepada pemerhatian yang sangat baik untuk dibawa ke mari. Sebenarnya di negara kita, kita sudah ada *punch card* yang sepatutnya memastikan bahawa pegawai kita boleh kerja dengan baik. Hanya saya hendak tanya di sini Yang Berhormat dalam pemerhatian itu pastinya ada yang baik dan mungkin yang tak berapa baik untuk kita jadikan iktibar. Agaknya ada lihat tak di situ, sebab di situ dahulu tentera Amerika ini telah membawa dadah yang cukup banyak di situ.

Macam mana kedudukan masalah najis dadah di sana, kalau boleh kita belajar dari sana; kalau ini telah diperhatikan. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat, berhubung dengan najis dadah di Vietnam itu saya rasa saya tak dapat apa-apa maklumat berhubung dengan itu. Kalau Yang Berhormat hendak, *next trip* saya pergi ke sana saya boleh tanya kawan-kawan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita telah mencapai banyak kejayaan dalam tempoh 50 tahun yang lalu dan kini sedang melangkah masuk ke fasa 50 tahun yang kedua, maka *mindset* kita hendaklah berubah mengikut masa. Jika tidak, yang susah dan yang derita kemudian adalah anak dan cucu kita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit cuma dua perkara ini berhubung dengan kawasan saya. Sedikit sahaja iaitu...

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang apa Yang Berhormat?

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Sebelum Yang Berhormat Batu Kawan pergi ke kawasan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ramai Yang Berhormat hendak ucap juga.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong juga pandangan daripada rakan-rakan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sama ada adanya pemudah, sama ada adanya nilai tambah kepada usaha yang dibuat, kita melihat seolah-olah pendekatan yang kita perkenalkan itu kadang-kadang tidak ada kesudahannya. Kita tak tahu sama ada ianya *one stop centre* formula yang terbaik atau pemudah pendekatan yang terbaik. Ini kerana kita saban kali berdepan dengan persepsi pembangkang mengatakan bahawa pegawai kerajaan kalau baik dengan orang meniaga sahaja mereka terlibat dengan rasuah. Pegawai kerajaan pun takut hendak beri dan hendak kumpul semua datang kerana hendak menyambut kedatangan Yang Berhormat Batu Kawan, bimbang. Kalau pegawai kerajaan terlalu bersifat ataupun bersikap *business oriented* mereka dilihat mengabaikan tanggungjawab.

Jadi di mana Yang Berhormat sebenarnya kita hendak buat imbalan ini supaya kita tidak menimbulkan kesulitan kepada pegawai-pegawai yang hendak melaksanakan. Mereka saya percaya hendak buat yang terbaik hendak sambut ini pelaburan hendak datang, tapi bila mereka datang bila mereka beri kerjasama hadir perjumpaan timbul perkara-perkara persepsi yang seumpama ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bagi kita, kita buat apa yang patut sudahlah. Jangan peduli apa yang dikatakan oleh orang lain khasnya pihak pembangkang. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik ke kawasan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Kawasan. Kawasan saya di Parlimen Batu Kawan pada bulan yang lepas sudah banjir tiga kali. Tiga kali sudah banjir. Sekali banjir lebih kurang tiga kaki hingga empat kaki di mana air semua masuk ke rumah dan rakyat memang susahlah. Kalau tiga kali banjir, rakyat susah, saya rasa Ahli Parlimen lagi susahlah. Ahli Parlimen saya rasa tidak boleh lari, memang teruk di kawasan saya. Saya mintalah mohon bantuan pihak kementerian yang berkaitan ambil tindakan yang sewajarnya, khasnya untuk memperluaskan dan mendalamkan sungai-sungai di kawasan Parlimen saya.

Kedua, berhubung dengan masalah di kawasan saya iaitu di KADUN Perai iaitu pasar awam Taman Chai Leng Park. Ini Yang Berhormat Menteri pun sudah tahu. Saya sudah maklum kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini kerana pihak majlis tempatan dia hendak naikkan taraf pasar maka dia cari kontraktor. Kontraktor dia masuk, dia buat kerja, dia robohkan semua gerai dalam pasar itu. Selepas itu dua minggu kontraktor hilangkan diri dan sampai kini sudah dua tahun. Dua tahun biarkan begitu sahaja dan saya memang dapati pihak majlis tempatan memang duit tak ada. Memang duit tak ada.

Saya mintalah Yang Berhormat Menteri ada sini minta tolong Yang Berhormat Menteri. Banyak tolong atas perkara ini kerana bukan tolong saya juga tolong kepada rakyat. Rakyat yang susah, penjaja-penjaja semua susah di sana. Saya minta tolonglah Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Kawan selepas itu Batu Sapi.

5.07 ptg.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih juga dan saya ingin membahaskan Bajet 2008 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Saya ada lebih kurang tiga ke empat perkara sahaja. Pertamanya projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, rumah adalah keperluan asas penduduk yang utama. Walaupun begitu, masih ramai penduduk yang masih tidak berkemampuan memiliki rumah sendiri memandangkan harga rumah yang agak tinggi. Di kawasan saya, lebih daripada 10 buah kawasan setinggan didirikan oleh penduduk tempatan memandangkan mereka kebanyakannya berpendapatan rendah dan tidak mampu memiliki rumah kos tinggi dan sederhana. Harga rumah kos sederhana dengan dua bilik di sesetengah tempat sebagai contoh di *flat* Taman Mawar di Batu 4 Sandakan sahaja mencecah RM40,000 seunit. Harga rumah seperti ini bagi penduduk yang berpendapatan rendah adalah agak tinggi dan tidak ramai yang mampu membelinya.

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat setinggan sifar dan bagi membolehkan lebih ramai penduduk memiliki rumah sendiri, saya mencadangkan agar lebih banyak rumah kos

rendah dibina. Namun sampai hari ini, saya fikir di Sandakan di kawasan Batu Sapi saya tidak ada nampak rumah kos rendah dibina.

■ 1710

Bagaimanapun harga rumah kos rendah di Sabah masih agak tinggi iaitu dalam lingkungan RM27,000 hingga RM35,000 seunit dan jumlah yang dibina masih lagi tidak mencukupi.

Saya berpendapat harga rumah kos rendah seperti ini masih agak tinggi disebabkan kos bahan binaan yang mengikut harga pasaran semasa. Harga rumah kos rendah seperti ini masih dapat dikurangkan jika kerajaan dapat memperkenalkan sistem bahan binaan bebas cukai bagi bahan-bahan binaan untuk membina rumah, dengan izin *that is to say the material used should be tax free for low cost housing* seperti simen, *steel bar* dan *roofing sheet and all that*.

Dengan sistem ini pemaju perumahan kos rendah akan lebih berminat untuk memajukan kawasan perumahan kos rendah kerana margin keuntungan daripada projek itu adalah lebih baik lagi. Lebih rendah kos bagi membina seunit rumah kos rendah semakin rendah pula harga rumah yang dibina dan semakin ramai pula penduduk yang dapat memiliki rumah.

Pada masa yang sama jika kos bahan binaan bebas cukai, pemaju lebih sanggup membina kawasan perumahan yang lebih berkualiti dengan landskap dan jajaran jalan raya yang lebih baik.

Berkenaan dengan lesen PKK, Tuan Yang di-Pertua. Sudah hampir dua tahun pengeluaran dan kelulusan lesen PKK dibekukan, *it has been frozen*. Pembekuan ini bertujuan untuk membolehkan pusat khidmat kontraktor membersihkan pemilik lesen yang bermasalah seperti pemilik yang masih bermajikan. Pembekuan ini menghalang peluang usahawan baru yang benar-benar berminat menjadi kontraktor kelas F. Pembekuan ini secara implisit akan mendatangkan impak yang kurang baik kepada ekonomi dan pembangunan negara. Sampai bilakah pembekuan ini akan berterusan? Bilakah bakal-bakal usahawan kontraktor dapat turut serta dalam kerancangan proses pembangunan negara?

Usaha kerajaan memperuntukkan projek pembangunan di bawah sistem cabutan undi seperti yang diamalkan di Sabah adalah baik. Namun hanya kontraktor-kontraktor yang memiliki lesen kelas F sebelum dibekukan sahaja yang berpeluang menikmati pembahagian projek tersebut sedangkan masih ramai rakyat yang berminat melakukan perniagaan kontrak ini tetapi masih tidak mempunyai lesen sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah kurang logik pembekuan ini dilakukan sedemikian lama kerana ini menutup peluang bakal usahawan lain untuk memiliki lesen. Sehingga kini kita masih belum mendapat maklumat berhubung dengan usaha membersihkan pemilik lesen sedia ada. Adakah proses pembersihan itu masih berterusan atau bagaimana? Jika pembersihan telah selesai bilakah pula pembekuan ini dapat di tarik balik?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Projek Jalan Kampung. Saya berterima kasih kepada kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk Projek Jalan Kampung iaitu PJK.

Peruntukan untuk projek tersebut membolehkan kami Ahli Dewan Rakyat merancang dan menunaikan janji-janji kami kepada rakyat, terutamanya untuk memberi infrastruktur jalan kampung dengan lebih baik lagi.

Sebelum tahun ini projek sedemikian boleh diimplementasikan untuk membina dan membaik pulih jambatan dan titian di kampung-kampung. Namun mulai tahun ini, saya difahamkan bahawa Projek Jalan Kampung (PJK) hanya boleh diimplementasikan untuk membina dan membaik pulih jalan kampung sahaja dan tidak boleh digunakan untuk membina dan membaik pulih jambatan atau titian di kampung-kampung.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan saya hanya tinggal beberapa batang jalan yang dikategorikan sebagai jalan kampung sahaja yang tinggal kerana sebahagian besar peruntukan PJK bagi tahun 2005 hingga 2006 untuk kawasan Parlimen saya telah saya salurkan untuk pembinaan dan membaiki jalan kampung.

Untuk tahun ini semua peruntukan PJK telah digunakan untuk membina dan membaik pulih jalan kampung. Saya percaya bahawa pada tahun hadapan semua jalan kampung di kawasan saya telah menerima pembaikan dan naik taraf sehingga tidak ada lagi jalan kampung untuk dibaik pulih atau dibina semula.

Fenomena ini saya yakin bukan dialami di kawasan saya sahaja. Di mana-mana kawasan Parlimen yang dikategorikan sebagai *sub urban* dengan izin, menghadapi isu yang serupa pada tahun-tahun akan datang.

Sehubungan dengan itu saya suka mencadangkan dalam peruntukan PJK yang akan datang jambatan konkrit dan titian konkrit dan lain-lain pejalan lagi konkrit diizinkan untuk diguna pakai dalam implementasi Projek Jalan Kampung. Jika ini diterima kami dapat menunaikan janji-janji kami untuk membina prasarana seperti jambatan, titian dan laluan pejalan kaki di kampung-kampung yang sebahagian besar pengundi adalah mereka yang mendiami kawasan kampung-kampung ini.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Soalan ya. Saya tertarik dengan persoalan PJK iaitu jalan kampung ini tetapi masalah kita ialah selain daripada jalan-jalan kampung kita juga selalu dihujani oleh permohonan untuk mendapatkan jalan pertanian kerana kalau ada kampung mesti ada pertanian. Jadi saya kira sangat berkurangan untuk peruntukan jalan-jalan masuk ke ladang pertanian ini.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Batu Sapi kalau jalan kampung ini kita tambahkan menjadi jalan pertanian, jalan kampung dan pertanian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Memang Yang Berhormat bagi Gerik, itu ada kebaikan untuk semua kami. Sebagai wakil rakyat adalah lebih bagus. So, saya harap kementerian ambil kiralah.

Jika ini diterima kami dapat menunaikan janji kami untuk membina.....

■1720

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Batu Sapi setuju tak kalau kita tambah peruntukkan KKRW sekali ganda lagi daripada peruntukkan biasa kerana kita tengok keperluan jalan-jalan ini masih banyak di Sabah dan Sarawak. Kalau itu, sempurnalah manhaj Hadhari penjana kemajuan Malaysia, setuju tak?

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Itu saya pun sokong penuh dan terima kasihlah Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Pada masa yang sama, projek-projek infrastruktur seperti Projek Infrastruktur Awam PIA, Projek Infrastruktur Asas iaitu PIAS dan Projek Kecil Luar Bandar iaitu PEKA lebih memberikan keutamaan kepada pembinaan pembaikpulihan dan naik taraf prasarana. Kemudahan awam seperti balai raya, dewan serba guna, gelanggang, rumah rakyat termiskin, padang bola sepak dan sebagainya. Dengan itu, peruntukkan khas Ahli Parlimen atau MP *fund* dengan izin dapatlah digunakan untuk keperluan rakyat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kami sudah jadi wakil rakyat selama tiga tahun lebih dan saya pun lebih kurang datang ke Kuala Lumpur dalam satu tahun mungkin tiga, empat bulan ada di Kuala Lumpur. Saya juga bila saya naik teksi, dengan izin *public transport*. Saya fikir Kementerian Pengangkutan mesti ambil kira. Oleh kerana *public transport* dengan izin agak teruk. *There is no connectivity at all.*

Saya tidak tahulah, kalau pegawai-pegawai mungkin dari Kementerian Pengangkutan haruslah cuba *travel* dengan izin sebagai pelawat. Oleh kerana kalau kami terus turun dari KLIA dan kami naik KLIA Express sampai KL Sentral, kalau kami tidak ada beg, okeylah, tetapi biasanya pelawat ada *luggage*... [*sambil mengelap peluh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panas?

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Sudah panas, sudah panas. Kerana apabila angkat beg, kami tidak boleh jalan terus ke stesen monorel. Kami terpaksa menggunakan tangga kalau lif rosak, kami terpaksa mengangkat beg dan turun, bila hendak turun, terpaksa melintas menggunakan jalan raya, hendak lintas melalui pasar lagi *and I don't know what pasar that is*. Kemudian pergi ke stesen monorel untuk membeli tiket, naik ke atas dan naik monorel. Kalau sampai ke Bukit Bintang kami akan cari hotel, tetapi sampai ke mana-mana stesen monorel, kami tidak ada eskalator turun. Biasanya kami terpaksa angka beg turun sendiri, setengah mati.

Itulah masalah, *what kind of transport system are we providing for the tourist? It kind of image* dengan izin. *We are not giving a good image for travelers.* Saya fikir pegawai dari Kementerian Pengangkutan mesti mahu jalan, sendiri jalan dan angkat beg. Di mana-mana *shopping* pun di Bukit Bintang, you naik monorel ada eskalator tetapi turun tidak ada. *what kind system it is? Come on. You throw the bag down and then baru turun ke?* Saya betul-betul tidak faham.

This is the capital of Malaysia. Tolonglah kasi *improve* sistem ini dan juga di Bukit Bintang kerana kami selalu tinggal di sana. Kalau you jalan on *the pavement, the pavement is a one foot thick you know,* saya kasihkan orang tua. Kalau orang tua naik satu *pavement* itu pun teruk. *All the pavement* dengan izin *cause the coming off.* Ada *maintance* pun hentam saja. *Then, main cover* pun tidak ada tutup, tutup pun semuanya buruk. *Please, this is our capital, I think they have to look after the capital and this is very important because it is the gateway to Malaysia.*

Kalau tidak jaga itu tempat saya fikir, *I think DBKK mayor should take a walk. Please.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: DPKK? DBKL.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: DBKL, *sorry. I'm so used to DBKK* dengan izin, *I think the Datuk Bandar must take a walk and look around* sendiri apa masalah. *I have complained* dengan izin, *I have complaint from the hotel manager, and there are so many rats at this hotel* di belakang Hotel Istana, di belakang Jalan Alor. *What is the DBKL doing about it? So this is the criminals of our city.*

Di Jalan Bukit Bintang kalau you nampak, "Sayangi Kuala Lumpur". Bagaimana sayangi Kuala Lumpur kalau tidak jaga kebersihan? Kalau jalan raya semua buruk? Kalau ada tapak untuk *advertisement* dengan izin, *when they clear off, all the cement are still there, they don't clear off properly.* So *what is the DBKL doing about it? So I think the contractor they have to monitor* dengan izin. Jadi saya dengan ini saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pontian.

17.26 ptg.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakam ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah dapat membentang Belanjawan Bajet 2008 dengan pendekatan yang dapat dilihat kepada kepentingan semua lapisan dalam masyarakat.

Dari segi usaha-usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara, usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian, dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi keyakinan masyarakat terhadap ketelusan dan juga kebebasan di pihak-pihak yang terlibat dalam

usaha untuk membantu kerajaan menambah baik pembangunan ekonomi negara kita. Maka saya amat yakin dan percaya bahawa usaha-usaha yang diperkenalkan oleh kerajaan ini akan dapat membawa negara kita mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang pertama yang saya ingin bangkitkan ialah di sini mengenai hasrat kerajaan untuk menambah baik lagi sistem penyampaian di peringkat kementerian-kementerian. Akhir-akhir ini kita lihat bahawa banyak cakap di luar ataupun tanggapan di peringkat masyarakat luar secara umum bahawa dasar yang dibuat oleh kerajaan itu lengkap, semua ada dan mencakupi semua aspek. Sama ada dari segi keperluan asas di kampung, sama ada keperluan untuk menyediakan kemudahan yang bertaraf dunia negara pertama.

Semua dari segi perancangan, dari segi perancangan terperinci kerajaan dalam menyediakan perancangan tidak dapat hendak dipersoalkan. Saban kali kita mendengar rungutan bahawa telah keluar LOI atau *letter of intent*, tetapi pelaksanaannya tidak tahu bila. Sudah keluar surat tawaran kerja, tetapi kerja tak juga mula-mula, tidak boleh hendak dimulakan.

Maka, dalam keadaan yang sebegini kalau tidak ditangani, kalau tidak diambil langkah-langkah yang sewajarnya, maka hasrat asal dan tujuan asal Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat akan dibenarkan menyambung semula pada minggu depan.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 29 Oktober 2007.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang